

**KEBOLEHBACAAN DAN KESESUAIAN  
TEKS KOMPONEN SASTERA BAHASA MELAYU:  
KAJIAN MENURUNKAN INDEKS KEBOLEHBACAAN**

The seal of Universiti Pendidikan Sultan Idris is a large, circular emblem in the background. It features a central torch with a flame, positioned above an open book. To the left of the book is a stylized molecular or network structure, and to the right is a traditional oil lamp. The entire emblem is surrounded by a circular border containing the university's name in Malay: 'UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS' at the top and 'PENGETAHUAN SULUH BUDIMAN' at the bottom.

**DAHLIA BINTI JANAN**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**Jun, 2003**

KEBOLEHBACAAN DAN KESESUAIAN  
TEKS KOMPONEN SASTERA BAHASA MELAYU:  
KAJIAN MENURUNKAN INDEKS KEBOLEHBACAAN

DAHLIA BINTI JANAN  
2000/0122

DISERTASI

Dikemukakan kepada Pusat Pengajian Pasca Siswazah  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Untuk memenuhi  
sebahagian daripada syarat memperoleh  
Ijazah Sarjana Pendidikan

Jun, 2003



PENGAKUAN

Bahawasanya saya mengaku sesungguhnya tesis ini ialah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya catatkan sumbernya.

JUN 2003

.....  
DAHLIA BINTI JANAN

2000/00122

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pengasih dan penyayang. Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat saya menyempurnakan penulisan disertasi ini.

Sekalung terima kasih dan penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah membantu dalam usaha menyiapkan penulisan disertasi ini terutamanya:

Penyelia, Profesor Abdullah Hassan yang memberi bimbingan dengan penuh tekun dan sabar. Kesudian beliau meluangkan masa untuk menyemak kajian ini amat dihargai.

Kepada Profesor Khadijah Rohani Md. Yunus saya rakamkan penghargaan kerana sudi memberi tunjuk ajar mengenai penggunaan formula dan memberi kebenaran menerbitkan sebahagian daripada kajian beliau.

Kepada keluarga saya yang sentiasa memberikan galakan dan sokongan, saya merakamkan ucapan terima kasih. Semoga pengorbanan mereka mendapat rahmat daripada Allah Subhanahu wata'ala.

Akhir sekali, ucapan terima kasih ditujukan kepada rakan-rakan, Fakulti Bahasa dan Pusat Pengajian Pasca Siswazah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan St. Michael dan semua pihak yang telah memberi sumbangan dan sokongan.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mencari kaedah menurunkan tahap kebolehbacaan bahan bacaan sastera, iaitu cerpen yang digunakan di sekolah-sekolah menengah Malaysia. Suatu kajian dilakukan untuk mengenal pasti kaedah yang digunakan untuk menurunkan tahap kebolehbacaan cerita *Robinson Crusoe* yang ditulis oleh Daniel Defoe. Usaha ini telah dilakukan oleh *Oxford University Press* untuk menurunkan tahap kebolehbacaan cerita *Robinson Crusoe* supaya dapat dibaca oleh tiga kelompok pembaca, iaitu peringkat universiti, gred tiga dan dua. Kemudian, kaedah ini digunakan untuk menurunkan tahap kebolehbacaan sebuah cerpen *Kami yang Terlibat*, karya seorang Sasterawan Negara, Usman Awang. Lazimnya, cerpen ini dibaca oleh murid-murid sekolah menengah. Indeks kebolehbacaan cerpen dikira dengan menggunakan formula Khadijah Rohani, (1982). Kemudian, tahap kebolehbacaan cerpen ini diturunkan supaya dapat dibaca oleh murid-murid tahap dua sekolah rendah. Kaedah yang digunakan ini, diharap akan dapat memberi sumbangan untuk menurunkan tahap bacaan sebarang teks sastera lain yang difikirkan sesuai untuk dibaca pada tingkatan yang lebih rendah.

## ABSTRACT

This study is intended to discover a methodology to lower the readability index of certain Malay literature texts, such as short stories and novels, used in Malaysian schools. A study was made on the methodology used to lower the readability index of Daniel Defoe's *Robinson Crusoe*. Oxford University Press lowered the readability index for *Robinson Crusoe*, for three groups of readers, namely the university readers, and those of grades three and four. The methodology was adapted and used to lower the readability index of Usman Awang's *Kami yang Terlibat*. This is a short story written by a well-known Malaysia's literary figure, and his works are read by pupils in the secondary schools. The readability index of the short story was determined using Khadijah Rohani's formula (1982). Subsequently, the readability index for the short story was lowered so that pupils from standard five in primary school can read it. It is hoped that, the methodology used in this study will be able to make a contribution in similar exercises to lower the readability index of those literature materials to be read by pupils in lower classes.

JADUAL KANDUNGAN

Penghargaan.....	iv
Abstrak.....	v
Jadual Kandungan.....	vii
Senarai Jadual.....	x
Senarai Rajah.....	xiii
Senarai Istilah.....	xiv
Bab I: Pendahuluan.....	1
Permasalahan Kajian.....	5
Tujuan Kajian.....	6
Soalan Kajian.....	7
Kepentingan Kajian.....	7
Batasan Kajian.....	8
Kajian-kajian Lepas.....	8
Reka Bentuk Kajian.....	18
Sampel Kajian.....	19
Prosedur Pengumpulan Data.....	19
Prosedur Penganalisisan Data.....	20
Bab II: Kebolehbacaan.....	21
Apakah Bacaan.....	21
Teori Bacaan.....	21
Proses Membaca.....	22
Hubungan Proses Membaca dengan Kebolehbacaan.....	26
Definisi Kebolehbacaan.....	27
Mengapa Kita Meramal Kebolehbacaan.....	29

Faktor-faktor yang Mempengaruhi	
Kebolehbacaan Bahan.....	31
Sejarah Perkembangan Formula Kebolehbacaan.....	36
Formula-formula Kebolehbacaan.....	38
Kepelbagaian Penggunaan Pengukuran Kebolehbacaan...	50
Kebolehbacaan dan Bahan Baca di Bilik Darjah.....	51
Bab III: Kajian Kes Menurunkan Tahap Kebolehbacaan	
Cerita <i>Robinson Crusoe</i> .....	54
Tujuan Kajian.....	54
Kaedah Menurunkan Kebolehbacaan yang Digunakan Oleh <i>Oxford University Press</i> .....	55
Kebolehbacaan Bahan.....	83
Kesimpulan Proses Menurunkan Tahap Kebolehbacaan Bahan.....	88
Langkah-langkah Menurunkan Tahap Kebolehbacaan Bahan.....	93
Bab IV: Proses Menurunkan Tahap Kebolehbacaan	
Cerpén Kami yang Terlibat.....	96
Kaedah Menurunkan Tahap Kebolehbacaan Bahan.....	96
Indeks Tahap Kebolehbacaan Cerpén Kami yang Terlibat.....	98
Tahap Kebolehbacaan Cerpén Kami yang Terlibat yang Dikehendaki.....	102
Proses Menurunkan Tahap Kebolehbacaan Cerpén Kami yang Terlibat.....	103
Perbincangan Berkaitan Proses Menurunkan Tahap Kebolehbacaan Cerpén Kami yang Terlibat.....	175

Tahap Kebolehbacaan Cerpen Kami yang Terlibat yang telah Diturunkan Tahap Kebolehbacaanya.....	203
Bab V: Kesimpulan.....	209
Cadangan Kajian Lanjutan.....	215
Rujukan.....	217
Lampiran-lampiran	
Lampiran A:	
Senarai Teks Unsur Sastera Bahasa Melayu.....	233
Lampiran B:	
Kemahiran Sastera dalam Komponen Sastera Bahasa Melayu.....	242
Lampiran C	
Senarai Teks Komponen Sastera Bahasa Melayu.....	246
Lampiran D:	
Senarai Teks Komponen Sastera yang Ditulis oleh Sasterawan Negara.....	253
Lampiran E:	
Cerpen Kami yang Terlibat Versi Asal.....	255
Lampiran F:	
Cerpen Kami yang Terlibat Versi yang Diturunkan Tahap Kebolehbacaanya.....	272

## SENARAI JADUAL


Jadual 1	Tahap Kebolehbacaan Cerpen-cerpen Dalam Buku Anak Laut	3
Jadual 2	Lima Kesukaran Berkaitan dengan Ayat	35
Jadual 3	Hubungan Pembolehubah Dalam Tiga Faktor yang Ditubuh mrlalui Analisis Regresi	46
Jadual 4	Pembolehubah Penelah Berdasarkan Regresi	47
Jadual 5	Tahap Kebolehbacaan Bahan dan Darjah/ Tingkatan Pelajar	50
Jadual 6	Proses Perubahan Perkataan Sukar kepada Perkataan Mudah	69
Jadual 7	Proses Perubahan dengan Menggugurkan Perkataan yang Jarang Digunakan dan Diganti dengan Perkataan yang Lazim	70
Jadual 8	Proses Memendekkan Frasa Adverb	72
Jadual 9	Proses Menukar Frasa yang Gah dengan Perkataan Lazim	74
Jadual 10	Proses Menggugurkan Frasa yang Tidak Bermakna	75
Jadual 11	Proses Memendekkan Ayat Majmuk	76
Jadual 12	Proses Memendekkan Ayat dengan Menggunakan Tanda Baca	79
Jadual 13	Proses Perubahan Jenis Ayat	81
Jadual 14	Proses Perubahan dengan Membuat Nota Kaki	82
Jadual 15	Tahap Kebolehbacaan Naskhah Asal Cerita <i>Robinson Crusoe</i>	84

Jadual 16	Tahap Kebolehbacaan Cerita <i>Robinson Crusoe</i> untuk Murid Gred Dua	85
Jadual 17	Tahap Kebolehbacaan Cerita <i>Robinson Crusoe</i> untuk Murid Gred Tiga	86
Jadual 18	Tahap Kesukaran Bahan yang Disarankan oleh Rudolf Flesch	87
Jadual 19	Tahap Kesukaran Bahan Mengikut Peingkat Umur yang Disarankan oleh Rudolf Flesch	87
Jadual 20	Proses Menggugurkan Peristiwa yang Berunsur Negatif	177
Jadual 21	Proses Menggugurkan Peristiwa-peristiwa dalam Bahasa Puitis	179
Jadual 22	Proses Menggugurkan Peristiwa-peristiwa Sampingan	180
Jadual 23	Proses Menggugurkan Contoh-contoh	182
Jadual 24	Proses Menggugurkan Penerangan yang Panjang	182
Jadual 25	Proses Memberi Penerangan Umum kepada Penerangan yang Panjang	185
Jadual 26	Proses Menggugurkan Penggunaan Frasa yang Lewah	186
Jadual 27	Proses Menukarkan Perkataan Pinjaman Kepada Perkataan Bahasa Melayu	187
Jadual 28	Proses Memberi Penerangan kepada Perkataan Pinjaman	188
Jadual 29	Proses Menukarkan Perkataan yang Jarang Digunakan dengan Perkataan Lazim	189

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
Jadual 30	Proses Menukarkan Perkataan Abstrak dengan Perkataan Konkrit	190
Jadual 31	Proses Menukarkan Perkataan Lama kepada Perkataan Baru	190
Jadual 32	Proses Mengugurkan Kata Hubung yang Lewah	191
Jadual 33	Proses Mengugurkan Frasa Kata Hubung yang Lewah	191
Jadual 34	Perbezaan Jumlah Perkataan dalam Cerpen	192
Jadual 35	Perubahan Jenis Ayat	193
Jadual 36	Perbezaan Purata Jumlah Perkataan dalam Ayat	200
Jadual 37	Proses Penguguran Tanda Baca	200

## SENARAI RAJAH

Rajah 1	Pemerhatian tempoh membaca menggunakan alat pengesanan mata	24
Rajah 2	Graf Fry	40
Rajah 3	Graf Kesesuaian Kebolehbacaan dengan Umur	41



## SENARAI ISTILAH

Istilah	Makna
bacaan analitis dan penilaian	pembaca yang serius selalunya menilai dan menganalisis bahan yang dibaca
bacaan belajar	bacaan belajar dilakukan untuk tujuan pendidikan
bacaan pantas	bacaan pantas tidak bertujuan menganalisis maklumat secara intensif
bacaan personal	gaya bacaan yang lazim dilakukan oleh individu untuk mencari maklumat secara aman dan untuk keseronokan mengikut tujuan membaca individu tersebut
bacaan sepintas lalu	bacaan sepintas lalu bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh tanpa menitik-beratkan perincian dan untuk mengetahui sama ada sesuatu bahan itu perlu dibaca secara mendalam
bacaan tinjauan	bacaan tinjauan bertujuan untuk mendapat maklumat tertentu sahaja

*backtracking*

pengesanan perkataan ke belakang

*behaviuoris*

tingkah laku

*competence*

Kecekapan

*context*

Konteks

*conventions*

Kelaziman

*eye tracker*

pengesanan mata

*fixation*

penetapan

*foreign language learner* pelajar bahasa daripada luar negara*fussy*

banyak kerenah

*inner speech*

pertuturan dalaman

kaedah fonetik

pengecaman kata mengikut pentafsiran

bunyi yang dibuat oleh satu huruf

tertentu atau gabungan huruf

kaedah

pengecaman kata secara keseluruhan

pengecaman

kesan kekerapan tempoh penetapan yang lebih pendek  
diperlukan jika kata sesuatu kata itu  
kerap digunakan atau dikenali

kesan tempoh penetapan yang lebih lama berlaku  
kepanjangan apabila sesuatu kata itu panjang

kesan konteks tempoh penetapan dapat dipendekkan jika  
makna sesuatu kata dapat diperolehi  
melalui konteksnya dalam ayat

*knowledge of the world* ilmu pengetahuan mengenai alam kita

komsas komponen sastera bahasa Melayu

maklumat bukan visual pengetahuan sedia ada mengenai bahan yang  
dibaca, kefahaman tentang bahasa bahan  
tersebut dan kebolehan membaca secara am

maklumat visual maklumat bercetak yang dirakam oleh mata  
ketika membaca

*mental model* model minda

metafora penggunaan kata yang menerbitkan makna  
yang berlainan daripada makna tersurat

penglihatan

kejadian yang berlaku apabila otak

tersumbat

dibebankan dengan maklumat visual

*Plain Language*

Undang-undang Bahasa Mudah

*Law*

*pooled teacher*

kumpulan guru-guru (mahir)

*reading age*

Usia yang bersesuaian dengan sesuatu  
bahan bacaan

*sccades*

siri pergerakan pantas sistem visual yang  
melompat-lompat dari satu tempat yang  
difokus kepada yang lain yang dikenali  
sebagai ginjatan

*selective search* pencarian berpilih

*semantic priming* mencari makna

*simile*

Kiasan

*spoken word*

perkataan pertuturan

*working memory*

simpanan minda berkerja

*store*

## BAB I

### PENDAHULUAN

Penggunaan bahan sastera dalam mata pelajaran bahasa Melayu bermula sejak Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM) lagi. Pada masa itu, tujuan penggunaan bahan sastera hanyalah sebagai alat memupuk asas pelajaran sastera di samping mengukuh mata pelajaran bahasa Melayu (Kementerian Pendidikan Malaysia 1978).

Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), pengajaran menggunakan bahan sastera dalam mata pelajaran bahasa Melayu diperluas dan mempunyai satu waktu yang khusus dalam jadual. Pada peringkat ini, tujuan memasukkan bahan sastera dalam mata pelajaran bahasa Melayu meliputi tujuan mengapresiasi pelbagai genre sastera. Bahan yang digunakan meliputi genre sastera seperti novel, cerpen, sajak, drama, prosa tradisional dan puisi tradisional. Sebanyak 225 buah buku diperakukan oleh Kementerian Pendidikan. Guru-guru diarahkan memilih satu bahan sastera setiap minggu daripada buku-buku yang disenaraikan sebagai sumber pengajaran (Pusat Perkembangan Kurikulum 1990). Lihat lampiran A untuk senarai lengkap buku yang diperaku oleh Kementerian Pendidikan.

Pada Mac 2000, penggunaan komponen sastera (komsas) dalam mata pelajaran bahasa Melayu telah dibuat pembaikan. Pembaikan komsas dilakukan dari aspek tujuan, pelaksanaannya di bilik

darjah, bahan-bahan yang dijadikan rujukan dan penaksiran pencapaian pelajar dalam peperiksaan. Tujuan pelaksanaan komsas dalam mata pelajaran bahasa Melayu, kini bukan sahaja untuk mengapresiasi sastera tetapi bertujuan menguasai kemahiran sastera di samping memupuk budaya bangsa (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.5/2000). Lihat lampiran B untuk senarai kemahiran sastera.

Untuk mencapai tujuan di atas, komsas wajib diajar dalam dua daripada enam waktu bahasa Melayu. Prestasi murid mula dinilai dalam peperiksaan awam iaitu peringkat peperiksaan Penilaian Menengah Rendah tahun 2002 dan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2001. Seratus empat puluh lima buah teks sastera yang dipilih sebagai teks wajib terdiri daripada genre novel, cerpen, drama, sajak, prosa tradisional dan puisi tradisional (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.5/2000). Lihat lampiran C untuk senarai terperinci teks sastera.

Pemilihan teks komsas adalah berdasarkan kepada kriteria penilaian dan pemilihan teks kesusasteraan Melayu tingkatan empat dan lima KBSM yang dikeluarkan pada tahun 1998. Terdapat 12 kriteria disenaraikan. Kriteria-kriteria tersebut tidak menyebut kebolehbacaan sebagai salah satu daripada kriteria dalam memilih teks komsas (Pusat Perkembangan Kurikulum 25 Mac 1998).

Kebolehbacaan penting diberi perhatian dalam pemilihan teks komsas kerana ia boleh mengelakkan pemilihan teks yang terlampau sukar kepada murid-murid. Misalnya, novel Kapten Hassan Wira Bangsa oleh Harun Johari yang digunakan sebagai

buku bacaan murid tingkatan dua. Mengikut indeks kebolehbacaan formula Profesor Khadijah Rohani, buku ini sebenarnya mempunyai tahap kebolehbacaan yang tinggi iaitu 9.74. Tahap ini sebenarnya sesuai dibaca oleh murid-murid dalam tingkatan empat dan lima.

Selain itu, kebolehbacaan juga boleh mengelakkan pemilihan bahan yang terlalu mudah. Contohnya, buku *Anak Laut* (Antologi Kesusasteraan Melayu Sekolah Menengah, Tingkatan 4) banyak mengandungi cerpen-cerpen yang mempunyai tahap kebolehbacaan yang lebih rendah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1

*Tahap Kebolehbacaan Cerpen-cerpen dalam Buku Anak Laut*

Cerpen	Indeks Kebolehbacaan	Sesuai untuk
Menatap Wajahnya	5.4	Darjah lima
Annyess Sophillea	5.2	Darjah lima
Kerana Manisnya Epal	3.1	Darjah tiga
Lambaian Malar Hijau	5.4	Darjah lima
Pusaran	4.9	Darjah empat
Budi yang Tak Terbeli	3.7	Darjah tiga

Selanjutnya, pemilihan teks drama *Jangan Bunuh Rama-Rama* karya sasterawan negara, Datuk Noordin Hassan, didapati tidak wajar kerana teks berkenaan menjadi bahan kajian peringkat ijazah doktor falsafah oleh Fatimah Ali (Abdul Ahmad, 1999, hlm. 8). Oleh itu, satu kaedah yang sesuai perlu digunakan

untuk memilih teks sastera supaya teks yang dipilih benar-benar sesuai dengan peringkat umur murid.

Kajian-kajian oleh para sarjana Barat seperti Spardorcia (2000), Reed (1988), Pride (1987), Staten (1982), Durham (1982), dan Field (1982); serta disokong oleh sarjana tempatan seperti Khadijah Rohani (1982), Jamaliah Ahmad (1991), Ong Saw Lan (1991), Wong Kim Lan (1985), Pang Hock Chin (1996), Jasimah Hashim (1998), Mat Jizat Abdol (1991) membuktikan bahawa kebolehbacaan sesuatu teks itu penting serta mempunyai hubungan dengan pencapaian murid.

Bahan bacaan yang benar-benar sesuai dengan murid sukar ditetapkan. Ini kerana, walaupun pada usia yang sama murid-murid mempunyai minat, pengetahuan sedia ada, latar belakang dan kecerdasan yang berbeza. Pemilihan bahan yang dapat memenuhi semua ciri murid yang berbeza ini merupakan satu masalah besar.

Pelbagai teknik boleh digunakan untuk memilih bahan bacaan. Salah satu daripada teknik yang boleh digunakan ialah kebolehbacaan. Kebolehbacaan bahan ialah teknik pengukuran perbendaharaan kata dan struktur ayat yang digunakan dalam sesuatu teks. Index yang diperolehi hasil pengukuran ini boleh menentukan tahap susah atau senang untuk sesuatu bahan itu dibaca. Oleh yang demikian, pengkaji akan mengkaji isu memilih teks komsas dan kebolehbacaan.

### Permasalahan Kajian

Pemilihan teks komsas sebanyak 145 buah tidak memasukkan banyak karya sasterawan negara. Daripada 145 buah karya yang dipilih hanya terdapat tujuh karya sasterawan negara. Karya-karya yang dipilih pula didapati tidak sesuai kerana mempunyai tahap kebolehbacaan yang tinggi daripada peringkat umur murid untuk membacanya. Lihat lampiran D untuk senarai teks komsas karya sasterawan negara.

Karya-karya sasterawan negara perlu terus dipilih sebagai teks komsas kerana ia banyak mengandungi unsur pendidikan dan pengajaran. Karya-karya ini banyak mempamerkan perjuangan masyarakat dalam mencapai kemerdekaan. Hal ini, perlu diterapkan kepada murid supaya rasa cinta kepada negara dan menghargai kemerdekaan dapat dipupuk. Selain itu, menurut Datuk Johan Jaafar (2001) karya-karya sasterawan negara bersifat universal. Misalnya, karya sasterawan negara Datuk Usman Awang bertajuk *Teluk Gong* mempamerkan perjuangan nasib bangsa tanpa mengira ras. Oleh itu, karya-karya sasterawan yang digunakan dalam bilik darjah boleh meningkatkan perpaduan kaum.

Penggunaan karya sasterawan agung sebagai bahan bacaan untuk murid-murid sekolah menengah dan rendah telahpun dipraktikkan dalam bahasa Inggeris. Karya-karya agung oleh penulis tersohor iaitu, Shakespeare seperti *A Mid-Summer Night's Dream*, *Hamlet*, *Julius Caesar* dan *Macbeth* boleh didapati pada tahap bacaan pelajar universiti dan murid-murid sekolah menengah dan rendah. Manakala hasil penulisan penulis

seperti Jane Austin (*Pride and Prejudice*, *Little Women*, *Persuasion*, *Sense and Sensibility* dan *Emma*), Charles Dickens (*A Tale of Two Cities* dan *Oliver Twist*), Sir Arthur Conan Doyle (*Sherlock Holmes*), Mark Twain (*Andventures of Huckleberry Fin*, *Andventures of Tom Sawyer* dan *The Prince and the Pauper*), Harriet Beecher Stowe (*Uncle Tom's Cabin*), dan Robert Louis Stevenson (*Treasure Island*) telahpun diturunkan tahap kebolehbacaannya ke tahap bacaan murid-murid sekolah rendah dan kanak-kanak prasekolah.

Di Malaysia penggunaan karya penulis terkenal ini telahpun dipraktikkan. Karya *Robinson Crusoe* oleh Daniel Defoe, *The Phantom of the Opera* oleh Gaston Leroux, *Dr Jekyll and Mr Hyde* oleh Robert Louis Stevenson, dan *Sonet 18* oleh Shakespeare telahpun digunakan dalam komponen sastera bahasa Inggeris. Ini kerana karya-karya yang digunakan telahpun diturunkan tahap kebolehbacaannya. Perkara ini tidak dilaksanakan dalam bahasa Melayu kerana belum ada cubaan untuk menurunkan tahap kebolehbacaan karya-karya bahasa Melayu.

Oleh itu, kajian ini akan menghasilkan satu kaedah untuk menurunkan tahap kebolehbacaan teks sastera supaya karya-karya sasterawan negara yang mempunyai nilai moral yang tinggi dapat disesuaikan dan digunakan oleh murid-murid sekolah.

#### Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengenalpasti kaedah menurunkan tahap kebolehbacaan bahan.

2. Menyenaraikan langkah-langkah menurunkan tahap kebolehbacaan bahan.

3. Menurunkan tahap kebolehbacaan sebuah teks karya sasterawan negara menggunakan kaedah yang dihasilkan.

#### Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan menjawab soalan-soalan berikut:

1. Apakah kaedah yang Oxford University Press gunakan untuk menurunkan tahap kebolehbacaan karya *Robinson Crusoe* oleh Daniel Defoe?

2. Apakah langkah-langkah yang boleh digunakan untuk menurunkan tahap kebolehbacaan bahan bahasa Melayu?

3. Apakah tahap kebolehbacaan cerpen *Kami yang Terlibat* oleh Usman Awang?

4. Apakah tahap kebolehbacaan cerpen *Kami yang Terlibat* oleh Usman Awang selepas menggunakan langkah-langkah menurunkan tahap kebolehbacaan bahan yang disenaraikan?

#### Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada penghasilan bahan bacaan yang sesuai untuk pembaca. Diharapkan kaedah menurunkan tahap kebolehbacaan bahan yang dihasilkan dapat membantu menurunkan tahap kebolehbacaan karya-karya klasik, karya-karya oleh sasterawan negara, bahan-bahan ilmiah oleh para sarjana tempatan, terbitan berkala badan kerajaan dan swasta serta bahan terbitan universiti-universiti tempatan. Dengan ini, segala ilmu dan maklumat-maklumat

penting dalam bahan bacaan tersebut dapat disampaikan kepada murid-murid di tingkatan rendah.

Selain itu, diharap dengan kaedah ini juga dapat menjana aliran perpindahan ilmu daripada satu bahan bacaan yang berbentuk ilmiah dan sukar difahami kepada bahan bacaan yang mudah difahami oleh pembaca umum tanpa mengurangkan jumlah ilmu bahan tersebut. Oleh itu, bahan bacaan yang dahulu hanya boleh dinikmati oleh sekelompok masyarakat yang berpendidikan tinggi sahaja sudah boleh dinikmati oleh semua.

#### Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai batasan-batasan tertentu iaitu:

1. Kajian ini menggunakan karya asal *Robinson Crusoe* yang ditulis oleh Daniel Defoe dan dua buah buku cerita *Robinson Crusoe* yang telah diturunkan oleh Oxford University Press tahap kebolehbacaannya, dan jumlah perbendaharaan katanya masing-masing menjadi sebanyak 2900 dan 3200.
2. Sebuah karya oleh sasterawan negara Usman Awang bertajuk *Kami yang Terlibat* digunakan dalam proses menurunkan tahap kebolehbacaan bahan.

#### Kajian-kajian Berkaitan

Kajian di luar negara dalam bidang kebolehbacaan ini sudah banyak. Dalam ProQuest Digital Dissertations terdapat 372 kajian berkaitan kebolehbacaan dari tahun 1944 hingga 2000. Kajian kebolehbacaan ini bukan sahaja meliputi bidang

pendidikan malah digunakan dalam bidang perniagaan, perundangan dan perubatan (Fry, 1986, hlm. 1).

Dalam bidang pendidikan kebanyakan kajian kebolehbacaan yang dijalankan adalah berkaitan dengan kebolehbacaan sebagai kriteria penting dalam memilih buku teks. Banyak kajian membuktikan tahap kebolehbacaan bahan-bahan berkait rapat dengan tahap kebolehbacaan murid dan pencapaian mereka dalam peperiksaan.

Penyelidikan dalam bidang kebolehbacaan bahan-bahan belum banyak dilakukan di Malaysia (Khadijah Rohani, 1987, hlm. 277). Pernyataan yang dikemukakan oleh Profesor Khadijah Rohani ini, masih boleh diterima sehingga sekarang. Ini kerana, sehingga tahun 2000, terdapat hanya sembilan orang pengkaji yang menjalankan penyelidikan dalam bidang ini di Malaysia. Di Universiti Malaya terdapat tiga kajian peringkat sarjana berkaitan kebolehbacaan. Manakala di Universiti Pertanian Malaysia pula hanya terdapat dua kajian peringkat sarjana dan satu kertas projek. Di Universiti Kebangsaan Malaysia pula terdapat satu kajian peringkat kedoktoran namun begitu tiada kajian kesisipan dilakukan oleh pengkaji di Universiti Sains Malaysia. Terdapat dua orang pengkaji tempatan yang membuat kajian berkaitan kebolehbacaan di universiti luar negara. Khadijah Rohani (1982) telah mengkaji penubuhan formula kebolehbacaan di Universiti of Miami dan Norhan Mohd Hussein (1996) telah mengkaji tahap kebolehbacaan buku teks biologi sekolah-sekolah di Malaysia di University of Reading.

Kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji di Malaysia kebanyakannya berkaitan dengan kebolehbacaan buku-buku teks. Di samping itu, kajian-kajian tersebut memberi maklumat tentang tahap kebolehbacaan buku-buku teks dan kepentingan kebolehbacaan dalam proses pemilihan buku teks untuk pelajar-pelajar sekolah. Kajian yang sedia ada majoritinya mengkaji buku-buku teks bahasa Melayu, teks kefahaman bahasa Inggeris, buku teks fizik, buku teks sekolah vokasional dan buku teks biologi.

#### Kajian-kajian Kebolehbacaan Dikaitkan dengan Buku Teks

Pemilihan buku teks di Malaysia telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Biro Buku Teks. Kriteria pemilihan buku teks tertakluk kepada akta rahsia biro tersebut. Namun demikian, banyak kajian membuktikan penggunaan formula kebolehbacaan merupakan kriteria memilih buku teks yang mempunyai tahap kebolehppercayaan yang tinggi.

Spadorcia (2000, hlm. 1), mengkaji tahap perkataan, tahap ayat dan tahap petikan dalam buku untuk pembaca dewasa sebagai bahan model interaktif kefahaman membaca. Kajian oleh Reed (1988, hlm. 1) bertajuk *An Analysis of Reading Level of Students and Readability Levels of Textbook at Selected Junior Colleges in the State of Alabama*, mengkaji tahap kebolehbacaan 30 buah buku teks yang digunakan oleh pelajar-pelajar di lima buah kolej. Dalam kajian ini formula kebolehbacaan Fry digunakan untuk menentukan tahap kesukaran buku. Dapatan kajian beliau melaporkan purata tahap kebolehbacaan bahan

ialah 13.93 iaitu tahap bacaan pelajar antara umur 9 hingga 17 tahun. Selain itu, 70% buku-buku yang dikaji sesuai untuk tahap kolej. Beliau juga mencadangkan formula kebolehbacaan sebagai salah satu kriteria dalam pemilihan buku teks.

Pada 1987; Pride (1987, hlm. 1) telah mengkaji hubungan kebolehbacaan buku teks dengan kebolehan membaca di kalangan pelajar kolej komuniti. Kajian beliau mendapati bahawa pelajar yang membaca buku yang mempunyai tahap kebolehbacaan lebih tinggi daripada tahap kebolehbacaan mereka, mendapat gred yang rendah berbanding pelajar yang membaca buku tahap kebolehbacaan lebih rendah. Kajian yang telah dijalankan ini hampir sama dengan kajian yang dilakukan oleh Staten pada tahun 1980. Staten juga mendapati adanya hubungan antara tahap kebolehbacaan buku teks dengan pencapaian pelajar.

Selain itu, dua orang sarjana iaitu Durham (1982, hlm. 1) dan Field (1982, hlm. 1) telah membuktikan kesan kebolehbacaan kepada pencapaian pelajar dalam bidang Matematik dan Sains. Kajian Durham bertujuan melihat kesan tahap kebolehbacaan bahan matematik kepada tahap pencapaian pelajar dalam matematik. Satu bahan pelajaran matematik telah ditulis pada tiga tahap kebolehbacaan yang berbeza. Bahan-bahan ini kemudiannya diberikan kepada tiga kumpulan pelajar yang dipilih secara rawak. Pelajar selanjutnya diberi ujian pra dan pasca berkaitan tajuk yang diberikan. Keputusan yang beliau peroleh menunjukkan kumpulan pelajar yang menerima bahan yang tahap kebolehbacaan paling rendah mencapai gred yang lebih tinggi berbanding dua kumpulan lain. Kajian yang sama telah

dijalankan oleh Bankston (1975, hlm 1). Kajian Durham dan Bankston menggunakan kaedah dan prosedur kajian yang sama, cuma respondennya sahaja yang berbeza. Keputusan yang diperoleh juga sama iaitu terdapat hubungan signifikan antara kebolehbacaan bahan dengan pencapaian dan kajian ini menyamai kajian oleh Field (1982, hlm. 1) yang mendapati pencapaian pelajar dalam sains dipengaruhi oleh tahap kebolehbacaan buku teks yang dibaca.

Kajian oleh Johnson (1980, hlm. 1) melihat kesan kekerapan perkataan, panjang ayat dan struktur ayat kepada kebolehbacaan petikan dalam dua buah buku teks pelajar kolej. Kajian ini bertujuan menentukan faktor yang mana mempengaruhi kebolehbacaan petikan sepanjang 1000 patah perkataan daripada buku teks. Kandungan petikan dikekalkan sama. Dua petikan sampel iaitu yang bertajuk Sel dan Komputer kemudiannya ditulis semula menggunakan tahap kebolehbacaan yang berlainan dengan cara sama ada memendekkan ayat, menggunakan perkataan biasa dan menggunakan ayat yang mempunyai frasa yang pendek. Mula-mula responden diberikan petikan Sel dan Komputer yang tidak diubahsuai, responden dikehendaki membacanya dan menjawab soalan berkaitan pemahaman berkaitan petikan yang dibaca. Selepas seminggu responden diberi pula petikan yang telah diubah suai dan mereka juga dikehendaki menjawab soalan pemahaman. Hasil kajian mendapati petikan Sel yang ditulis semula dengan menggunakan kombinasi ayat pendek dan perkataan yang biasa lebih mudah dibaca dan difahami. Manakala petikan

Komputer lebih mudah apabila ditulis semula dengan struktur ayat yang menggunakan frasa pendek.

### Kajian Terhadap Kebolehbacaan

Kebolehbacaan boleh digunakan dalam pelbagai bidang. Oleh itu, terdapat banyak kajian yang menggunakannya sebagai alat membantu menentukan tahap susah senang sesuatu bahan.

Weisenmiller (1999, hlm. 1) mengkaji kebolehbacaan tulisan pada skrin komputer. Beliau mengkaji kesan empat jenis fon terhadap kadar bacaan dan kefahaman pembaca. Hasilnya tiada hubungan signifikan antara kadar bacaan dan kefahaman membaca dengan penggunaan empat jenis fon tersebut. Hugo (1999, hlm. 1) pula mengkaji tahap kebolehbacaan arahan discaj di bahagian kecemasan hospital kepada pesakit. Untuk melaksanakan kajian Hugo telah mengambil arahan bertulis mengenai dua penyakit biasa daripada 31 bahagian kecemasan hospital di Connecticut. Perbandingan telah dibuat antara arahan yang dikumpul dengan tahap bacaan dan kefahaman peringkat kebangsaan dan didapati arahan tersebut ditulis untuk tahap gred 6.3 hingga 6.9 iaitu secara purata 25.6% lebih tinggi daripada tahap bacaan dan kefahaman peringkat kebangsaan.

Balachandran (1997, hlm. 1) mengkaji standard kebolehbacaan surat berita. Kajian ini bertujuan mengukur apakah tahap kebolehbacaan surat berita tersebut. Sebanyak 51 petikan sepanjang 100 patah perkataan dari pada 24 agensi profesional telah dianalisis menggunakan formula kebolehbacaan

Flesch dan Gunning Fox. Didapati semua surat berita mempunyai tahap kebolehbacaan yang tinggi.

Courson (1995, hlm. 1) pula mengkaji kebolehbacaan risalah pendidikan mengenai bahan yang berkaitan dengan penyakit pintasan jantung. Kajian ini melihat praoperasi dan pascaoperasi graf pintasan koronari jantung yang diberikan kepada pesakit di lapan buah hospital latihan di Pennsylvania dan timur laut Ohio. Dalam kajian ini formula kebolehbacaan SMOG telah digunakan. Didapati semua risalah yang dikaji mempunyai tahap kebolehbacaan tinggi iaitu 10.7. Keputusan ini menunjukkan tahap kebolehbacaan risalah adalah tinggi daripada purata tahap kebolehan membaca mengikut Kumpulan Literasi Chall's.

Duncan, (1986, hlm. 1) pula mengkaji kebolehbacaan item ujian pelbagai pilihan untuk menguji item yang mana boleh difahami dan dijawab dengan betul. Kajian beliau mendapati kebolehbacaan item dan kebolehbacaan teks ialah dua perkara yang berlainan. Selain itu, beliau mendapati menggunakan formula kebolehbacaan teks untuk mengukur kebolehbacaan item boleh mengakibatkan keputusan yang salah.

#### Kajian Kebolehbacaan oleh Pengkaji Tempatan

Pengkaji tempatan mengkaji kebolehbacaan yang berkait rapat dengan buku teks. Kajian dalam bidang ini oleh pengkaji tempatan berjumlah enam buah kajian sahaja. Terdapat tiga kajian peringkat sarjana di Universiti Malaya (1982, 1985, dan 1991) satu kajian peringkat kedoktoran di Universiti

Kebangsaan Malaysia (1991), dua kajian peringkat sarjana di Universiti Pertanian Malaysia (1996 dan 1998). Selain itu, terdapat satu kajian peringkat kedoktoran dan satu kajian peringkat sarjana yang dibuat oleh pengkaji tempatan di luar negara iaitu kajian Khadijah Rohani (1982) dan Norhan Mohd Hussein (1996).

Khadijah Rohani (1982) telah mengemukakan satu formula kebolehbacaan yang boleh digunakan untuk menentukan indeks kebolehbacaan teks dalam bahasa Melayu. Kajian beliau mengemukakan sepuluh pembolehubah bebas iaitu jumlah perkataan yang mempunyai satu suku kata, jumlah perkataan yang mempunyai lebih daripada tiga suku kata, jumlah imbuhan awalan, jumlah imbuhan akhiran, jumlah perkataan Inggeris, hitung panjang jumlah perkataan dalam satu ayat, jumlah ayat selapis, jumlah ayat berlapis, jumlah ganti nama diri, jumlah suku kata dalam 100 perkataan. Untuk menubuhkan formula kebolehbacaan dua jenis prosedur statistik digunakan iaitu analisis faktor dan secara langkah regresi (hlm. 274-287).

Mat Jizat Abdol (1991) mengkaji berkaitan penilaian bahan bacaan dari aspek keterbacaan dan kesesuaiannya dengan kebolehan murid. Kajian ini melaporkan pertama, terdapat perbezaan signifikan pada catatan kebolehan asas bacaan antara murid di sekolah gred A, B, dan C tahun dua tahap satu dalam program KBSR di kawasan Hulu Langat melalui ujian kebolehan murid mengenal, mengeja dan menggunakan perbendaharaan kata yang terdapat dalam teks bahan bacaan yang digunakan.

Selain itu, kajian ini mendapati formula 'Dac-Mal' yang dipadankan dari formula Dale Chall boleh digunakan untuk meramalkan keterbacaan sesebuah bahan bacaan dalam bahasa Melayu dengan peringkat umur pengguna. Ketiga, kajian ini melaporkan perbendaharaan kata murid (bentuk tulisan) tahun satu dalam program KBSR didapati bertambah dan meningkat dari 882 kepada 2778 perkataan apabila mereka berada di tahun 2.

Keempat, kajian Mat Jizat juga mendapati bahan bacaan tambahan yang dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan ke sekolah untuk bahan bacaan tambahan itu dapat diterima sebagai jenis bahan bacaan individu, berdasarkan pada keputusan formula Dac Mal yang mementingkan tingkat kematangan umur seseorang murid dan bahan yang sesuai untuk umur. Akhir sekali menurut hasil kajian kebolehan murid lelaki dan perempuan didapati tidak berbeza secara signifikan pada kebolehan murid mengenal dan menggunakan perbendaharaan kata yang terdapat dalam buku bacaan tambahan yang dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Norhan Mohd Hussein (1996), mengkaji kebolehbacaan buku teks biologi menggunakan prosedur klotz. Kajian ini mendapati bahan bacaan sains perlu ditulis menggunakan tahap kebolehbacaan yang sesuai untuk membantu pembaca terutama pembaca bukan Melayu.

Kajian oleh Jamilah Ahmad (1991) pula bertujuan untuk mengetahui tahap kebolehbacaan buku-buku teks bahasa Melayu tingkatan satu KBSM dan menilai kriteria pemilihan serta mencari hubungan di antara tahap kebolehbacaan dengan kriteria

pemilihan buku teks. Hasil kajian ini mendapati pertama, tahap kebolehbacaan buku-buku teks bahasa Melayu tingkatan satu, KBSM adalah berbeza-beza, di antara 6.12 yang paling rendah hingga 7.29 yang paling tinggi. Buku-buku teks ini lebih sesuai untuk murid-murid yang berpencapaian bawah paras sederhana di tingkatan satu dan murid-murid tahun enam, KBSR. Implikasinya menunjukkan buku-buku teks yang dihasilkan itu tidak dapat memenuhi keperluan murid-murid berpencapaian tinggi di tingkatan satu KBSM.

Kedua didapati pola-pola pemilihan buku teks berkait rapat dengan tahap kebolehbacaan buku-buku teks berkenaan. Buku-buku yang menjadi pilihan utama adalah buku-buku yang mempunyai tahap kebolehbacaan yang sesuai untuk tingkatan satu, iaitu di tahap kebolehbacaan 7.0 ke atas. Ketiga terdapat beberapa kriteria penting dalam penilaian buku-buku teks bahasa iaitu kebolehbacaan, isi kandungan, latihan, aktiviti dan pengukuhan, kebolehan memahami, minat dan motivasi serta fizikal dan format bahan bacaan.

Keempat pula dilihat ada hubungan yang positif antara tahap kebolehbacaan buku teks dengan pemilihan yang dibuat oleh guru-guru terutamanya di sekolah-sekolah berpencapaian tinggi sebaliknya wujudnya hubungan yang rendah di antara tahap kebolehbacaan dengan pemilihan yang dibuat oleh guru-guru di sekolah berpencapaian rendah.

Kelima kajian ini menunjukkan ada hubungan yang positif antara pembolehubah-pembolehubah kebolehbacaan dengan kriteria pemilihan buku teks. Pembolehubah yang paling penting menjadi

pilihan guru dalam pemilihan buku teks ialah struktur ayat. Akhir sekali, kesan penilaian guru terhadap buku teks Bahasa Melayu tingkatan satu, KBSM adalah berbeza-beza antara guru-guru di sekolah berprestasi tinggi berbanding dengan guru-guru di sekolah berprestasi rendah. Hasil penilaian guru menunjukkan bahawa tahap kebolehbacaan ini boleh digunakan untuk saling melengkapi kriteria penilaian buku-buku teks bahasa dalam usaha untuk mendapatkan buku-buku yang bermutu.

Selain itu, terdapat kajian yang telah dilakukan oleh Pang Hock Chin (1996), yang mengkaji penggunaan dan kebolehbacaan bahan dalam buku teks bahasa Melayu tingkatan dua KBSM. Kajian oleh Jasimah Hashim (1998) menilai tahap kebolehbacaan buku-buku teks bahasa Melayu tingkatan satu KBSM. Dua buah kajian lagi ditulis oleh Wong Kim Lan (1982) yang mengukur kebolehbacaan bahan untuk kefahaman bahasa Inggeris dan Ong Saw Lan (1985) mengkaji tahap kebolehbacaan dua buah buku fizik menggunakan kaedah prosedur klotz.

Kesimpulannya kajian oleh para sarjana tempatan belum ada yang cuba memindahkan tahap kebolehbacaan bahan yang tinggi ke tahap kebolehbacaan yang lebih rendah. Oleh itu, pengkaji akan melakukan kajian dalam bidang ini.

#### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian deskriptif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dokumen. Ia dipilih memandangkan kesesuaiannya dengan kajian yang dijalankan iaitu bermatlamatkan menerangkan kejadian sesuatu

fenomena yang sedang berlaku seperti yang dijelaskan oleh Best, J. W & Kahn, J. V. (1993).

A descriptive study describes and interprets what is. It is concerned with condition or relationships that exist, opinions that are held, processes that are going on, effects that are evident, or trends that are developing. It is primarily concerned with the present, although it often considers past events and influence as they relate to current conditions (hlm. 105)

### Sampel Kajian

Sampel kajian ini terdiri daripada:

1. Defoe, Daniel. (1994). *Robinson Crusoe*. (ed.) Michael Shinnagel. New York: A Norton Critical Edition.
2. Defoe, Daniel. (1978). *Robinson Crusoe*. (ed.) D. H. Howe. Hong Kong: Oxford University Press.
3. Defoe, Daniel. (1992). *Robinson Crusoe*. (ed.) Hong Kong: Oxford University Press.
4. Cerpen *Kami yang Terlibat* oleh Usman Awang.

### Prosedur Pengumpulan Data

Pengumpulan data berkaitan kaedah menurunkan tahap kebolehbacaan bahan akan mengikut setiap prosedur berikut:

1. Mengenalpasti langkah dalam menguji kebolehbacaan.
2. Mengukur tahap kebolehbacaan teks yang dikaji menggunakan formula Khadijah Rohani.
3. Mencari prosedur menurunkan tahap kebolehbacaan bahan dengan menentukan unsur-unsur dalam bacaan.
4. Menetapkan aspek mana yang hendak digunakan dalam proses menurunkan tahap kebolehbacaan iaitu teks sahaja.

5. Membuat satu kajian kes melihat bagaimana prosedur menurunkan tahap kebolehbacaan yang telah dibuat oleh *Oxford University Press*, iaitu dengan melihat contoh sebenar bagaimana teks *Robinson Crusoe* diturunkan tahap kebolehbacaannya.

6. Menyenaraikan langkah yang telah dibuat semasa menurunkan tahap kebolehbacaan teks *Robinson Crusoe*.

7. Membina kaedah menurunkan tahap kebolehbacaan berpandukan langkah-langkah yang disenaraikan dalam proses menurunkan tahap kebolehbacaan teks *Robinson Crusoe*.

8. Menggunakan kaedah yang dibina untuk menurunkan satu teks yang mempunyai tahap kebolehbacaan yang tinggi ke tahap kebolehbacaan yang lebih rendah.

9. Mengukur sekali lagi tahap kebolehbacaan bahan yang diturunkan berdasarkan kaedah yang dibina dengan menggunakan formula Khadijah Rohani.

10. Melihat keputusan yang diperolehi sama ada kaedah menurunkan tahap kebolehbacaan yang dibina berjaya menurunkan tahap kebolehbacaan teks.

#### Prosedur Penganalisisan Data

Untuk meramal tahap kebolehbacaan bahan formula Khadijah Rohani digunakan (lihat halaman 49).

## BAB II

### KEBOLEHBACAAN

#### Apakah Bacaan

Secara umum proses membaca didefinisikan sebagai suatu proses melihat bahan bertulis dan memahami maknanya. Sebenarnya proses membaca tidak semudah itu. Membaca ialah suatu proses kognitif yang kompleks. Membaca melibatkan pelbagai proses mental bermula dengan maklumat yang diterima dari mata dan diproses di dalam otak sehingga maknanya diperolehi.

#### Teori Bacaan

Teori bacaan pada peringkat awal kebanyakannya mengikut hasil kajian psikologi. Ini kerana, pada masa itu ia diketengahkan oleh ahli psikologi dan kajian psikolinguistik belum wujud lagi.

Kajian awal tentang bacaan melihat hubungan antara ransangan dan tindak balas yang melibatkan analisis ciri ransangan iaitu perkataan dan huruf sebagai cara untuk menjalankan proses membaca. Kajian ini merupakan tradisi kajian ahli psikologi behavioris. Pada zaman behaviouris, kajian bacaan ditumpukan kepada tulisan sebagai ransangan.

Perkembangan linguistik pada tahun 1960-an menghasilkan penekanan yang berbeza terhadap teori bacaan. Pada masa ini

bacaan dilihat sebagai proses terjemahan daripada tulisan kepada bahasa lisan.

Selanjutnya teori moden tentang bacaan kebanyakannya melihat bacaan sebagai cara-cara tertentu untuk mencari maklumat. Pembaca selalunya membawa bersama pengalaman yang sedia ada pada mereka semasa membaca sesuatu bahan. Kemudian mereka menggunakan pengalaman ini untuk memandu dan mengurus pencarian maklumat.

### Proses Membaca

Mata memainkan peranan dalam proses membaca. Mata berfungsi merakam maklumat yang bercetak untuk diproses di dalam otak. Maklumat ini dipanggil maklumat visual. Otak menggunakan maklumat visual untuk mentafsir maknanya. Otak menerima maklumat visual di dalam bentuk sinaran cahaya dan menggunakannya dalam bentuk tenaga yang terus dialirkan melalui berjuta-juta saraf optik ke otak. Apa yang kita dapat lihat ialah interpretasi neural yang dilakukan oleh otak kita. (Smith, 1990, hlm. 13-17).

Maklumat visual ialah maklumat bercetak yang tertera pada bahan yang dibaca. Maklumat visual sahaja tidak mencukupi untuk kejayaan sesuatu proses membaca. Misalnya kita disuruh membaca ayat di dalam bahasa yang kita tidak kuasai seperti bahasa Belanda.

*Tenslotte is de doorvoer - of transitohandel van groot belanggew orden.*

(Smith, 1990, hlm. 14)


Petikan di atas membuktikan kita gagal membaca ayat yang diberikan walaupun maklumat visual disediakan. Ini kerana kita tidak menguasai bahasa yang digunakan dalam penulisan ayat tersebut. Selain maklumat visual, terdapat maklumat bukan visual yang diperlukan semasa membaca. Maklumat bukan visual merujuk kepada pengetahuan sedia ada mengenai bahan yang sedang dibaca, kefahaman tentang bahasa bahan tersebut dan kebolehan membaca secara am.

Maklumat visual yang dirakam oleh mata ditafsir dalam otak. Maklumat ini digunakan untuk membuat keputusan. Untuk memprosesnya ia memakan masa dan had masa yang diperlukan bergantung kepada berapa banyak maklumat yang diperlukan. Proses ini juga bergantung kepada berapa pilihan yang perlu dibuat oleh otak. Jika otak perlu memutuskan di antara dua pilihan contohnya sekiranya otak perlu memilih sama ada lampu merah atau lampu hijau, ia memerlukan 0.3 saat. Oleh itu, lima pilihan perlukan 0.5 saat. Ini bermakna had laju kita mengenali sesuatu bergantung kepada bilangan pilihan yang ada (Smith, 1990, hlm. 18).

Kadar berapa lama otak boleh memproses maklumat visual, boleh difahami dengan melihat kajian bagaimana sistem visual berfungsi. Apabila mata kita melihat kepada satu objek yang sedang bergerak seperti burung terbang mata kita tidak bergerak dengan berterusan. Sebaliknya, ia melompat-lompat dari satu tempat yang difokus ke tempat yang lain. Siri pergerakan pantas sistem visual yang melompat-lompat itu dipanggil ginjatan (*sccades*) (Smith, 1990, hlm. 21).

Siri pergerakan pantas ini juga berlaku semasa kita membaca. Apabila kita membaca mata kita bergerak dengan cara melompat-lompat. Istilah teknikal untuk kejadian ini ialah ginjatan. Antara ginjatan ada satu tempoh yang dipanggil penetapan (*fixation*). Masa yang diambil untuk satu tempoh penetapan tidak panjang. Menurut kajian, purata masa di antara penetapan ialah 250 milisaat. Tempoh penetapan penting kerana pada ketika inilah maklumat diperolehi daripada teks. Manakala semasa ginjatan tiada maklumat yang dirakam (Carlson & Buskist, 1997, hlm. 314). Oleh itu kadar otak boleh mengenal huruf hanya empat atau lima huruf di dalam satu saat di dalam sesuatu situasi (Smith, 1990, hlm. 21) .

Rajah satu di bawah menunjukkan tempoh penetapan, yang dibuat oleh pembaca. Bentuk bujur diletak pada atas setiap tempoh penetapan dan nombor di atasnya menunjukkan jangka masa tempoh penetapan dalam kiraan milisaat.



Rajah 1. Rajah menunjukkan pemerhatian tempoh membaca menggunakan alat pengesan mata yang dilakukan oleh Just & Carpenter 1987 dipetik dari Haberlanbt Karl, 1997, hlm. 295.

Semasa membaca, 80% penetapan dibuat untuk kata dasar berbanding hanya 40% untuk kata tugas. Contoh di atas menunjukkan masa yang lebih lama diperlukan untuk penetapan kata dasar seperti *flywheels, mechanical, dan devices* berbanding dengan kata tugas *the, are, dan of*. Manakala perkataan yang lebih kompleks seperti *engine contains* mengambil masa yang lebih panjang untuk penetapan dan berlaku pengesanan perkataan ke belakang (*backtracking*). Selain itu, perkataan yang lebih panjang mempunyai tempoh penetapan yang lebih lama berbanding dengan perkataan yang lebih pendek. Semua kejadian ini berlaku kerana apabila kita membaca satu ayat, kita menganalisisnya mengikut perkataan demi perkataan (Rayner dan Pollatsek 1989). Menurut Carpenter, Miyake, dan Just (1995), pemahaman terhadap perkataan-perkataan tersebut adalah berbeza daripada seorang individu ke individu lain bergantung kepada ilmu pengetahuan mengenai alam kita (*knowledge of the world*) yang ada dalam diri mereka (Carlson & Buskist, 1997, hlm. 307-314).

Tempoh penetapan sesuatu perkataan bergantung kepada tiga faktor iaitu faktor kesan kepanjangan, kesan kekerapan dan kesan konteks. Kesan kepanjangan merujuk kepada kejadian tempoh penetapan yang lebih lama berlaku apabila sesuatu perkataan itu panjang. Manakala kesan kekerapan pula menunjukkan tempoh penetapan yang lebih pendek diperlukan jika sesuatu perkataan itu kerap digunakan atau dikenali. Akhir sekali, kesan konteks pula memperlihatkan bagaimana tempoh penetapan dapat dipendekkan jika makna sesuatu perkataan dapat

diperoleh melalui konteksnya dalam ayat (Haberlanbt Karl, 1997, hlm. 295-297).

### Hubungan Proses Membaca dengan Kebolehbacaan

Kejayaan pembaca membaca sesuatu bahan boleh dikaitkan dengan tempoh penetapan yang dibuat ketika mereka membaca. Ini dibuktikan melalui tempoh penetapan yang singkat diperlukan oleh pembaca untuk mengecam perkataan yang pendek dan biasa ditemui. Oleh kerana, tempoh penetapan sesuatu perkataan bergantung kepada tiga faktor iaitu faktor kesan kepanjangan, kesan kekerapan dan kesan konteks maka ia berkait rapat dengan kajian kebolehbacaan bahan.

Untuk memastikan kejayaan proses membaca gangguan-gangguan seperti kesan kepanjangan, kesan kekerapan dan kesan konteks mestilah dikurangkan. Ia dapat dikurangkan dengan memilih bahan bacaan yang benar-benar sesuai dengan pembaca. Persoalan berkait pemilihan bahan yang sesuai untuk pembaca boleh ditangani dengan adanya formula-formula kebolehbacaan.

Penubuhan formula-formula kebolehbacaan mengambil kira faktor-faktor seperti jumlah suku kata dalam perkataan, jumlah imbuhan, jumlah perkataan dalam ayat, dan jumlah ayat berlapis. Faktor-faktor ini jugalah merupakan asas gangguan kepada pembaca ketika membaca. Dengan adanya formula-formula kebolehbacaan maka penentuan bahan yang sesuai kepada pembaca dapat dilaksanakan.

### Defenisi Kebolehbacaan

Ada beberapa definisi kebolehbacaan. Para pengkaji dalam bidang ini memberikan huraian kebolehbacaan dari pelbagai sudut, iaitu:

- i. Kaitan kebolehbacaan dengan bahan bacaan,
- ii. Kaitan kebolehbacaan dengan pembaca; dan
- iii. Kaitan kebolehbacaan dengan tingkahlaku ketika membaca.

Untuk mendapat penjelasan berkaitan definisi kebolehbacaan, maka dikemukakan definisi kebolehbacaan oleh para sarjana barat dan tempatan.

#### Dale dan Chall (1949)

*In the broadest sense, readability is the sum total (including the intersection) of all those elements within a given piece of printed material that affect the success a group of readers have with it. The success is the extent of which they understand it, read it at an optimum speed, and find it interesting.*

(hlm. 7)

Dale dan Chall mentakrifkan kebolehbacaan sebagai campuran interaksi antara perkara-perkara yang terkandung dalam bahan cetak yang memberi kesan kejayaan kepada pembacanya. Kejayaan yang dicapai hasil pembacaan itu berpunca daripada keupayaannya memahami kandungan bahan yang dibaca, kebolehan membacanya dengan pantas dan mendapati bahan tersebut menarik.

Klare, George R. (1963)

*The term 'readability' has come to be used in three ways:*

- i. To indicate legibility of either handwriting or typography.*
- ii. To indicate ease of reading due to either the interest-value or the pleasantness of writing.*
- iii. To indicate ease of understanding or comprehension due to the style of writing.*

(hlm. 1)

Klare menyatakan 'kebolehbacaan' digunakan dengan tiga pengertian, iaitu:

- i. Untuk menunjukkan tulisan yang jelas dan mudah dibaca sama ada tulisan tangan atau ditaip,
- ii. Untuk menunjukkan keselesaan membaca kerana menimbulkan minat atau sedap dibaca; dan
- iii. Untuk menunjukkan keselesaan memahami kerana gaya penulisan yang digunakan.

Harrison, Collin (1980)

*Readability formulae will not make books more readable, but they can help us to match books to readers more effectively, and they can increase the probability that children will be able to understand what we ask them to read.*

(hlm. 50)

Harrison menyatakan formula kebolehbacaan tidak akan menjadikan sesuatu buku lebih mudah dibaca tetapi ia membantu kita menyesuaikan buku dengan pembacanya dengan lebih bermakna di samping meningkatkan kemungkinan kefahaman terhadap apa yang kita arahkan mereka baca.

Khadijah Rohani (1987)

Formula kebolehbacaan ialah persamaan matematik yang ditubuhkan melalui prosedur analisis regresi. Prosedur ini mencari persamaan yang dapat menunjukkan perhubungan di antara dua pembolehubah. Dalam konteks ini, pembolehubah yang digunakan oleh penulis ialah aspek struktur ayat dan perbendaharaan kata yang terdapat dalam buku teks. Formula kebolehbacaan bahan bacaan dari aspek struktur bahasanya (hlm. 274).

Mengapa Kita Meramal Kebolehbacaan

Berdasarkan definisi-definisi yang dikemukakan ramalan kebolehbacaan bahan dibuat untuk memenuhi keupayaan membaca yang berbeza di kalangan pembaca. Misalnya pelajar di tingkatan tiga, tidak semuanya mempunyai keupayaan membaca pada tahap yang sama. Tinggi rendah tahap keupayaan membaca murid tersebut bergantung kepada pelbagai faktor seperti faktor diri murid sama ada fizikal atau minda, faktor bahan, faktor persekitaran iaitu latar belakang keluarga dan masyarakat.

Pemilihan bahan bacaan untuk para murid merupakan sebahagian daripada tugas penting dalam profesional perguruan. Sebagai individu, guru cenderung melakukan kesilapan dalam membuat keputusan berkaitan tahap kesukaran sesuatu buku. Kajian telah menunjukkan keputusan memilih bahan oleh kumpulan guru-guru (*pooled teacher's*) lebih konsisten dan boleh dipercayai. Manakala keputusan yang dibuat oleh guru

secara individu akan berbeza tahapnya hingga enam ke tujuh tahun daripada umur yang dianggarkan boleh membaca dan memahami bahan yang dipilih (Harrison, 1980: 11).

Oleh yang demikian, formula kebolehbacaan menyediakan satu langkah yang sistematik dalam memilih bahan bacaan. Pemilihan bahan bacaan menggunakan formula kebolehbacaan ini lebih konsisten dan boleh dipercayai. Ini kerana pemilihan melalui formula hanya mengambil kira faktor dalaman bahan iaitu dari segi struktur ayat dan perbendaharaan kata. Hal berkaitan emosi guru, taraf akademik guru pengalaman mengajar guru tidak terlibat. Namun, ini tidak bermakna ramalan guru tidak boleh digunakan langsung dalam pemilihan buku.

Salah satu daripada cara untuk menentukan kesesuaian sesuatu buku adalah dengan cara menggunakan buku tersebut sepanjang semester. Namun demikian, jika pada akhir semester kita dapati bahan tersebut terlalu sukar, pembaziran masa telah berlaku. Wang juga dibazirkan kerana bahan yang dipilih itu tidak sesuai untuk digunakan lagi. Selain itu, cara tersebut tidak boleh membuat perbandingan antara buku-buku yang sesuai digunakan. Cara memilih bahan begini bukan sahaja mengambil masa dan membazirkan wang, malah merugikan murid-murid jika akhirnya kita mendapati bahan tersebut terlalu sukar (Harrison, 1980, hlm. 11).

Dengan ini, ramalan kebolehbacaan bahan merupakan kaedah yang sesuai digunakan kerana ia dapat memilih bahan bacaan yang berbeza-beza pada masa yang sama. Selain itu, untuk meningkatkan ketepatan pemilihan bahan bacaan tersebut

beberapa formula kebolehbacaan boleh digunakan serentak terhadap bahan tersebut. Penggunaan ramalan kebolehbacaan bahan ini juga tidak menganiya pelajar. Pelajar tidak dijadikan bahan uji untuk menentukan kesesuaian sesuatu bahan.

Pembelian bahan bacaan yang sesuai untuk murid selalunya dibuat pada musim cuti sekolah. Pada ketika ini guru-guru menghadapi kesukaran mencari pelajar untuk menguji bahan yang akan dibeli tersebut. Selain itu, pembekal buku hanya akan memberikan satu naskhah contoh sahaja untuk guru menilainya. Maka ramalan kebolehbacaan sesuai dilakukan kerana ia boleh digunakan pada bila-bila masa dan hanya memerlukan satu bahan bacaan sahaja.

Oleh itu, penggunaan formula-formula kebolehbacaan dalam proses pemilihan bahan bacaan murid-murid sekolah amat sesuai kerana kebolehpercayaannya lebih tinggi. Ini kerana, ketepatan indeks kebolehbacaan bahan bacaan boleh diukur menggunakan beberapa formula pada satu masa secara serentak. Selain itu, ianya menjimatkan masa, tenaga, dan wang.

#### Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kebolehbacaan Bahan

Pengkaji-pengkaji bidang kebolehbacaan telah menyenaraikan pelbagai kemungkinan pembolehubah yang mempengaruhi kesukaran sesuatu teks. Dalam kajian ini, pengkaji akan melihat faktor-faktor kesukaran teks yang diukur dengan menggunakan pembolehubah-pembolehubah yang dicadangkan oleh Colin H. (1980) iaitu bidang reka bentuk tulisan,

ilustrasi dan warna, perbendaharaan kata, konsep yang sukar, ayat, dan organisasi teks.

### Faktor Tulisan yang Jelas

Faktor tulisan yang jelas dalam penulisan ini merujuk kepada aspek reka bentuk sesuatu tulisan. Reka bentuk tulisan ini mengambil kira pelbagai aspek seperti jenis saiz tulisan, jenis fon, jarak antara huruf, jarang antara baris, saiz muka surat, ketebalan cetakan tulisan, ketebalan kertas dan pelbagai lagi. Semua ini, didapati boleh mempengaruhi kebolehbacaan bahan. Jenis dan saiz fon yang berbeza diperlukan untuk kategori pembaca yang berbeza. Contoh di bawah dapat menerangkan hal ini dengan lebih jelas.

*This is an example of 12 point. Type sizes in the range 12 point to 14 point are recommended for seven to eight year old children.*

*This is an example of 11 point. This recommended as being the optimal size of type for ease speed of reading with adult readers.*

*This is an example of 10 point. The range 10-12 point is recommended for children age nine to thirteen years.*

(Colin, H., 1980, hlm. 16)

### Faktor Ilustrasi dan Warna

Ilustrasi turut membantu meningkatkan atau menurunkan tahap kebolehbacaan bahan bergantung kepada cara persembahan dan penggunaannya dalam bahan bacaan. Kajian membuktikan kanak-kanak amat mengemari bahan bacaan yang banyak mengandungi ilustrasi (Andrews & Scharff, 2002, hlm. 1).

Hal ini, secara langsung akan memudahkan mereka membaca bahan tersebut kerana adanya faktor minat di situ. Selain itu, ilustrasi juga boleh membantu meningkatkan kefahaman pembaca terhadap sesuatu konsep seperti ilustrasi yang terdapat dalam buku-buku sains.

Namun demikian penggunaan ilustrasi ini juga ada kelemahannya iaitu ia boleh menyebabkan pembaca malas membaca dan hanya merujuk kepada ilustrasi untuk mendapatkan sesuatu maklumat atau konsep. Hal ini, perlu dielakkan kerana kadangkala ilustrasi tidak dapat memuatkan semua fakta penting seperti yang terdapat dalam teks. Oleh itu, pembaca akan kehilangan fakta penting yang sepatutnya mereka kuasai.

Penggunaan warna turut mempengaruhi kebolehbacaan sesuatu bahan. Ini adalah kerana ia meningkatkan minat pembaca terhadap bahan bacaan. Penggunaan dakwat warna selain daripada warna hitam dan penggunaan kertas selain daripada warna putih boleh mengurangkan kejelasan bahan bacaan. Kajian telah menunjukkan penggunaan dakwat warna hitam, biru, dan hijau adalah lebih jelas dan mudah dibaca (Colin H., 1980, hlm. 19).

#### Faktor Perbendaharaan Kata

Perbendaharaan kata adalah faktor yang paling penting dalam menentukan tahap kesukaran bahan bacaan. Kajian oleh Colin, H. (1980) telah membuktikan perbendaharaan kata adalah faktor yang paling menyakinkan untuk meramal kesukaran teks. Ada banyak cara mengukur kesukaran teks dengan menggunakan perbendaharaan kata, namun demikian dua cara yang paling biasa

digunakan adalah dengan mengukur panjang perkataan dan kekerapan perkataan.

Panjang perkataan dikira dengan cara mengira suku kata atau jumlah huruf dalam perkataan tersebut. Manakala kekerapan perkataan dikira dengan cara melihat berapa kerap sesuatu perkataan digunakan. Perkataan yang panjang selalunya ialah perkataan yang jarang digunakan manakalah perkataan yang kerap digunakan merupakan perkataan yang mudah kerana boleh lebih pantas dikenali dan difahami.

#### Faktor Kesukaran Konseptual

Faktor kesukaran konseptual berkait rapat dengan faktor perbendaharaan kata secara am. Namun demikian, kedua-dua faktor ini sepatutnya dianggap perkara yang berlainan. Dalam pengukuran kebolehbacaan faktor kesukaran konsep adalah faktor yang lebih penting berbanding dengan faktor-faktor lain. Namun demikian, ia jarang diambil kira kerana ia adalah amat sukar untuk menganggarkan kebolehpercayaannya. Kesukaran ini timbul kerana tiada kriteria yang boleh digunakan untuk mengukur kesukaran konseptual itu sendiri.

#### Faktor Ayat

Pemahaman terhadap kandungan sesuatu petikan akan menjadi sukar apabila struktur ayatnya kompleks. Colin (1980, hlm. 24) menyatakan kesukaran ayat boleh dikategorikan kepada lima iaitu:

- i. Kata kerja berbanding kata kerja pasif,

- ii. Proses membentuk kata nama,
- iii. Kata kerja bantu,
- iv. Bilangan klausa dalam ayat; dan
- v. Pemahaman dan pengantian.

## Jadual 2

### *Lima Kesukaran Berkaitan dengan Ayat*

<i>Five types of difficulty related to syntax</i>	
<u>Active versus passive verb</u>	
<i>Active verbs are easier to read and recall than passive verbs, and they are less likely to be misunderstood when a negative statement is made.</i>	
<i>For example,</i>	<i>The chairs were taken by the boys.</i>
<i>is harder than</i>	<i>The boys took the chairs.</i>
<i>Similarly,</i>	<i>The pay-slip were not printed by the computer.</i>
<i>is harder than</i>	<i>The computer did not print the pay-slip.</i>
<u>Nominalisation versus active verb</u>	
<i>Active verbs are easier to comprehend and to recall than an abstract noun formed from the verb.</i>	
<i>For example,</i>	<i>The reduction in the length of the string will produce an increase in the speed of the pendulum.</i>
<i>is harder than</i>	<i>If you reduce the length of the string you will increase the speed of the pendulum.</i>
<u>Modal verbs</u>	
<i>Generally speaking, modal verbs such as might, could, may and should cause comprehension difficulties for poor readers, and make recall more difficult for fluent readers.</i>	
<u>Clauses per sentence</u>	
<i>Generally speaking, the more clauses there are in a sentence, the more difficult it is to understand.</i>	
<u>Compression and substitution</u>	
<i>Sentence length is not always correlated positively with text difficulty. Compression reduces sentence length but can make comprehension more difficult.</i>	
<i>For example:</i>	<i>The boat I bought was green.</i>
<i>May be less clear than:</i>	<i>The boat which I bought was green.</i>
<i>Or again:</i>	<i>So did Byron</i>
<i>may actually mean:</i>	<i>Byron too had a club foot.</i>

Kajian telah menunjukkan penggunaan perkataan penerangan yang berlebihan seperti perkataan lebih suka, lebih kurang, sedikit, dan beberapa menyebabkan kefahaman teks menurun. Sama juga penggunaan perkataan kemungkinan seperti mungkin, selalunya, boleh jadi dan kadang kala menyebabkan kekaburan dan ketidakjelasan teks yang dibaca (Colin, H., 1980, hlm. 24).

### Faktor Susunan Teks

Faktor terakhir ini berkait rapat dengan bagaimana sesuatu teks dipersembahkan. Susunan teks ini mengambil kira perkara-perkara seperti perenggan, tajuk-tajuk kecil, penggunaan perkataan yang digarisi, dicondongkan dan yang ditebalkan. Perkara-perkara tersebut digunakan untuk menjadikan sesebuah teks itu lebih mudah difahami. Namun demikian kesahihan perkara ini tidak dapat dipastikan kerana kajian menunjukkan terdapat pelbagai dapatan yang menyokong dan menolak kesahihannya.

### Sejarah Perkembangan Formula Kebolehbacaan

Sejarah perkembangan formula kebolehbacaan boleh dikategorikan mengikut tahun. Ia bermula seawal tahun 1920-an lagi. Sejarah formula kebolehbacaan berkembang apabila H. D. Kitson (1929) telah cuba menggunakan panjang perkataan, dan ayat sebagai pengukur kesukaran dua terbitan akhbar dan majalah. Sebelum itu, pada tahun (1923) formula Lively dan S. L. Pressey diterbitkan. Formula ini menggunakan pembolehubah perbendaharaan kata. Pembolehubah yang mereka gunakan ini

merupakan pembolehubah yang paling berkesan dan digunakan sehingga ke hari ini.

Formula kebolehbacaan terus berkembang dengan penubuhan formula oleh Washburne dan Vogel (1928). Formula ini penting kerana ia menyebabkan formula pertama yang diakui sah dan memasukkan kriteria luaran teks. Pada tahun yang sama, dan pada tahun berikut lebih banyak formula dihasilkan, iaitu seperti formula Edward Dolch's, A. S. Lewerenz', George R. Johnson, Patty dan Painter, dan Thorndike. Kebanyakan formula ini memberi penumpuan kepada aspek perbendaharaan kata.


Pada tahun 1930-an pula terdapat empat formula kebolehbacaan dikemukakan iaitu formula oleh Ralph Ojemann, Dale dan Tyler, McClusky, Gray dan Leary, Morriss dan Halverson. Formula-formula yang dihasilkan ini lebih terperinci berbanding dengan formula-formula yang dikemukakan pada tahun-tahun sebelumnya. Pembolehubah yang digunakan secara umumnya masih merupakan perbendaharaan kata. Selain itu, pembolehubah panjang ayat juga mula diambil kira.

Seterusnya pada tahun 1940-an hingga ke awal tahun 1950-an formula-formula kebolehbacaan yang dihasilkan menitikberatkan kecekapan dan kemudahan penggunaan. Formula-formula seperti formula Washburne dan Morphett, Bergman, Irving Lorge, Yoakam, Kessler, Flesch, Dale dan Chall, Dolch, Gillie, Far-Jenkins-Peterson, Gunning, dan McElory telah dibina pada lingkungan tahun-tahun 1940-an hingga 1950-an. Keupayaan formula-formula ini mengukur tahap kebolehbacaan

bahan dengan cekap menyebabkan ia digunakan hingga ke hari ini seperti formula Flesch, Dale dan Chall, dan Gunning.

Pada penghujung tahun 1950-an pula formula-formula yang dihasilkan lebih berbentuk khusus untuk sesuatu bidang. Formula Fritz Forbes dan William Cottle, Forbes, Spache, Wheeler-Smith, Flesch, Tribe, dan Bloomer dihasilkan untuk mengukur kebolehbacaan mengikut bidang masing-masing. Misalnya formula oleh Flesch dihasilkan semata-mata untuk mengukur kepopularan dan keformalan dalam gaya penulisan yang digunakan.

Pada tahun-tahun berikutnya formula-formula seperti formula yang dibentuk oleh Fry (1965), Bormuth (1969), Mugford (1970), dan Harrison-Jacobson (1974) dihasilkan. Penghasilan formula-formula ini tidak berhenti malah terus dihasilkan sehinggalah ke hari ini.



#### Formula Kebolehbacaan

Berikut ditunjukkan beberapa formula kebolehbacaan yang boleh digunakan untuk mengukur tahap kebolehbacaan bahan.

#### Formula Kebolehbacaan Pengkaji Barat

##### Rudolf Flesch (1948)

Langkah-langkah mengira kebolehbacaan

1. Pilih sampel panjangnya lebih kurang 100 patah kata.
2. Jumlahkan kata yang terdapat dalam sampel yang dipilih. (a)

3. Jumlahkan suku kata. (b)
4. Jumlahkan ayat. (c)
5. Purata suku kata dalam satu kata  $b/a = (d)$
6. Purata kata dalam ayat  $a/c = (e)$
7. Darabkan  $d \times 84.6 = (f)$
8. Darabkan  $e \times 1.015 = (g)$
9. Jumlahkan  $f + g = h$
10. Tolakkan  $206.835 - h =$  tahap kebolehbacaan bahan

#### Formula Gunning (1952)

Langkah-langkah mengira kebolehbacaan


1. Pilih tiga sampel panjangnya lebih kurang 100 patah perkataan.
2. Kira purata panjang ayat iaitu L (jumlah perkataan dibahagi jumlah ayat)
3. Dalam setiap sampel kira perkataan yang mempunyai tiga suku kata dan lebih iaitu N (purata jumlah perkataan tiga suku kata dan lebih dalam setiap sampel)
4. Tahap untuk faham bahan bacaan  $= (L + N) \times 0.4$
5. Usia yang bersesuaian untuk bahan (*reading age*) =  
 $[(L + N) \times 0.4] + 5$  tahun

#### Formula Fry (1965)

Langkah-langkah mengira kebolehbacaan


1. Pilih sampel yang panjangnya lebih kurang 100 patah perkataan
2. Cari purata ayat setiap 100 patah perkataan iaitu y

3. Cari purata suku kata setiap 100 patah perkataan iaitu  $x$
4. Kemudian gunakan graf Fry yang telah diplotkan ini untuk mencari umur yang sesuai untuk bahan bacaan.
5. Titik di garis lengkung dalam graf mewakili teks biasa, titik di kawasan bawah garis lengkung memberi gambaran purata ayat yang panjang. Manakala titik di atas kawasan garis lengkung menunjukkan bahan yang mengandungi perbendaharaan kata yang sukar.



Rajah 2. Rajah menunjukkan graf Fry dipetik daripada <http://www.timetabler.com/reading.html> muka surat 6.

Kesesuaian formula kebolehbacaan pengkaji Barat dengan umur pembaca. Tidak semua formula boleh digunakan untuk menilai bahan pada peringkat semua peringkat umur. Ada formula lebih tepat mengukur bahan untuk kanak-kanak dan ada pula formula yang sesuai digunakan untuk bahan bacaan orang dewasa. Graf di bawah menunjukkan hasil kajian formula-formula yang sesuai digunakan untuk peringkat umur yang berbeza (Colin, H., 1980, hlm. 115).



Rajah 3. Rajah menunjukkan kesesuaian formula kebolehbacaan dengan umur dipetik daripada (Colin, H., 1980, hlm. 115)

#### Formula Kebolehbacaan Pengkaji Tempatan

##### Formula Abdullah Hassan (1995)

Langkah-langkah mengira kebolehbacaan

1. Pilih sampel panjangnya lebih kurang 100 patah kata.
2. Kira jumlah perkataan.
3. Kira jumlah ayat.
4. Cari peratus perkataan sukar, iaitu: istilah, kata nama

abstrak, kata tiga suku kata dan lebih, dan kata pinjaman.

Tidak dimasukkan perkataan ditulis dengan huruf besar seperti MARA, perkataan yang disempang seperti budak-budak, dan kata kerja dua suku kata yang menerima imbuhan seperti menunggu, bertemu, dan terganggu.

#### 5. Formula kebolehbacaan

(Purata perkataan + Peratus kata sukar) x 1.5

#### Formula Mat Jizat Abdul (1991)

1. Bilang perkataan dalam sebuah bahan bacaan.
2. Bilang ayat yang terdapat dalam keseluruhan teks.
3. Cari purata perkataan dalam ayat.
4. Kadar purata perkataan yang berada di luar senarai 'norm' (senarai perbendaharaan kata yang ditemui dalam bahan bacaan mengikut peringkat darjah murid)

#### 5. Membuat analisis dengan menggunakan formula berikut:

$Gred = (0.116X_{p/s}) = (0.06X_{Tmb^{**}} = 3.27)$  di mana  $X_{p/s}$  = Kadar peratus perkataan di luar senarai dan  $X_{Tmb^{**}}$  = Purata bilangan perkataan dalam ayat

#### Formula Khadijah Rohani (1982)

Formula ini ditubuhkan berdasarkan buku-buku teks yang digunakan di sekolah dari darjah dua hingga tingkatan lima. Tiga ratus enam puluh sampel (petikan) yang terdiri dari 100 perkataan bagi setiap sampel digunakan. Antara pembolehubah bebas yang diambil kira untuk menganalisis kebolehbacaan buku-buku teks itu (Khadijah Rohani, 1987, hlm. 278-279) ialah:

1. Jumlah perkataan yang mempunyai satu suku kata. Faktor ini dianggap mempunyai kaitan yang rapat dengan tahap sukar-senang sesuatu jenis bahan bacaan itu (Bear, 1927; Raygor, 1977).

2. Jumlah perkataan yang mempunyai lebih dari tiga suku kata. Kajian menunjukkan bahawa semakin banyak suku kata, maka semakin sukar untuk memahami perkataan itu kerana ia mengandungi lebih banyak unit makna yang harus diketahui oleh pembaca. Kenyataan ini disahkan dalam kajian ilmu fiologi, dan telah pun dikaji secara kuantitatif oleh Zipf (1935).

3. Jumlah imbuhan awalan. Coleman (1966) menunjukkan kaitan yang tinggi (0.88) di antara kebolehan dengan jumlah imbuhan.

4. Jumlah imbuhan akhiran. (sama seperti jumlah imbuhan awalan)

5. Jumlah perkataan Inggeris. Kebanyakan konsep yang sofistikated dan istilah akademik dipinjam atau disesuaikan daripada bahan Inggeris. Andaian yang dibuat oleh penulis ialah perkataan Inggeris ialah perkataan yang sukar difahami maknanya.

6. Hitung panjang jumlah perkataan dalam satu ayat. Ayat yang panjang mengandungi struktur nahu yang lebih kompleks berbanding dengan ayat yang pendek (Yngve, 1961). Semakin banyak struktur nahu yang terdapat, semakin sukar untuk memahami kerana sistem ingatan terpaksa menggembeling beberapa bahagian perkataan sebelum tertubuhnya satu bahagian perkataan sebelum tertubuhnya satu bahagian yang menyeluruh dan bermakna (Schlesinger, 1968).

7. Jumlah ayat selapis. Semakin banyak jumlah ayat selapis maka semakin senang untuk memahami sesuatu bahan bacaan itu (Coleman, 1962).

8. Jumlah ayat berlapis. Ayat yang berlapis adalah lebih kompleks dan lebih sukar untuk difahami. Oleh itu, semakin banyak ayat berlapis yang digunakan, maka semakin sukar sesuatu bahan bacaan itu (Yngve, 1961).

9. Jumlah ganti nama diri. Kata ganti nama yang digunakan pada dasarnya menyenangkan lagi bahan bacaan yang terdapat dan juga ia memberi ciri keperibadian yang menjadikan bahan bacaan itu lebih menarik minat lagi (Dale & Tyler, 1934).

10. Jumlah suku kata dalam 100 perkataan. Mempunyai kaitan yang tinggi dengan tahap kesukaran sesuatu bahan bacaan. Kenyataan ini diasaskan kepada prinsip kekerapan dan panjang pendek sesuatu perkataan itu. Perkataan yang banyak suku kata merupakan perkataan yang kurang kerap digunakan, dan seterusnya perkataan yang jarang digunakan, didapati adalah lebih sukar difahami oleh murid-murid. Oleh itu, jumlah suku kata dalam 100 perkataan sepatutnya mempunyai kaitan dengan tahap kesukaran bahan bacaan (Gray dan Leary, 1935; Flesch, 1950; Coleman, 1961).

Untuk menubuhkan persamaan regresi dengan tujuan membentuk formula kebolehbacaan, dua jenis prosedur statistik digunakan, iaitu:

- i. Analisis faktor dan
- ii. Langkah regresi

I. Analisis Faktor: Prosedur statistik ini digunakan untuk mencari pola hubungan antara sepuluh pembolehubah bebas yang digunakan.

Prosedur analisis faktor ke atas semua pembolehubah ini dijalankan dengan menggunakan Faktor-prinsip (principal-factor) berdasarkan anggaran komunal (communality estimates). Semua faktor kemudiannya diputar (rotate) menggunakan kriteria variamax (Kaiser, 1958). Teknik analisis faktor ini dapat menunjukkan hubungan antara pembolehubah dan dalam masa yang sama membahagikan pembolehubah ke dalam kategorinya yang tertentu. Tiga faktor didapati daripada analisis ini, iaitu (Sila lihat Jadual 3).

Faktor I. Lebih menunjukkan kandungan yang berkaitan dengan ciri-ciri perkataan. Faktor I dinamakan Faktor Perbendaharaan Kata.

Faktor II. Lebih menunjukkan bidang atau pembahagian yang tertentu. Faktor II dinamakan Faktor Ayat.

Faktor III. Tidak menunjukkan bidang atau pembahagian yang tertentu. Faktor III dianggap kurang penting.

Prosedur analisis faktor menunjukkan hubungan yang jelas antara faktor-faktor dan pembolehubah. Peratus varians yang dapat diterangkan melalui Faktor I ialah 68.8% dan 22.6% melalui Faktor II. Oleh itu, melalui kedua-dua faktor ini, 91.4% daripada varians telah dapat dijelaskan. Satu ciri lain yang jelas melalui prosedur analisis faktor ini ialah, semua pembolehubah yang berkait rapat dengan kriteria pembacaan yang senang mempunyai kandungan negatif, contoh "jumlah ayat

selapis". Sebaliknya pembolehubah yang menunjukkan kriteria pembacaan yang sukar mempunyai kandungan yang positif, contohnya pembolehubah "jumlah suku kata di dalam 100 perkataan".

### Jadual 3

*Hubungan Pembolehubah Dalam Tiga Faktor yang Ditubuh melalui Analisis Regresi*

Pembolehubah	Faktor I	Faktor II	Faktor III
Jumlah perkataan yang mempunyai satu suku kata	-.2983	.2873	.2641
Jumlah perkataan yang mempunyai suku kata lebih daripada tiga	.8923	.2520	.0493
Jumlah imbuhan awalan	.7843	.2854	-.1556
Jumlah imbuhan akhiran	.6944	.2789	.2407
Jumlah perkataan Inggeris yang digunakan	.1958	.2105	.5109
Hitung panjang perkataan dalam satu ayat	.2478	.7982	.1349
Jumlah ayat selapis	-.2801	-.9297	-.1948
Jumlah ayat berlapis	.2920	.7028	.1382
Jumlah ganti nama diri	-.2162	-.2654	-.3142
Jumlah suku kata dalam satu ratus perkataan	.9268	.2270	.0230

II. Langkah Regresi: Prosedur statistik ini dijalankan untuk mencari satu pasang faktor yang dapat dijadikan pembolehubah penelah ke atas kebolehbacaan sesuatu bahan bacaan. Akhirnya didapati dua faktor penting yang dapat menerangkan tahap kebolehbacaan sesuatu bahan bacaan itu (Lihat Jadual 3) ialah:

Jadual 4

*Pembolehubah Penelah Berdasarkan Regresi*

Pembolehubah	Lazim	R <sup>2</sup>	Nisbah F
Jumlah suku kata dalam 100 perkataan	2.26213	.6249	.75.60
Hitung panjang jumlah perkataan dalam ayat	2.0332	.7151	.61.23

Ini bermakna dua faktor utama yang dapat menerangkan tahap kebolehbacaan sesuatu bahan bacaan itu ialah:

- i. Perbendaharaan kata iaitu jumlah suku kata dalam 100 perkataan.
- ii. Stuktur ayat iaitu hitung panjang jumlah perkataan dalam satu ayat.

Kedua-dua faktor ini merupakan faktor sarwajagat yang juga digunakan untuk menubuh formula kebolehbacaan dalam bahasa moden lain di dunia seperti bahasa Inggeris, bahasa Rusia dan bahasa Sepanyol (Klare, 1975).

Berdasarkan dapatan daripada analisis regresi inilah satu persamaan kebolehbacaan teks bahasa Melayu ditubuhkan:

$$Y = -13.988 + 0.3793x_1 + 0.0207x_2$$

$$R = 0.8388r^2 = 0.703$$

di mana:

Y : tahap buku berdasarkan darjah/tingkatan

X1 : hitung panjang bilangan perkataan dalam ayat

untuk sampel yang mempunyai 300 perkataan

X2 : jumlah suku kata di dalam sampel yang mempunyai 300 perkataan

Koefisien pertalian formula kebolehbacaan ini ialah 0.84, setanding formula-formula kebolehbacaan bahasa Inggeris yang banyak digunakan oleh pendidik barat iaitu formula bacaan Flesch (1948), Spache (1953), Raygor (1977) dan Fry (1968). (Khadijah Rohani, 1987: 282).

Cara-cara Mengguna Formula Kebolehbacaan Khadijah Rohani

I. Memilih petikan:

i. Petikan pendek (300 perkataan). Apabila petikan pendek hendak digunakan, adalah penting menganalisis keseluruhan petikan itu, iaitu dengan mengambil kira jumlah 300 perkataan.

ii. Petikan panjang atau dari buku teks. Apabila hendak menganalisis buku teks atau petikan yang panjang, adalah penting menganalisis sampel bahan-bahan bacaan itu sahaja. Pilih sampel di bahagian awal, bahagian pertengahan dan bahagian akhir bahan bacaan tadi. Tiap-tiap sampel mengandungi 100 perkataan.



Jadual 5

*Tahap Kebolehbacaan Bahan dan Darjah/ Tingkatan Pelajar*

Tahap Kebolehbacaan	Darjah/ Tingkatan
1	1
2	2
3	3
4	4
5	5
6	6
7	<u>1</u>
8	2
9	3
10	4
11	5
1.5	Pada pertengahan tahun darjah 1
1.9	Pada akhir tahun darjah 1 atau pada awal tahun darjah 2 dan seterusnya.

Sumber: (Khadijah Rohani, 1987, hlm. 283-284)

Kepelbagaian Penggunaan Pengukuran Kebolehbacaan

Pengukuran kebolehbacaan digunakan dengan meluas dalam pelbagai bidang. Dalam bidang pendidikan ia digunakan untuk mengukur tahap kesukaran bahan bacaan, memilih bahan bacaan yang sesuai untuk kegunaan dalam bilik darjah, dan memilih buku-buku teks serta bahan-bahan lain. Selain itu, ia digunakan sebagai alat kajian dalam kajian pendidikan, dan menyemak bahan bacaan baru pembaca dewasa.

Dalam bidang perniagaan pula pengukuran kebolehbacaan digunakan di sektor perindustrian yang berkaitan rapat dengan penulisan langkah keselamatan dan kebolehpercayaan alat. Sektor perbankan pula menggunakan pengukuran kebolehbacaan untuk menghasilkan penerbitan mereka yang mudah untuk difahami pengguna. Manakala untuk syarikat-syarikat ia digunakan untuk memberi kesan yang maksimum kepada iklan yang dipamerkan.

Bidang perundangan menggunakan kebolehbacaan apabila ada kes berkait dengan bidang perubatan dan kebolehbacaan label produk. Selain itu, dalam pentadbiran kerajaan kebolehbacaan digunakan apabila pembabitan Undang-undang Bahasa Mudah (*Plain Language Law*) yang memberi kesan kepada kontrak yang berkait dengan pengguna, bahan terbitan kerajaan, bahan terbitan tentera, dan manual lesen memandu.

Penerbit buku teks dan akhbar juga menggunakan kebolehbacaan. Penerbit akhbar menggunakan kebolehbacaan untuk memindahkan tahap kebolehbacaan berita yang tinggi kepada tahap yang lebih rendah supaya ia boleh dinikmati oleh pembaca yang lebih ramai (Fry, 1986, hlm. 1).

#### Kebolehbacaan dan Bahan Baca di Bilik Darjah

Kebolehbacaan boleh membantu mempelbagaikan bahan bacaan di bilik darjah. Oleh kerana kebolehbacaan mampu menurunkan sesuatu tahap kesukaran bahan bacaan ia menyebabkan pelbagai bahan bacaan orang dewasa yang berguna kepada murid-murid sekolah boleh dihasilkan dan digunakan oleh murid.

Bahan bacaan peringkat tinggi terdiri daripada laporan hasil kajian, rencana perubatan, karya sasterawan agung, laporan tahunan syarikat swasta, jurnal terbitan universiti dan sebagainya. Bahan-bahan bacaan ini banyak mengandungi maklumat yang boleh dimanfaatkan oleh murid. Walaupun begitu, ia jarang digunakan sebagai bahan bacaan untuk murid-murid sekolah.

Bahan bacaan dalam bahasa Inggeris untuk murid-murid banyak yang diubahsuaikan daripada bahan bacaan orang dewasa. Misalnya karya-karya penulis terkenal seperti Jane Austen seperti *Northanger Abby*, *Emma*, *Sense and Sensibility* dan *Pride and Prejudice* boleh didapati dalam versi yang telah dipermudahkan ke peringkat murid-murid sekolah menengah. Manakala hasil penulisan penulis Mark Twain (*The Prince and The Pauper*), Jonathan Swift (*Gulliver's Travel*), Robert Louis Stevenson (*Treasure Island*) dan Daniel Defoe (*Robinson Crusoe*) boleh didapati dalam versi untuk murid-murid sekolah menengah, murid-murid sekolah rendah dan ada juga yang diturunkan kebolehbacaannya ke peringkat bacaan kanak-kanak pra sekolah.

Namun demikian, hal ini belum diamalkan untuk buku bahasa Melayu di Malaysia. Jika adapun hanya cerita-cerita Melayu klasik sahaja yang cuba dimudahkan untuk bacaan murid-murid. Contohnya cerita klasik seperti *Peminangan Puteri Gunung Ledang* dan *Pertarungan Tuah dengan Jebat* yang telah digunakan untuk bacaan murid tingkatan 4 dalam buku komponen sastera bahasa Melayu.

Oleh itu, kajian ini bertujuan mencari satu kaedah yang sesuai digunakan untuk menurunkan tahap kebolehbacaan bahan dalam bahasa Melayu. Untuk tujuan ini satu kajian kes telah dijalankan. Kajian kes yang dijalankan menggunakan tiga buah buku yang berlainan tahap kebolehbacaan. Kemudian pengkaji melihat secara rinci aspek-aspek yang diubah dari buku yang mempunyai tahap kebolehbacaan yang tinggi ke tahap kebolehbacaan bahan yang rendah. Di Malaysia belum terdapat bahan bacaan yang diturunkan tahap kebolehbacaannya untuk dijadikan panduan. Oleh itu, pengkaji memilih bahan yang dihasilkan oleh Oxford Universiti Press bertajuk Robinson Crusoe sebagai bahan kajian.

Langkah-langkah menurunkan tahap kebolehbacaan bahan dalam kajian kes tersebut dijadikan panduan untuk membina kaedah yang sesuai bagi menurunkan bahan bacaan dalam bahasa Melayu. Akhirnya pengkaji menggunakan kaedah yang dibina untuk cuba menurunkan satu teks cerpen peringkat bacaan murid tingkatan tiga empat ke peringkat murid sekolah.

## BAB III

KAJIAN KES MENURUNKAN TAHAP  
KEBOLEHBACAAN CERITA *ROBINSON CRUSOE*Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan mencari kaedah yang digunakan oleh Oxford Universiti Press bagi menurunkan tahap kebolehbacaan sesuatu teks. Tiga buah buku telah digunakan sebagai sumber kajian. Buku-buku yang dipilih adalah daripada judul yang sama tetapi mempunyai tahap kebolehbacaan yang berbeza. Buku-buku tersebut adalah seperti berikut:

1. Defeo, Daniel. (1994). *Robinson Crusoe*. (ed.) Michael Shinnagel. New York: A Norton Critical Edition. (tahap bacaan universiti)
2. Defeo, Daniel. (1978). *Robinson Crusoe*. (ed.) D. H. Howe. Hong Kong: Oxford University Press. (tahap murid gred dua)
3. Defeo, Daniel. (1992). *Robinson Crusoe*. (ed.) Hong Kong: Oxford University Press. (tahap bacaan murid gred 3)

Kajian dijalankan dengan cara membandingkan ketiga-tiga teks ini dari aspek kandungan cerita, struktur cerita dan bahasa. Perubahan yang dilakukan terhadap ketiga-tiga aspek ini dicatatkan dan perubahan inilah yang menjadi kaedah untuk memindahkan tahap kebolehbacaan bahan bahasa Melayu. Petikan dari naskhah asal cerita RC yang digunakan sebagai sampel

dikekalkan dari segi ejaan, tanda baca dan penggunaan huruf kecil dan besarnya.

Kaedah Menurunkan Kebolehbacaan yang Digunakan  
oleh Oxford University Press

Kandungan Cerita

Tema dan Persoalan

Berdasarkan buku-buku yang dikaji proses menurunkan kebolehbacaan cerita *Robinson Crusoe* (RC) tidak mengubah tema dan jalan cerita. Tema dan jalan cerita (RC) dikekalkan walaupun tahap kebolehbacaanya diturunkan kepada tiga tahap iaitu tahap pelajar universiti, tahap murid gred tiga dan tahap murid gred dua. Tema cerita berkaitan perjuangan hidup seorang manusia yang terkandas di sebuah pulau dan persoalan cerita berkaitan perjuangan manusia untuk meneruskan hidupnya, ikatan jiwa manusia dengan agama dan keinginannya untuk kembali ke tempat asalnya dikekalkan dalam ketiga-tiga buku cerita RC yang dijadikan rujukan dalam kajian ini.

Pendekatan Penulisan

Proses memindahkan tahap kebolehbacaan cerita RC mengambil kira aspek pendekatan penulisan. Pendekatan penulisan cerita RC didapati tidak berubah namun demikian cara penyampaiannya berubah daripada jenis penulisan autobiografi yang mementingkan penulisan tarikh dan peristiwa, kepada jenis

penulisan berbentuk penceritaan tanpa memasukkan catatan tarikh.

Pendekatan penulisan berbentuk autobiografi dalam naskhah asal cerita RC didapati memasukkan unsur-unsur sejarah seperti penggunaan tarikh dan nama tempat yang khusus (Defoe, D., 1994, hlm. 239). Hal ini jelas dapat dilihat melalui contoh yang dikemukakan di bawah.

THE JOURNAL

*September 30, 1959. I poor miserable Robinson Crusoe, being shipwreck'd, during a dreadful Storm, in the offing, came on Shore on this dismal unfortunate Island, which I call'd the Island of Despair...*

(Defoe, D., 1994, hlm. 52-56)

Dalam buku cerita RC yang diturunkan tahap kebolehbacaannya bentuk penulisan telah berubah. Perubahan itu adalah seperti berikut:

- a. Perubahan penulisan dari segi unsur sejarah yang begitu banyak dalam naskhah asal RC kepada unsur-unsur sejarah yang dipermudah bentuknya seperti penulisan tarikh tanpa penulisan tahun.
- b. Bentuk penulisan tarikh yang spesifik digantikan dengan bentuk penulisan diari.
- c. Akhir sekali bentuk penulisan diari ditukarkan kepada bentuk penulisan cerita pengalaman.

Contoh di bawah menunjukkan bentuk penulisan diari dalam buku cerita RC untuk murid gred dua. Berdasarkan contoh tersebut dapat dilihat penulisan tarikh sesuatu peristiwa masih dicatatkan namun demikian penulisan tahun yang spesifik sudah tiada lagi. Contohnya:

*I was now keeping a diary, and here are some of entries from it.*

*April 14. I closed up my wall and I got into my enclosure, not by a door, but over the wall with a ladder, so that there might be no sign on the outside that ...*

(Defoe, D., 1978, hlm. 23-29)

Dengan demikian, tidak ada contoh penulisan berbentuk diari yang terdapat dalam buku cerita RC bagi murid gred tiga. Bentuk penulisan dalam buku ini hanya melibatkan jenis cerita pengalaman.

### Isi Cerita

Kajian ini juga mendapati isi cerita digugurkan untuk tujuan menurunkan tahap kebolehbacaan bahan, namun demikian pengurangan yang dibuat didapati tidak menjejaskan maksud secara keseluruhan penulisan cerita. Isi cerita yang digugurkan melibatkan perkara-perkara seperti menggugurkan terus peristiwa-peristiwa yang boleh dianggap sampingan, dan meringkaskan sesuatu perkara yang rinci. Isi cerita ini diterangkan secara umum sahaja.

Berikut diperlihatkan bagaimana peristiwa-peristiwa kecil yang dianggap sampingan digugurkan dengan tidak menjejaskan perjalanan cerita RC. Contoh di bawah menunjukkan satu rentetan peristiwa yang berlaku dalam naskhah asal cerita RC.

*Besides these Things, I took all the Mens Cloaths that I could find, and a spare Fore-top-sail, a Hammock, and some Bedding; ...*

*I was under some Apprehension during my Absence from the Land, that at least my Provisions might be devour'd on Shore; but when I came back, I found no Sign of any Visitor, only there sat a Creature like a wild Cat upon one of the Chests, which when I come toward it, ran away a little Distance,...*

*Having got my second Cargoe on Shore, tho'd I was fain to open the Barrels of powder, and bring them by parcel,...*

(Defoe, D., 1994, hlm. 41)

Dalam buku cerita RC untuk murid gred dua dan tiga perenggan tengah yang digaris bawah dalam rentetan peristiwa, dibuang. Namun demikian, pengguguran ini tidak menjejaskan perjalanan cerita tersebut. Contoh di bawah menunjukkan perenggan cerita yang tinggal dalam buku untuk murid gred 2.

*Beside all these things, I took all the men's clothing that I could find, some sails, a hammock, and bedding. With all these I loaded my second raft and brought them all to shore.*

*Having got my second cargo on shore, I set to work to make a little tent with the sails and some poles. Into this tent I brought everything that could be spoiled by rain or the sun....*

(Defoe, D., 1978, hlm. 15)

Seterusnya ditunjukkan bagaimana penghuraian terhadap sesuatu perkara yang rinci dalam naskhah asal cerita RC diringkaskan. Petikan berikut menunjukkan latar belakang keluarga RC yang ditulis dengan panjang lebar dalam naskhah asal.

*I was born in the Year 1632, in the City of York, of a good Family, tho' not of that Country, my Father being a Foreigner of Bremen, who settled first at Hull: He got a good Estate by Merchandise, and leaving off this Trade, lived afterward at York, from whence he had married my Mother, whose Relation were named Robinson.*

(Defoe, D., 1994, hlm. 4-5)

Dalam buku-buku tahap kebolehbacaan yang rendah, kisah berkaitan dengan latar belakang RC ini digugurkan. Contohnya dalam cerita RC untuk murid gred dua di bawah menunjukkan kisah mengenai keluarga RC hanya dinyatakan dalam tiga hingga empat baris ayat sahaja berbanding dengan dua muka surat dalam naskhah asal.

*I was born in the year 1632, in York, a city in the north of England. My father, now very old, had given me a fairly good education at the local school. He wanted me to become a lawyer, but I was determined to go to sea.*

(Defoe, D., 1978, hlm. 1)

Manakala dalam buku cerita RC untuk murid gred tiga, kisah latar belakang RC ditulis dalam satu ayat sahaja. Di bawah adalah contoh yang dipetik daripada buku cerita murid gred tiga.

*I was born in the year 1632, in York, a city in the north of England. From the time I was very young I was always interested in ships and the sea. When I was nineteen I made my first voyage.*

(Defoe, D., 1992, hlm. 1)

Selanjutnya diperlihatkan bagaimana penerangan tentang sesuatu peristiwa yang diceritakan dengan rinci diringkaskan. Contoh di bawah ini menunjukkan satu perenggan yang dipetik daripada naskhah asal.

*I got on Board the Ship, as before, and prepar'd a second Raft, and having Experience of the first, I neither made this so unweildy, or loaded it so hard, but yet I brought away several Things very useful to me; as first, in the Carpenter's Stores I found two or there Bags full of Nails and spikes, a great Skrew-Jack, a Dozen or two of Hatchets, and aboved all, that most useful Thing call'd Grindstone; all these I secur'd together, with several Things belonging to the Gunner, particularly two or there Iron Crows, and two Barrels of Musquet Bullets, seven Musquets, and another fowling Piece, with some small Quantity of Powder more; a large bag full of small Shot, and a great Roll of Sheet Lead: But this last was heavy, I could not hoise it up to get it over the Ship's Side.*

(Defoe, D., 1994, hlm. 41)

Dalam buku untuk murid gred dua contoh-contoh alatan yang diambil daripada kapal tersebut dinyatakan namun demikian tidak diberikan penjelasan yang panjang lebar. Contohnya seperti berikut:

*I got on board the ship as before, and made a second raft. After my troubles with the first one, I made the second less difficult to control, and did not load it so heavily.*

*In the carpenter's stores I found two or three bags of nails, a dozen axes, and a grindstone, which was a most useful find. I took some iron crowbars, two barrels of musket bullets, seven muskets, and another light shot-gun, and a large bag full of small shot.*

(Defoe, D., 1978, hlm. 15)

Dalam buku untuk pelajar gred tiga pula alat-alat yang diperoleh daripada kapal diberi penjelasan dengan lebih panjang berbanding dengan buku cerita untuk pelajar gred dua.

*I got on board the ship as before, and made a second raft. After my troubles with the first one, I made the second less difficult to control, and did not put so much on it.*

*In the carpenter's stores I found two or three bags of nails, a dozen axes, and a stone for sharpening knives, which was a most useful find. I took some iron bars that were lying on the floor there. I found some more weapons and ammunition: I took seven muskets and another light shot-gun, two barrels of musket-bullets, and a large bag full of small shot.*

(Daniel, D., 1992, hlm. 12)

Proses meringkaskan contoh-contoh daripada naskhah asal RC kepada buku cerita RC untuk murid-murid gred 2 dan 3 beberapa perkara yang diubah iaitu:

a. Panjang ayat

Panjang ayat diubah daripada satu ayat yang kompleks iaitu purata 124 patah perkataan dalam satu ayat kepada dua ayat yang pendek-pendek purata 20 patah perkataan dalam satu ayat.

b. Jumlah perkataan

Jumlah perkataan dikurangkan daripada 145 perkataan dalam naskhah asal kepada 83 patah perkataan dalam naskhah untuk pelajar murid 2 dan 102 dalam naskhah untuk pelajar murid 3.

c. Istilah yang sukar ditukar kepada frasa yang mudah difahami

Dalam naskhah asal cerita RC banyak menggunakan istilah yang sukar kepada pembaca peringkat rendah. Istilah ini ditukarkan apabila proses menurunkan kebolehbacaan dibuat. Contohnya istilah '*grindstone*' yang digunakan dalam naskhah asal cerita RC dan buku untuk murid gred dua dan tiga ditukarkan kepada frasa '*and a stone for sharpening knives*'.

### Struktur Cerita

#### Pembahagian Bab

Dalam naskhah asal cerita RC tidak terdapat pembahagian isi cerita kepada bentuk bab. Walaupun demikian cerita RC ditulis dengan rententan peristiwa yang berterusan dan tidak melompat-lompat. Cerita disampaikan dengan cara satu peristiwa yang sedang berlaku diceritakan dengan lengkap, barulah disambung dengan peristiwa selanjutnya. Selain itu, tiada unsur imbas kembali digunakan. Oleh itu, didapati adalah mudah untuk membahagikan cerita RC ini kepada bentuk bab-bab.

Dalam buku untuk murid gred dua, cerita RC ini telah dibahagikan kepada 20 bab. Bab-bab yang dibina diberikan tajuk-tajuk yang memberi gambaran umum berkaitan dengan cerita yang dibaca. Pembahagian bab tidak sekata dengan jumlah muka

surat yang berbeza. Pembahagian bab dibuat berdasarkan peristiwa-peristiwa besar yang berlaku kepada diri RC.

Manakala buku untuk murid gred tiga hanya terdapat 11 bab sahaja. Ini kerana bab-bab dalam buku untuk murid gred tiga telah menggugurkan beberapa bab berbanding buku untuk murid gred dua. Bab-bab yang digugurkan ialah *My First Voyage*, *The Pirates*, *I Become a Slave-trader*, *I Imagine a Miracle*, *Entries in My Diary*, *Experiments*, *I Become a Potter* dan *Bread, Clothes and an Umbrella*. Selain itu, terdapat beberapa bab yang dikekalkan dengan tajuk yang sama seperti tajuk bab *I Make a House*, *My Man Friday*, *Prepare For A Long Stay*, *A Year on the Island*, dan *A Successful Trick*.

Walaupun begitu, terdapat juga beberapa peristiwa yang digugurkan dalam buku murid gred tiga berbanding buku murid gred dua. Panjang sesuatu bab itu bergantung kepada jalan cerita yang berkaitan dengan tajuk bab tersebut. Ada bab yang pendek dengan hanya satu halaman sahaja manakala bab yang panjang mencapai enam halaman bagi buku untuk murid gred dua. Dalam buku untuk murid gred tiga pula bab yang pendek terdiri daripada lima halaman dan bab yang panjang merangkumi sebelas halaman.

Hal ini dibuat demikian kerana, banyak isi cerita yang digugurkan, iaitu peristiwa-peristiwa yang boleh dianggap sampingan, meringkaskan sesuatu perkara yang rinci, dan memberi penerangan secara umum kepada contoh-contoh yang diberikan. Perkara-perkara tersebutlah yang menyebabkan bab-bab menjadi pendek daripada yang asal. Selain itu, perkara-

perkara seperti panjang ayat, jumlah perkataan dan penggunaan kata yang kompleks turut menyumbang panjang pendek sesuatu bab itu.

Di bawah ini ialah senarai bab-bab dalam buku RC untuk pelajar gred dua:

<i>Content</i>	<i>Page</i>	<i>Content</i>	<i>Page</i>
1. <i>My First Voyage</i>	1	11. <i>Experiments</i>	32
2. <i>The Pirates</i>	2	12. <i>I Become a Potter</i>	35
3. <i>I Become a Slave-trader</i>	3	13. <i>Bread, Clothes and an Umbrella</i>	40
4. <i>Shipwrecked and Saved</i>	6	14. <i>A Description of My Life</i>	43
5. <i>Back to the Ship</i>	9	15. <i>A Human Footprint</i>	47
6. <i>I Make a House</i>	14	16. <i>The Savages Appear</i>	51
7. <i>I Prepare for a Long Stay</i>	18	17. <i>My Man Friday</i>	55
8. <i>I Imagine a Miracle</i>	22	18. <i>More Visitor</i>	60
9. <i>Entries in My Diary</i>	25	19. <i>A Successful Trick</i>	66
10. <i>A Year on the Island</i>	30	20. <i>Departure</i>	71

(Defoe, D., 1978)

Seterusnya di bawah ini contoh bab-bab dalam buku RC untuk murid gred tiga:

<i>Content</i>	<i>Page</i>	<i>Content</i>	<i>Page</i>
1. <i>Shipwrecked</i>	1	7. <i>Cannibals</i>	49
2. <i>I Make a House</i>	11	8. <i>My Man Friday</i>	58
3. <i>I Prepare For A Long Stay</i>	18	9. <i>More Visitors</i>	63
4. <i>A Year on the Island</i>	25	10. <i>A Successful Trick</i>	71
5. <i>My Life At Home</i>	33	11. <i>We Leave The Island</i>	79
6. <i>A Footprint In The Sea</i>	41		

(Defoe, D., 1992)

Bab-bab dalam buku untuk murid gred tiga lebih sedikit kerana banyak pengguguran bab telah berlaku. Walaupun bab dalam buku cerita RC murid gred tiga lebih sedikit daripada murid gred dua kandungan cerita masih tidak terjejas.

### Penggunaan Tajuk Kecil

Selain menggunakan bab, buku-buku yang diturunkan tahap kebolehbacaannya juga menggunakan tajuk-tajuk kecil. Tajuk-tajuk kecil ini membantu pembaca membuat tanggapan awal tentang apa yang akan dibacanya.

### Pemerenggan

Pembahagian panjang perenggan adalah tidak sama panjang dalam naskhah asal cerita RC. Untuk mencari purata kepanjangan perenggan dalam naskhah asal dan buku cerita RC untuk murid gred dua dan tiga satu kaedah telah dibuat iaitu:

Naskhah asal cerita RC

- Jumlah halaman naskhah asal cerita RC ialah 220 halaman.
- Jumlah sampel ditetapkan lima perenggan sahaja .
- Sampel akan diperolehi daripada setiap  $220/5 = 44$  halaman.

Halaman	Jumlah baris dalam satu perenggan
1	10
45	18
89	21
133	10
177	19
Purata panjang perenggan	$78/5 = 15.6 \rightarrow$ <u>16 baris</u>

Buku cerita RC murid gred dua.

- Jumlah halaman buku cerita RC untuk pelajar gred dua ialah 76 halaman.
- Jumlah sampel ditetapkan lima perenggan sahaja.

c. Sampel akan diperoleh daripada setiap  $76/5 = 15$  halaman.

Halaman	Jumlah baris dalam satu perenggan
1	6
16	7
31	3
46	10
61	5
Purata panjang perenggan	$31/5 = 6.2$ → <u>6 baris</u>

Buku cerita RC murid gred tiga.

- Jumlah halaman buku cerita RC untuk pelajar gred tiga ialah 84 halaman.
- Jumlah sampel ditetapkan lima perenggan sahaja.
- Sampel akan diperoleh daripada setiap  $84/5 = 17$  halaman.

Halaman	Jumlah baris dalam setiap perengg
1	7
18	12
35	4
52	6
69	6
Purata panjang perenggan	$35/5 = 7$ baris

Proses menurunkan kebolehbacaan cerita RC ini dilakukan dengan cara memendekkan purata baris pada perenggan-perenggan. Dapat dilihat bahawa purata barisan bagi sesuatu perenggan dikurangkan separuh iaitu daripada 16 baris dalam naskhah asal

kepada 6 dan 7 baris dalam buku-buku cerita RC murid gred dua dan tiga.

#### Menomborkan Baris

Dalam buku untuk murid gred dua dan tiga terdapat nombor pada setiap lima baris. Nombor-nombor ini ditulis bertujuan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran di kelas. Guru-guru boleh terus menyuruh murid membuat rujukan pada baris mana yang perlu diberi perhatian untuk tujuan perbincangan. Selain itu, setiap halaman dihadkan kepada 35 baris sahaja.

#### Gambar

Naskhah asal cerita RC tidak mengandungi sebarang gambar atau grafik. Namun demikian di dalam buku cerita RC untuk murid gred dua dan tiga terdapat penggunaan gambar-gambar. Ini bermakna proses menurunkan kebolehbacaan sesuatu bahan juga melibatkan penggunaan gambar dan grafik. Penggunaan gambar-gambar ini mempunyai pelbagai tujuan. Pertama, ia dapat menggambarkan latar tempat atau peristiwa yang sedang berlaku. Gambar juga dapat menghuraikan perkataan-perkataan yang agak abstrak kepada murid contohnya perkataan 'fortress' atau 'kubu' dalam cerita ini. Selain itu, gambar dapat mengelakkan perasaan bosan pembaca muda untuk terus membaca. Dalam buku murid gred dua terdapat 7 halaman bergambar manakala dalam buku untuk murid gred tiga terdapat 28 halaman bergambar.

## Bahasa

Aspek bahasa yang dilihat berubah dalam proses menurunkan kebolehbacaan bahan merangkumi aspek-aspek seperti perbendaharaan kata dan struktur ayat.

### Perbendaharaan Kata

Aspek perbendaharaan kata yang dilihat berlaku perubahan dalam proses menurunkan kebolehbacaan adalah seperti berikut:

- i. Jumlah perbendaharaan kata
- ii. Pemilihan kata

i. Jumlah perbendaharaan kata. Naskhah asal cerita RC dihimpunkan dalam kategori klasik. Kategori klasik ini mengandungi lebih daripada 6000 patah perkataan kata yang digunakan dalam seluruh buku RC itu. Manakala bagi buku-buku untuk murid gred dua dan tiga pula jumlah perkataan yang diturunkan. Bilangan perkataan untuk murid gred dua ialah 2900 patah perkataan, dan bilangan perkataan untuk murid gred tiga pula ialah 3100 patah perkataan.

ii. Pemilihan kata. Pemilihan kata sangat penting dalam proses penulisan. Kajian ini mendapati proses menurunkan kebolehbacaan bahan melibatkan proses pemilihan kata dari aspek seperti berikut:

- a. Perkataan sukar dimudahkan,
- b. Menggugurkan perkataan yang jarang digunakan dan digantikan dengan perkataan yang lazim digunakan,
- c. Menggugurkan penggunaan kata adjektif dan disebut apa

yang dimaksudkan,

- d. Memendekkan frasa adverb; dan
- e. Menggugurkan frasa yang tidak bermakna.

a. Perubahan dari perkataan sukar ditukar kepada perkataan mudah

Petikan daripada naskhah asal cerita RC:

*...and as the Rage of Wind was still great, tho' rather less than the first, we could not much as hope to have the Ship hold many Minutes without breaking in Pieces,*  
(Defoe, D., 1994, hlm. 33)

Petikan daripada cerita RC murid gred dua:

*The wind was still blowing fiercely, and it could not be long before the ship broke into pieces.*  
(Defoe, D., 1978, hlm. 7)

Petikan daripada cerita RC murid gred tiga:

*The wind was still blowing strongly., It could not be long before the ship broke into pieces.*  
(Defoe, D., 1992, hlm. 2)

Frasa bergaris daripada petikan asal cerita RC di atas terdiri daripada perkataan yang sukar. Namun demikian perkataan-perkataan tersebut bertukar kepada perkataan yang lebih mudah dalam buku cerita untuk murid gred dua dan tiga seperti di atas. Proses perubahan tersebut diringkaskan seperti dalam jadual 6 di sebelah.

Jadual 6

## Proses Perubahan Perkataan Sukar kepada Perkataan Mudah

Frasa dari cerita RC asal	Pertukaran yang dilakukan	Frasa dari buku cerita RC murid gred dua
<i>as the <u>Rage of Wind</u> was still great</i>	→ Frasa panjang yang sukar telah ditukar kepada frasa yang lebih mudah dan pendek.	<i>wind was still <u>blowing fiercely</u></i>
Frasa dari buku RC murid gred dua	Pertukaran yang dilakukan	Frasa dari buku RC murid gred tiga
<i>wind was still <u>blowing fiercely</u></i>	→ Satu perkataan sahaja digunakan untuk mewakili makna yang sama dengan frasa.	<i>wind was still <u>blowing strongly</u></i>

Frasa '*as the Rage of Wind was still great*' dalam naskhah asal RC ini lebih sukar berbanding frasa '*wind was still blowing fiercely*' dalam buku cerita RC untuk murid gred dua. Manakala dalam buku cerita untuk murid gred tiga, perkataan sukar '*fiercely*' ditukar kepada yang lebih mudah iaitu '*strongly*'. Namun demikian pertukaran yang dilakukan ini tidak menjejaskan makna asal ayat tersebut.

b. Perubahan dengan menggugurkan kata yang jarang digunakan dan diganti dengan kata yang lazim digunakan

Petikan daripada naskhah asal cerita RC:

*...by this Means all her Quarter was free, and all that was in that Part was dry; for you may be sure my first Work was to search and see what was spoil'd and what was free; and first I found that all the Ship's Provisions were dry and untouch'd by the Water,...*

(Defoe, D., 1994, hlm. 37)

Petikan daripada cerita RC murid gred dua:

*The first thing I did was to search and see what was spoiled and what was undamaged. I found that all the ship's provisions were dry and untouched by the water.*

(Defoe, D., 1978, hlm. 11)

Petikan daripada cerita RC murid gred tiga:

*The first thing I did was to search and see what was spoiled and what was undamaged. I found that most of the food on the ship was dry and untouched by the water.*

(Defoe, D., 1992, hlm. 7)

Kajian terhadap tiga petikan di atas mempamerkan bagaimana perubahan dengan menggugurkan kata yang jarang digunakan dan diganti dengan kata yang lazim digunakan. Perkataan '*provision*' yang jarang digunakan dalam pertuturan harian pembaca yang menjadi sasaran telah diubah kepada perkataan yang lazim digunakan iaitu '*food*'. Perkataan '*food*' didapati lazim digunakan dan mudah difahami berbanding dengan perkataan '*provision*'. Contoh proses perubahan dengan menggugurkan perkataan yang jarang digunakan dan diganti dengan kata yang biasa digunakan dalam rajah 6 di bawah.

Jadual 7

Proses Perubahan dengan Menggugurkan Perkataan yang Jarang Digunakan dan Diganti dengan Perkataan yang Lazim

Frasa yang dipetik daripada naskhah asal cerita RC	Pertukaran yang dilakukan	Frasa yang dipetik daripada buku cerita murid gred dua
<i>I found that all the Ship's <u>Provisions</u> were dry</i>	→ Tiada perubahan dilakukan.	<i>I found that all the Ship's <u>Provisions</u> were dry</i>
Frasa yang dipetik daripada buku cerita murid gred dua	Pertukaran yang dilakukan	Frasa yang dipetik daripada buku cerita murid gred tiga
<i>I found that all the Ship's <u>Provisions</u> were dry</i>	→ Perkataan ' <i>provision</i> ' yang jarang digunakan telah diganti.	<i>I found that most of the <u>food</u> on the ship was dry</i>

Walaupun perubahan perkataan berlaku makna asal ayat tersebut tetap dikekalkan iaitu berkaitan dengan makanan. Malah penggunaan kata 'food' lebih mudah dan pantas untuk difahami kerana ia perkataan yang lebih pendek dan lazim digunakan berbanding perkataan 'provisions'.

### c. Memendekan Frasa Adverb

Petikan daripada naskhah asal cerita RC:

*When I came Home from this Journey, I contemplated with great Pleasure the Fruitfulness of that Valley and the Pleasantness of the Situation, the Security from Storm on that Side the Water, and the Wood, and concluded that had pitch'd upon a Place to fix my Abode which was by far the worst Part of the Country. Upon the Whole I began to consider of removing my Habitation; and to look out for a Place equally safe, as where I now was situate, if possible in that pleasant fruitful Part of the Island.*

(Defoe, D., 1994, hlm. 74)

Petikan daripada cerita RC murid gred dua:

*When I came home from this journey, I thought with great pleasure about the valley. It was full of fruit and well sheltered from storms. It seem that the place I had chosen for my home was by far the worst part of the island. I thought of moving my house and looking for place equally safe, if possible, in that beautiful part of the island.*

(Defoe, D., 1978, hlm. 31)

Petikan daripada cerita RC murid gred tiga:

*When I came home from this journey, I thought about the valley. It was full of fruit and well sheltered from storms. It seemed that the place I had chosen for my home was in the worst part of the island. I thought of moving my home and of looking for somewhere to live in the valley.*

(Defoe, D., 1992, hlm. 26-27)

Tiga perenggan contoh di atas menunjukkan bagaimana proses menurunkan kebolehbacaan bahan dengan mengurangkan penggunaan perkataan adverb. Perkataan-perkataan adjektif abverb yang sukar seperti *contemplated*, *fruitfulness* *pleasantness*, dan *situation* tidak lagi digunakan dalam buku

cerita untuk murid gred dua dan tiga. Malah frasa *great pleasure* juga sudah tidak digunakan dalam buku untuk murid gred tiga. Pengguguran dibuat kerana murid sukar membuat gambaran mental tentang kata-kata tersebut lantaran tiada benda maujud yang boleh dibuat rujukan. Oleh itu, penggunaan ayat '*I thought about the valley*' lebih mudah difahami pembaca muda kerana kata '*valley*' sahaja sudah cukup untuk menerangkan keindahan tempat tersebut dan boleh dibuat rujukan. Contoh proses memendekkan frasa adverb dalam jadual 8 di bawah.

Jadual 8

## Proses Memendekkan Frasa Adverb

Frasa yang dipetik daripada naskhah asal cerita RC	Pertukaran yang dilakukan	Frasa yang dipetik daripada buku cerita frasa gred dua
<i>I contemplated with <u>great Pleasure</u> the <u>Fruitfulness</u> of that Valley and the <u>Pleasantness</u> of the Situation,</i>	→ Perkataan adjektif telah diganti.	<i>I thought <u>with great pleasure</u> about the valley.</i>
Frasa yang dipetik daripada buku cerita murid gred dua	Pertukaran yang dilakukan	Frasa yang dipetik daripada buku cerita murid gred tiga
<i>I thought with <u>great pleasure</u> about the valley.</i>	→ Perkataan adjektif langsung tidak digunakan.	<i>I thought about the valley .</i>

Frasa adverb seperti '*with great Pleasure*', '*fruitfulness*', dan '*pleasantness*' tidak digunakan lagi dalam buku cerita RC murid gred 3. Namun demikian ia tidak pula mengurangkan nilai estetika cerita ini secara keseluruhannya.

d. Menukar frasa yang menggunakan perkataan yang gah kepada perkataan lazim

Petikan daripada naskhah asal cerita RC:

*It is not easy for any one, who has not been in the like Condition, describe or conceive the Consternation of Men in such Circumstances; we knew nothing where were, ...*

(Defoe, D., 1994, hlm. 33)

Frasa bergaris di atas sudah tidak digunakan lagi dalam buku cerita RC murid gred 2. Frasa ini diubah menggunakan perkataan yang lebih biasa digunakan seperti frasa yang bergaris di bawah.

*It is not easy for anyone who has not been in such a situation to imagine how frightened and anxious we were.*

(Defoe, D., 1978, hlm.6)

Proses perubahan tersebut diringkaskan seperti dalam jadual 9 di sebelah. Contoh di sebelah menunjukkan bagaimana proses frasa yang menggunakan perkataan gah ditukar kepada frasa menggunakan perkataan biasa. Walaupun demikian makna ayat tersebut masih sama malah penggunaan perkataan biasa itu lebih mudah difahami.

Jadual 9

Proses Menukar Frasa yang Gah dengan Perkataan Lazim

Frasa berbentuk gah yang dipetik daripada naskhah asal RC	Ditukar kepada	Frasa yang mengandungi perkataan biasa digunakan yang dipetik daripada buku cerita RC murid gred dua
'who has not been in the like Condition, describe or conceive the Consternation of Men in such Circumstances'	→	<i>who has not been in such a situation to imagine how frightened and anxious we were.</i>

e. Menggugurkan frasa yang tidak bermakna

Petikan daripada buku cerita RC murid gred dua:

*It is not easy for anyone who has not been in such a situation to imagine how frightened and anxious we were.*

(Defoe, D., 1978, hlm. 6)

Petikan daripada buku cerita RC murid gred tiga

*It is not easy for anyone to imagine how frightened and anxious we were.*

(Defoe, D., 1992, hlm. 4)

Contoh di atas menunjukkan bagaimana frasa bergaris digugurkan terus daripada ayat yang baru dibina dalam buku cerita RC murid gred tiga. Namun demikian, makna ayat baru itu masih membawa maksud yang sama dengan ayat yang sebelumnya. Dengan ini, proses menurunkan tahap kebolehbacaan melibatkan pengguguran frasa tanpa menjejaskan mesej yang hendak disampaikan. Proses pengguguran frasa juga dilihat tidak menjejaskan perjalanan cerita RC. Proses pengguguran tersebut diringkaskan seperti dalam jadual 10 di sebelah.

Jadual 10

Proses Menggugurkan Frasa yang Tidak Bermakna

Petikan daripada buku cerita RC murid gred dua	Ditukar kepada	Petikan daripada buku cerita RC murid gred dua
<i>It is not easy for anyone <u>who has not been in such a situation</u> to imagine how frightened and anxious we were.</i>	→	<i>It is not easy for anyone to imagine how frightened and anxious we were.</i>

### Struktur Ayat

Struktur ayat yang berubah apabila proses kebolehbacaan dilihat dari aspek:

i. Penggunaan ayat yang pendek berbanding ayat yang

panjang,

ii. Penggunaan ayat mudah menggantikan ayat kompleks; dan

iii. Penggunaan ayat yang pendek berbanding ayat yang panjang.

i. Penggunaan ayat yang pendek berbanding ayat yang panjang. Panjang ayat berubah dengan begitu ketara sekali apabila proses menurunkan tahap kebolehbacaan bahan dibuat. Berikut contoh perenggan ayat-ayat yang panjangnya diubah.

a. Ayat

Petikan daripada naskhah asal RC:

*However, I made me a table and Chair, as I observ'd above, in the first Place, and this I did out of the short Pieces of Boards that I brought on myRaft from the Ship: But when I had wrought out some Boards, as above I made large Shelves of the Breadth of a Foot and a Half one over another, all along one Side of my Cave, to lay all my Tools, Nails, and Iron-work, and in a Word, to separate every thing at large in their Places, that I must come easily at them; I knock'd Pieces into the Wall of the Rock to hang my Guns and all things that would hang up.*

(Defoe, D., 1994, hlm. 51)

Petikan daripada buku cerita RC untuk murid gred dua:

*I made a table and chair out of the short boards that I had brought to my raft from the ship. I cut down trees and made large boards which I put up as shelves inside my cave. On these I placed my tools, nails and other things to keep them tidy. I knocked more boards into the wall of rock in which to hang my guns.*

(Defoe, D., 1978, hlm. 22)

Petikan daripada buku cerita RC untuk murid gred tiga:

*I made a table and chair out of the short boards that I had brought to my raft from the ship. I cut down trees and made large boards which I put up as shelves inside my cave. On these I placed my tools, nails and other things to keep them tidy. I knocked more boards into the wall of rock in which to hang my guns.*

(Defoe, D., 1992, hlm. 22)

Proses bagaimana ayat yang panjang dalam naskhah asal cerita RC dipendekkan lebih jelas melalui ilustrasi jadual 11 di bawah.

Jadual 11

## Proses Memendekkan Ayat Majmuk

Proses memendekkan satu ayat majmuk kepada satu ayat		
Petikan ayat daripada cerita asal RC	Dipendekkan kepada	Petikan ayat daripada buku cerita RC murid gred dua dan tiga
<p><i>However, I made me a table and Chair, as I observ'd above, in the first Place, and this I did out of the short Pieces of Boards that I brought on myRaft from the Ship:</i></p> <p>Frasa mengandungi 36 patah perkataan.</p>	<p style="text-align: center;">→</p> <p>Dipendek kepada ayat pertama sepanjang 17 patah perkataan.</p>	<p><i>I made a table and chair out of the short boards that I had brought to my raft from the ship.</i></p> <p>Ayat mengandungi 21 patah perkataan.</p>
Proses memendekkan beberapa ayat majmuk kepada dua ayat		
Petikan frasa daripada cerita asal RC	Dipendekkan kepada	Petikan ayat daripada buku cerita RC murid gred dua dan tiga
<p><i>But when I had wrought out some Boards, as above I made large Shelves of the Breadth of a Foot and a Half one over another, all along one Side of my Cave, to lay all my Tools, Nails, and Iron-work, and in a Word, to separate every thing at large in their Places, that I must come easily at them; I knock'd Pieces into the Wall of the Rock to hang my Guns and all things that would hang up.</i></p> <p>Frasa mengandungi 81 patah perkataan.</p>	<p style="text-align: center;">→</p> <p>Dipendek kepada ayat pertama sepanjang 17 patah perkataan.</p>	<p><i>I cut down trees and made large boards which I put up as shelves inside my cave.</i></p> <p>Ayat mengandungi 17 patah perkataan.</p>
	<p style="text-align: center;">→</p> <p>Dipendek kepada ayat kedua sepanjang 29 patah perkataan.</p>	<p><i>On these I placed my tools, nails and other things to keep them tidy. I knocked more boards into the wall of rock in which to hang my guns.</i></p> <p>Ayat mengandungi 29 patah perkataan.</p>

## b. Purata panjang ayat

Hasil pemerhatian bagaimana ayat-ayat dipendekkan daripada naskhah asal cerita RC ke buku cerita RC untuk murid gred dua dan tiga, purata panjang ayat setiap bahan tersebut boleh diperolehi. Untuk mencari purata panjang ayat dalam naskhah asal dan buku cerita RC murid gred dua dan tiga satu kaedah telah dibuat, iaitu:

Naskhah asal cerita RC

- Jumlah halaman buku 220
- Jumlah sampel ditetapkan lima ayat sahaja
- Sampel akan diperolehi daripada setiap  $220/5 = 44$  halaman

Halaman	Jumlah kata dalam satu ayat
1	121
45	33
89	275
134	124
177	66
Purata panjang ayat	$\frac{619}{5} = 123.8 \rightarrow 124$ kata

Buku cerita RC untuk murid gred dua

- Jumlah halaman buku 76
- Jumlah sampel ditetapkan lima ayat sahaja
- Sampel akan diperolehi daripada setiap  $76/5 = 15$  halaman

Halaman	Jumlah kata dalam satu ayat
1	5
16	28
31	31
46	25
61	10
Purata panjang ayat	$99/5 = 19.8 \rightarrow 20$ kata

Buku cerita RC untuk murid gred tiga

- Jumlah halaman buku 84
- Jumlah sampel ditetapkan lima ayat sahaja
- Sampel akan diperolehi daripada setiap  $220/5 = 44$  halaman

Halaman	Jumlah kata dalam satu ayat
1	12
18	24
35	18
52	19
69	20
Purata panjang ayat	$93/5 = 18.6 \rightarrow 19$ kata

Dapat dilihat bagaimana proses menurunkan tahap kebolehbacaan bahan melibatkan proses mengehadkan panjang ayat. Purata ayat dalam naskhah asal cerita RC iaitu 124 patah kata dalam satu ayat dikurangkan kepada kepada 20 patah kata dalam satu ayat untuk buku cerita RC murid gred dua dan 19 patah perkataan dalam satu ayat untuk buku cerita RC untuk murid gred tiga.

### c. Tanda baca

Hasil pemerhatian proses pemendekkan ayat juga melihatkan peranan tanda bacaan dalam proses menurunkan tahap kebolehbacaan bahan. Jadual 12 di bawah ini memperlihatkan prosesnya.

#### Jadual 12

#### Proses Memendekkan Ayat dengan Menggunakan Tanda Baca

Petikan frasa daripada cerita asal RC		Petikan ayat daripada buku cerita RC murid gred dua dan tiga
<p><i>However, I made me a table and Chair, as I observ'd above, in the first Place, and this I did out of the short Pieces of Boards that I brought on myRaft from the Ship: But when I had wrought out some Boards, as above I made large Shelves of the Breadth of a Foot and a Half one over another, all along one Side of my Cave, to lay all my Tools, Nails, and Iron-work, and in a Word, to separate every thing at large in their Places, that I must come easily at them; I knock'd Pieces into the Wall of the Rock to hang my Guns and all things that would hang up.</i></p> <p>(Defoe, D., 1994, hlm. 51)</p>	<p style="text-align: center;">→</p> <p>Tanda bacaan seperti : (titik bertindih), ; (koma bertindih dan , (koma yang berulang-ulang) sudah tidak digunakan lagi. Sebaliknya ayat dipendekkan dengan menggunakan tanda . (titik) sahaja.</p>	<p><i>I made a table and chair out of the short boards that I had brought to my raft from the ship. I cut down trees and made large boards which I put up as shelves inside my cave. On these I placed my tools, nails and other things to keep them tidy. I knocked more boards into the wall of rock in which to hang my guns.</i></p> <p>(Defoe, D., 1978, hlm. 22)</p>

Contoh di atas jelas menunjukkan bagaimana tanda bacaan membantu menurunkan tahap kebolehbacaan bahan. Naskhah asal cerita RC mengandungi begitu banyak penggunaan tanda bacaan seperti koma, titik bertindih, dan koma bertindih. Penggunaan tanda bacaan ini mengelirukan pembaca dan memenatkan pembaca. Dalam bahan bacaan yang diturunkan tahap kebolehbacaannya jelas kelihatan tiada lagi unsur tanda bacaan jenis ini. Pengguguran tanda baca seperti koma, titik bertindih dan koma bertindih akan menyebabkan ayat menjadi pendek. Ayat-ayat yang pendek mudah difahami berbanding ayat yang panjang.

ii. Penggunaan ayat mudah menggantikan ayat kompleks.

Proses menurunkan kebolehbacaan melibatkan penggunaan ayat mudah seperti ayat tunggal dan ayat gabungan untuk menggantikan ayat kompleks.

Petikan daripada naskhah asal cerita RC:

*At the time it happen'd after I had laid my Scheme for the setting up my Tent and making the Cave, that a Storm of Rain falling from thick dark Cloud, a sudden Flash of Lighting happen'd, and after that a great Clap of Thunder, as is naturally the Effect of it; I was not much surpris'd with the Lightning as I was with a Thought which darted in to my Mind as swift as the Lightning it self: O my Powder! My very Heart sunk within me, when I thought, that at one Blast all my Powder might be destroy'd, on which, not my Defence only, but the providing me Food as I thought, entirely depend; I was nothing near so anxious about my own Danger, tho' had the Powder took fire, I had never known who had hurt me.*

(Defoe, D., 1994, hlm. 45)

Petikan daripada buku murid gred dua buku cerita RC:

*One day, when I had made these plans for setting up my tent and making my cave, there was a rain storm. There was a flash of lightning, and after that a great roll of thunder. A sudden frightening thought entered my mind. My gunpowder! If the lightning caught it, all my powder might be destroyed, and I would have nothing left to defend myself with.*

(Defoe, D., 1978, hlm. 19)

Petikan daripada buku murid gred tiga buku cerita RC:

*One day, when I had made these plans for setting up my tent and making my cave, there was a rain strom. There was a flash of lightning, and after that a great roll of thunder. A sudden frightening thought entered my mind. My gunpowder! If the lightning struck it, all my powder would be destroyed, and I mould not be able to use my guns to defend myself.*

(Defoe, D., 1992, hlm. 18)

Jadual 13 di bawah dapat menunjukkan dengan jelas proses perubahan jenis ayat.

Jadual 13

Proses Perubahan Jenis Ayat

Petikan frasa daripada cerita asal RC	Perubahan jenis ayat	Petikan ayat daripada buku cerita RC pelajar gred dua dan tiga
<i>At the time it happen'd after I had laid my Scheme for the setting up my Tent and making the Cave, that a Storm of Rain falling from thick dark Cloud, a sudden Flash of Lighting happen'd, and after that a great Clap of Thundder, as is is naturally the Effect of it; I was not much surpris'd with the Ligthing as I was with a Thought which darted in to my Mind as swift as the Lightning it self: O my Powder! My very Heart sunk within me, when I thought, that at one Blast all my Powder might be destroy'd, on which, not my Defence only, but the providing me Food as I thought, entirely depend; I was nothing near so anxious about my own Danger, tho' had the Powder took fire, I had never known who had hurt me.</i>	<p>Ayat-ayat majmuk dalam naskhah asal cerita RC adalah ayat majmuk tanpa menggunakan kata tugas atau kata hubung tertentu. Sebaliknya menggunakan tanda bacaan seperti koma, koma bertindih dan noktah bertindih.</p> <p style="text-align: center;">→</p> <p>Ayat-ayat majmuk yang panjang dalam naskhah asal cerita RC dipermudahkan menjadi ayat gabungan dan ayat majmuk yang mudah.</p>	<i>One day, when I had made these plans for setting up my tent and making my cave, there was a rain strom. There was a flash of lightning, and after that a great roll of thunder. A sudden frightening thought entered my mind. My gunpowder! If the lightning caught it, all my powder might be destroyed, and I mould have nothing left to defend myself with.</i>

### Penggunaan Nota Kaki

Perkataan yang agak sukar difahami dalam naskhah asal cerita RC sama ada diberi maknanya dengan cara membuat nota kaki atau terus menukarkan perkataan tersebut. Di bawah ini

diperlihatkan contoh perubahan dilakukan dengan membuat nota kaki.

Penggunaan kata 'ivory' dalam naskhah asal RC.

*His face was round, and plump; his Nose small, not flat like Negroes, a very good Mouth, thin Lips, and his fine Teeth well set, and white as Ivory.*

(Defoe, D., 1994, hlm. 159)

Penggunaan kata 'ivory' dalam buku murid gred dua.

*His face was round, and plump; his nose small, and he had well-shaped mouth. His lips were thin and he had fine teeth, as white as ivory\*.*

*\*ivory, natural hard substance, tusks of elephants.*

(Defoe, D., 1978, hlm. 55)

Tiada penggunaan kata 'ivory' dalam buku murid gred tiga.

*His face was round, and plump, his nose small, and he had well-shaped mouth. His lips were thin and he had fine white teeth.*

(Defoe, D., 1992, hlm. 57)

Jadual 14

Proses Perubahan dengan Membuat Nota Kaki

Penggunaan kata 'ivory' dalam naskhah asal RC.		Penggunaan kata 'ivory' dalam buku murid gred dua.
<i>His face was round, and plump; his Nose small, not flat like Negroes, a very good Mouth, thin Lips, and his fine Teeth well set, and white as Ivory.</i>	→ Perkataan ivory diberi penerangan melalui nota kaki.	<i>His face was round, and plump; his nose small, and he had well-shaped mouth. His lips were thin and he had fine teeth, as white as ivory*.</i> Nota kaki: <i>*ivory, natural hard substance, tusks of elephants.</i>
Penggunaan kata 'ivory' dalam buku murid gred dua.		Penggunaan kata 'ivory' dalam buku murid gred tiga
<i>His face was round, and plump; his nose small, and he had well-shaped mouth. His lips were thin and he had fine teeth, as white as <u>ivory</u>*.</i>	→ Perkataan ivory tidak digunakan lagi dalam buku cerita pelajar gred tiga.	<i>His face was round, and plump, his nose small, and he had well-shaped mouth. His lips were thin and he had fine white teeth</i>

Dalam naskhah asal cerita RC pengguna kata 'ivory' tidak diberi apa-apa penjelasan tetapi dalam buku cerita RC untuk murid gred dua kata 'ivory' diberi penjelasan menggunakan kaedah nota kaki. Manakala dalam buku untuk murid gred tiga kata 'ivory' langsung digugurkan. Penggunaan nota kaki untuk kata 'ivory' dan pengguguran terus kata tersebut tidak menjejaskan huraian berkaitan rupa paras yang cuba digambarkan. Ini bermakna proses menurunkan kebolehbacaan boleh dilakukan dengan memberi penjelasan melalui nota kaki.

#### Kebolehbacaan Bahan

Kebolehbacaan tiga bahan yang digunakan dalam kajian ini akan dikira menggunakan formula yang dikemukakan oleh Rudolf Flesch. Langkah-langkah mengira kebolehbacaan:

1. Pilih sampel panjangnya lebih kurang 100 patah kata.
2. Jumlahkan kata yang terdapat dalam sampel yang dipilih. (a)
3. Jumlahkan suku kata. (b)
4. Jumlahkan ayat. (c)
5. Purata suku kata dalam satu kata  $b/a = (d)$
6. Purata kata dalam ayat  $a/c = (e)$
7. Darabkan  $d \times 84.6 = (f)$
8. Darabkan  $e \times 1.015 = (g)$
9. Jumlahkan  $f + g = h$
10. Tolakan  $206.835 - h =$  tahap keboehbacaan bahan

Jadual 15 di bawah menunjukkan pengiraan tahap kebolehbacaan naskhah asal cerita RC.

Jadual 15

*Tahap Kebolehbacaan Naskhah Asal Cerita RC*

	Sampel 1 Muka surat 1	Sampel 2 Muka surat 45	Sampel 3 Muka surat 89
A	121	11	112
B	170	152	148
C	1	2	1
$B/a = d$	1.405	1.382	1.321
$a/c = e$	121	55	148
$D \times 84.6 = f$	118.863	116.917	111.757
$e \times 1.015 = g$	122.815	55.825	150.22
$f + g = h$	241.678	172.742	261.977
$206.835 - h$	-34.843	34.093	-55.142

$$\begin{aligned}
 \text{Purata tahap kebolehbacaan} &= \frac{(-34.843) + (34.093) + (-55.142)}{3} \\
 &= -55.892/3 \\
 &= \underline{-18.63}
 \end{aligned}$$

Jadual 16 di bawah menunjukkan pengiraan tahap kebolehbacaan buku cerita RC untuk murid gred dua.

Jadual 16

*Tahap Kebolehbacaan Buku Cerita RC untuk Murid Gred Dua*

	Sampel 1 Muka surat 1	Sampel 2 Muka surat 16	Sampel 3 Muka surat 31
A	112	99	104
B	138	121	120
C	7	5	6
$b/a = d$	1.232	1.222	1.154
$a/c = e$	16	19.8	17.33
$d \times 84.6 = f$	104.227	103.381	97.628
$e \times 1.015 = g$	16.24	20.097	17.589
$f + g = h$	120.467	123.478	115.217
$206.835 - h$	86.368	83.357	91.618

$$\begin{aligned}
 \text{Purata tahap kebolehbacaan} &= \frac{(86.368) + (83.357) + (91.618)}{3} \\
 &= 261.343/3 \\
 &= \underline{87.114}
 \end{aligned}$$

Jadual 17 di bawah menunjukkan pengiraan tahap kebolehbacaan buku cerita RC untuk murid gred tiga.

Jadual 17

*Tahap Kebolehbacaan Buku Cerita RC untuk Murid Gred Tiga*

	Sampel 1 Muka surat 1	Sampel 2 Muka surat 18	Sampel 3 Muka surat 35
A	100	122	109
B	121	125	123
C	7	6	7
b/a = d	1.21	1.026	1.128
a/c = e	14.286	20.333	15.57
d x 84.6 = f	102.366	86.799	95.429
e x 1.015 = g	14.500	20.635	15.803
f + g = h	116.866	107.434	111.232
206.835 - h	89.969	99.401	95.603

$$\begin{aligned}
 \text{Purata tahap kebolehbacaan} &= \frac{(89.969) + (99.401) + (95.603)}{3} \\
 &= 284.973/3 \\
 &= \underline{94.991}
 \end{aligned}$$

Nilai kebolehbacaan yang diperoleh boleh disesuaikan dengan tahap kesukaran untuk membaca bahan tersebut. Selain itu, kita juga boleh mengetahui murid tahap mana yang sesuai membaca bahan tersebut. Jadual berkala ini telah disediakan oleh Rudolf Flesch.

Jadual 18

*Tahap Kesukaran Bahan yang Disarankan oleh Rudolf Flesch*

Skor	Tahap kesukaran
90-100	Sangat mudah
80-90	Mudah
70-80	Agak mudah
60-70	Bahasa Inggeris asas
50-60	Agak sukar
20-50	Sukar
0-20	Sangat sukar

Jadual 19

*Tahap Kesukaran Bahan Mengikut Peringkat Umur yang Disarankan oleh Rudolf Flesch*

Skor	Tahap sekolah
90-100	Gred 5
80-90	Gred 6
70-80	Gred 7
60-70	Gred 8 ke 9
50-60	Gred 10 ke gred 12 (menengah tinggi)
30-50	Kolej
0-30	Siswazah

Berdasarkan jadual yang disarankan oleh Flesch ini, naskhah asal cerita RC adalah dalam kategori yang amat sukar dibaca. Sasaran pembacanya pula terdiri daripada kalangan penuntut universiti. Manakala buku-buku yang diturunkan tahap

kebolehbacaannya pula menunjukkan bahan-bahan tersebut sesuai dibaca oleh murid di gred lima dan gred enam.

### Kesimpulan Proses Menurunkan Tahap Kebolehbacaan Bahan Pendekatan Penulisan

Pendekatan penulisan boleh membantu menurunkan tahap kebolehbacaan bahan. Pendekatan penulisan yang digunakan dalam cerita RC ini ialah pendekatan penulisan penceritaan.

Pendekatan penulisan penceritaan bersifat kronologi (Ahmad Sidin Ishak, 1992, hlm. 16). Penulisan bersifat konologi ini memudahkan pemahaman pembaca. Oleh itu, proses memindahkan tahap kebolehbacaan bahan perlulah mengambil kira pendekatan penulisan. Dalam kajian ini bentuk penulisan telah berubah seperti berikut:

- a. Perubahan penulisan dari unsur sejarah kepada unsur sejarah yang dipermudahkan bentuknya seperti penulisan tarikh tanpa penulisan tahun,
- b. Penulisan tarikh yang spesifik digantikan dengan bentuk penulisan diari; dan
- c. Bentuk penulisan diari ditukarkan pula kepada bentuk penulisan cerita pengalaman.

### Isi Cerita

Isi cerita boleh dikurangkan untuk tujuan menurunkan tahap kebolehbacaan bahan. Isi cerita yang dikurangkan itu hendaklah tidak menjejaskan maksud secara keseluruhan penulisan itu. Isi cerita dikurangkan dengan cara:

- a. Menggugurkan terus peristiwa-peristiwa yang dianggap sampingan,
- b. Meringkaskan sesuatu perkara; dan
- c. Memberi penerangan secara umum sahaja contoh-contoh yang diberi.

Proses meringkaskan isi cerita ini melibatkan perubahan perkara-perkara seperti panjang ayat, jumlah perkataan, dan istilah yang sukar ditukar kepada frasa yang mudah difahami.

#### Pembahagian Bab

Pembahagian cerita kepada bab-bab membantu menurunkan tahap kebolehbacaan bahan. Ini kerana, pembahagian cerita kepada bab-bab memudahkan pembaca memahami susunan cerita yang akan disampaikan. Selain itu, pembahagian bab dapat mengumpulkan sesuatu cerita itu di bawah satu tajuk yang tertentu.

#### Penggunaan Tajuk Kecil

Penggunaan tajuk kecil dalam sesuatu bab turut bantu menurunkan tahap kebolehbacaan bahan. Tajuk-tajuk kecil ini membantu pembaca membuat gambaran minda yang berkaitan cerita atau peristiwa yang dibaca.

#### Panjang Perenggan

Panjang pendek perenggan juga penting dalam proses menurunkan tahap kebolehbacaan bahan. Perenggan yang panjang tidak sesuai untuk pembaca peringkat rendah kerana perenggan

itu mengandungi terlalu banyak fakta. Hal ini, boleh membosankan pembaca atau menyebabkan 'penglihatan tersumbat'. Penglihatan tersumbat terjadi apabila otak terpaksa memproses maklumat yang terlalu banyak yang dirakam oleh mata sehingga sampai kepada satu tahap ia tidak dapat memprosesnya. Dalam kajian ini mendapati panjang perenggan setiap bahan adalah seperti berikut:

- i. Naskhah asal cerita RC: Purata 16 baris satu perenggan
- ii. Buku cerita RC murid gred dua: Purata 6 baris satu perenggan
- iii. Buku cerita RC murid gred tiga: Purata 7 baris satu perenggan

#### Gambar

Gambar atau penggunaan bahan grafik turut membantu menurunkan tahap kebolehbacaan bahan. Penggunaan gambar atau grafik lebih berkesan jika bahan-bahan tersebut diletakkan di halaman di mana huraian tersebut dibuat. Pembaca dapat membuat rujukan kepada perkara yang dirasakan abstrak atau yang tidak pernah dilihat di dalam gambar atau grafik yang disediakan.

#### Mengehadkan Jumlah Perbendaharaan Kata

Jumlah perbendaharaan kata yang dihadkan turut membantu proses menurunkan tahap kebolehbacaan bahan. Hal ini, dapat dilaksanakan lantaran perkataan-perkataan yang sukar dan abstrak dikawal penggunaannya. Pengurangan penggunaan kata yang abstrak akan memudahkan pemahaman bahan yang dibaca.

Lantaran ia mengkurangkan jumlah pilihan yang perlu dibuat oleh otak semasa memproses jawapan terhadap maklumat yang diberikan.

### Pemilihan Perkataan

Pemilihan perkataan turut berperanan dalam proses menurunkan tahap kebolehbacaan bahan. Pemilihan perkataan yang mempunyai makna denotasi akan memudahkan bahan bacaan itu difahami. Manakala bahan menggunakan perkataan yang mempunyai makna konotasi akan meningkatkan kesukaran pemahaman. Ini kerana, makna konotasi mempunyai maksud tersirat. Pembaca perlu mempunyai ilmu pengetahuan mengenai alam kita supaya maksud sebenar bahan yang dibaca dapat diperolehi. Dalam kajian ini pemilihan kata dilihat berubah dari segi:

- a. Penukaran perkataan sukar kepada kata mudah,
- b. Pengguguran kata yang jarang digunakan,
- c. Pengurangan kata adverb,
- d. Pengurangan perkataan gah; dan
- e. Pengguguran frasa yang tidak bermakna

### Panjang Ayat

Panjang pendek ayat penting dalam proses menukarkan tahap kebolehbacaan bahan. Ayat yang terlalu panjang mengandungi banyak subjek dan prediket. Ayat yang kompleks menyukarkan pemahaman pembaca. Ayat yang terlalu panjang dengan perkataan hubung yang banyak boleh menyebabkan pembaca

tertinggal maklumat penting yang sepatutnya diperoleh daripada ayat tersebut.

### Tanda Baca

Tanda baca dapat membantu menukarkan tahap kebolehbacaan bahan. Tanda baca seperti titik, koma, titik bertindih, koma bertindih, tanda pembuka dan penutup kata, tanda soal, dan tanda seruan perlulah digunakan dengan berhati-hati. Penggunaan tanda koma yang terlalu banyak boleh membosankan dan memenatkan pembaca. Namun demikian, ia tetap perlu dalam keadaan yang sesuai kerana ia boleh menyebabkan penglihatan berhenti seketika dan memberi peluang otak memproses maklumat.

### Jenis Ayat

Jenis ayat sangat penting dalam proses menukarkan tahap kebolehbacaan bahan. Jenis ayat ini boleh dibahagikan kepada ayat tunggal, ayat gabungan, ayat majuk, ayat aktif atau ayat pasif, ayat transitif atau tidak transitif, dan ayat songsang atau ayat biasa.

Penggunaan ayat tunggal sangat mudah difahami jika dibandingkan dengan ayat gabungan. Manakala ayat songsang sangat perlu digunakan dalam ayat tanya. Oleh itu, kombinasi ayat yang digunakan akan menentukan tahap kebolehbacaan sesuatu bahan. Ini kerana, penggunaan ayat boleh memotivasikan pembaca untuk terus membaca. Pembaca akan berasa berminat

untuk meneruskan bacaan kerana proses membaca tidak tersekat-sekat disebabkan perlunya memahami ayat-ayat yang kompleks.

### Langkah-langkah Menurunkan Tahap Kebolehbacaan Bahan

Hasil daripada pemerhatian dalam kajian kes ini satu kaedah disusun untuk menurunkan tahap kebolehbacaan bahan.

#### Langkah pertama

Baca bahan yang akan diturunkan tahap kebolehbacaannya. Cari tahap kebolehbacaan bahan tersebut.

#### Langkah dua

Tetapkan tahap kebolehbacaan bahan yang dikehendaki.

#### Langkah tiga

Baca semula bahan tersebut dengan teliti. Tandakan peristiwa-peristiwa dalam bahan yang dianggap sampingan. Gugurkan peristiwa-peristiwa tersebut.

#### Langkah empat

Tandakan pula peristiwa-peristiwa yang diceritakan dengan terlalu panjang. Ringkaskan cerita itu.

#### Langkah lima

Baca bahan yang telah disunting tersebut dan tandakan pula contoh-contoh yang diberikan. Ringkaskan contoh-contoh yang diberikan dengan cara menggugurkan terus contoh yang tidak

penting dan memberi huraian yang umum sahaja kepada contoh-contoh yang panjang lebar

#### Langkah enam

Baca semula bahan tersebut tandakan perkataan sukar, perkataan dialek, dan perkataan yang jarang digunakan. Senaraikan perkataan yang ditanda. Cari dan gantikan perkataan-perkataan tersebut dengan perkataan-perkataan lazim.

#### Langkah tujuh

Senaraikan frasa-frasa yang tidak bermakna, iaitu kata penguat, frasa penguat, dan frasa relatif. Gugurkan frasa tersebut jika tidak menjejaskan makna.

#### Langkah lapan

Jika proses menggugurkan frasa-frasa yang tidak bermakna tersebut menjejaskan makna gantikan frasa-frasa yang digugurkan dengan perkataan yang lazim digunakan.

#### Langkah sembilan

Tandakan ayat-ayat majmuk yang terdapat dalam bahan. Bina semula ayat tersebut menggunakan ayat tunggal (purata 8-12 patah perkataan dalam satu ayat) atau ayat gabungan (purata 15-20 patah perkataan dalam satu ayat). Purata perkataan dalam ayat adalah berdasarkan purata perkataan yang diperolehi daripada kajian proses menurunkan tahap kebolehbacaan buku cerita *Robinson Crusoe*.

### Langkah sepuluh

Susunkan semula bahan yang disunting. Bina semula perenggan dengan menetapkan antara tujuh hingga ke sepuluh ayat dalam satu perenggan.

### Langkah sebelas

Semak semula bahan yang disunting dan cuba cari bahagian yang sesuai disertakan ilustrasi atau gambar.

### Langkah dua belas

Baca semula bahan dan kira tahap kebolehbacaannya supaya sesuai dengan tahap yang ditetapkan.

### Langkah tiga belas

Jika tahap kebolehbacaan lebih tinggi daripada tahap yang dikehendaki, ulang kaedah dan tambahkan senarai perkataan yang lazim digunakan, perkataan standard, dan ayat tunggal atau ayat gabungan. Jika tahap kebolehbacaan lebih rendah, masukkan semula beberapa ayat majmuk, perkataan sukar, dan peristiwa-peristiwa sampingan yang digugurkan atau yang ditukar.

### Langkah empat belas

Kira semula tahap kebolehbacaan bahan yang dibina. Jika tahap kebolehbacaannya masih tidak sesuai ulangi langkah 13.

## BAB IV

## PROSES MENURUNKAN TAHAP KEBOLEHBACAAN

## CERPEN KAMI YANG TERLIBAT

Kaedah Menurunkan Tahap Kebolehbacaan Bahan

Hasil daripada pemerhatian dalam kajian kes ini satu kaedah disusun untuk menurunkan tahap kebolehbacaan bahan, iaitu:

1. Baca bahan yang akan diturunkan tahap kebolehbacaannya. Kira tahap kebolehbacaannya.
2. Tetapkan tahap kebolehbacaan bahan yang dikehendaki.
3. Baca bahan semula dan tandakan peristiwa-peristiwa sampingan yang terdapat dalam bahan. Gugurkan peristiwa-peristiwa sampingan tersebut.
4. Tandakan peristiwa-peristiwa yang diceritakan dengan terlalu panjang. Ringkaskan peristiwa itu.
5. Senaraikan contoh-contoh yang diberikan dan gugurkan yang tidak penting.
6. Tandakan perkataan sukar, perkataan dialek, perkataan pinjaman, dan perkataan yang jarang digunakan. Cari dan gantikan perkataan-perkataan tersebut dengan perkataan-perkataan lazim.
7. Senaraikan frasa-frasa yang tidak bermakna, iaitu kata penguat, frasa penguat, dan frasa relatif. Gugurkan frasa tersebut jika tidak menjejaskan makna.
8. Jika proses menggugurkan frasa-frasa yang tidak bermakna

tersebut menjejaskan makna gantikan frasa-frasa yang digugurkan dengan perkataan yang lazim digunakan.

9. Tandakan ayat-ayat majmuk yang terdapat dalam bahan. Bina semula ayat tersebut menggunakan ayat tunggal (purata 8-12 patah perkataan dalam satu ayat) atau ayat gabungan (purata 15-20 patah perkataan dalam satu ayat). Purata perkataan dalam ayat adalah berdasarkan purata perkataan yang diperoleh daripada kajian proses menurunkan tahap kebolehbacaan buku cerita *Robinson Crusoe*.

10. Susunkan semula bahan yang disunting. Bina semula perenggan dengan menetapkan antara tujuh hingga ke sepuluh ayat dalam satu perenggan.

11. Semak semula bahan yang disunting dan cuba cari bahagian yang sesuai disertakan ilustrasi atau gambar.

12. Baca semula bahan dan kira tahap kebolehbacaannya supaya sesuai dengan tahap yang ditetapkan.

13. Jika tahap kebolehbacaan lebih tinggi daripada tahap yang dikehendaki, ulang kaedah dan tambahkan senarai perkataan yang lazim digunakan, perkataan standard, dan ayat tunggal atau ayat gabungan. Jika tahap kebolehbacaan lebih rendah, masukkan semula beberapa ayat majmuk, perkataan sukar, dan peristiwa-peristiwa sampingan yang digugurkan atau yang ditukar.

14. Kira semula tahap kebolehbacaan bahan yang dibina. Jika tahap kebolehbacaannya masih tidak sesuai ulangi langkah 13.

Indeks Tahap Kebolehbacaan Cerpen *Kami yang Terlibat*

Untuk teks penuh cerpen *Kami yang Terlibat*, sila rujuk lampiran E. Petikan yang digunakan sebagai sampel untuk mengira tahap kebolehbacaan bahan diperoleh dengan cara mengambil petikan tersebut daripada bahagian awal, tengah dan akhir cerpen. Berikut adalah petikan 1,2, dan 3 yang digunakan sebagai sampel untuk mengira tahap kebolehbacaan cerpen boleh dilihat di halaman 99-102.



## Petikan 1

Pen\ja\ga ma\lam de\ngan ka\sar\nya 29 patah kata  
 mem\ba\ngun\kan ka\mi yang se\dang le\nyak 67 suku kata  
 ti\dur dan ju\ga da\lam ke\ada\an yang  
 be\gi\tu se\nang de\ngan mim\pi-mim\pi yang  
 in\dah se\ba\gai ha\sil da\ri ba\yang\an  
 a\ngan-a\ngan se\wak\tu a\kan ti\dur.

Tem\pat ke\di\am\an ka\mi me\ru\pa\kan 47 patah kata  
 se\bu\ah bang\sal pan\jang yang di\bu\at 117 suku kata  
 da\ri\pa\da ka\yu, ber\din\ding\kan pa\pan dan  
 ber\atap\kan gen\ting. Da\lam bang\sal  
 i\itu\lah ber\de\ret-de\ret du\ba\ri\san  
 tem\pat ti\dur yang bi\sa di\gu\na\kan o\leh  
 o\rang-o\rang Syai\kah, ia\i\tu ka\til-ka\til  
 ka\yu ber\ka\ki em\pat yang di\si\rat de\ngan  
 ta\li-ta\li ke\ras dan ka\sar yang se\be\sar  
 ja\ri ke\leng\keng se\lem\bar.

Di ka\til yang te\gang ber\en\jut-en\jut  
 i\tu ka\mi ben\tang ti\kar meng\ku\ang dan 24 patah kata  
 ke\mu\di\an di si\tu\lah ka\mi mem\be\nam\kan 55 suku kata  
 di\ri pa\da ma\lam ha\ri se\wak\tu  
 meng\hi\lang\kan le\lah se\kem\ba\li | dari  
*duty* (meronda dengan basikal atau berjalan Ayat  
 kaki atau mengenderai jip ataupun mengembara 3 24/49=  
 di hutan-hutan dan di belukar-belukar tebal 3.5  
 dan langsung memasuki perkampungan pekebun-  
 pekebun sayur).

## Petikan 2

Mes\ki\pun o\rang me\nya\ta\kan ba\ha\wa 53 patah kata  
 ka\mi se\dang ber\ju\ang un\tuk mem\be\la 138 suku kata  
 ta\lah air, a\tau\pun a\pa\bi\la ka\mi ma\ta  
 di\ka\ta\kan ka\mi "gu\gur se\ba\ga\i bu\nga  
 bang\sa" te\ta\pi pa\da sa\at se\per\ti  
 se\ka\rang i\ni, se\wak\tu ka\mi  
 mem\per\ta\ruh\kan ji\wa ka\mi i\ni,  
 fi\ki\ran ka\mi, se\lu\ruh ke\nang\an ka\mi  
 di\i\si o\leh o\rang-o\rang yang pa\ling  
 de\kat hi\dup\nya de\ngan ka\mi - i\bu-i\bu,  
 sau\da\ra-ma\ra a\tau\pun is\te\ri dan a\nak-  
 a\nak.

Ah, ka\mi ha\nya\lah jen\te\ra-jen\te\ra  
 yang a\kan ber\ja\lan ha\nya a\pa\bi\la 41 patah kata  
 di\te\kan pe\sa\wat-pe\sa\wat\nya sa\ha\ja. 119 suku kata  
 Ka\mi sen\di\ri ti\dak ta\hu si\apa\lah  
 o\rang-o\rang yang a\kan ka\mi ten\tang, yang  
 a\kan ka\mi tem\bak a\tau yang a\kan  
 me\nem\bak ka\mi nan\ti, ke\ra\na se\muanya  
 ti\dak per\neh men\ja\di fi\ki\ran ka\mi,  
 ti\dak per\neh ka\mi ke\nang-ke\nang Ayat  
 se\be\lum\nya. Ka\mi de\ngan ti\ba-ti\ba 4 3/13=  
 sahaja | bermusuh dengan mereka dan kemudian 4.2  
 saling membunuh, saling tewas!

## Petikan 3

Ber\sa\ra ba\gi se\o\rang ma\ta-ma\ta 100 patah kata  
 tu\la se\per\ti Wak Be\ra\him a\da\lah pun\cak 260 suku kata  
 ke\gem\bi\ra\an da\lam se\lu\ruh  
 per\khid\mat\an\nya. Di\la a\kan pu\lang ke  
 kam\pong\nya ber\sa\wah pa\di a\tau\pun  
 ber\la\dang. Ha\sil ga\ji\nya se\ti\ap bu\lan  
 di\ji\mat-ji\mat\kan\nya dan se\te\lah  
 ber\ta\hun-ta\hun di\be\li\nya se\bi\dang  
 ta\nah la\dang a\tau ta\nah ben\dang.  
 Ke\pa\da ta\nah i\ni\lah khid\mat\nya a\kan  
 di\cu\rah\kan\nya da\lam u\si\anya se\per\ti  
 se\ka\rang i\ni. A\nak-a\nak\nya pun su\dah  
 be\sar, mung\kin su\dah bu\jang dan su\dah  
 lu\lus se\ko\lah Me\la\yu. Me\re\ka a\kan  
 men\ca\ri pe\ker\ja\an\nya sen\di\ri a\tau  
 bi\la\sa\nya a\kan ber\khid\mat se\ba\gi  
 as\kar a\tau\pun se\ba\gai ma\ta-ma\ta pu\la  
 - me\ngam\bil wa\ri\san me\lan\jut\kan  
 se\ja\rah hi\dup a\yah\nya. Dan ji\ka a\nak  
 i\tu pe\rem\pu\an, pas\ti\lah di\la te\lah  
 men\ja\di ga\dis, su\dah pu\la ber\le\pas Ayat  
 se\ko\lah, te\lah ta\hu se\ka\dar\nya | 7 16/26=  
 menulis membaca, sudah khatam mengaji *Qur'an* 7.6  
 tiga puluh juz.

Mengguna Formula Kebolehbacaan Khadijah Rohani (1992)

(1) Jumlah ayat:	Sampel 1	<u>3.5</u>
	Sampel 2	<u>4.2</u>
	Sampel 3	<u>7.6</u>
	Jumlah	<u>15.3</u>

Formula Kebolehbacaan  
KRMV

$$Y = -13.988 + 0.3793x_1 + 0.0207x_2$$

$$r = 0.8388$$

$$r^2 = 0.703$$

(2) Hitungkan jumlah perkataan dalam ayat.

$$\frac{19.60}{15.3} \times 300$$

(3) Jumlah suku kata: Sampel 1 239

Sampel 2 257

Sampel 3 260

Jumlah 756

(4) Darabkan (2) dengan 0.3793  $\frac{19.60}{15.3} \times 0.3793 = 7.434$

(5) Darabkan (3) dengan 0.0207  $756 \times 0.0207 = 15.649$

(6) Campurkan (4) dengan (5)  $7.434 + 15.649 = 23.063$

(7) Tolak 13.988 daripada (6)  $\frac{23.063 - 13.988}{9.075} = \text{Tahap kebolehbacaan}$

Tahap kebolehbacaan 9.075 bermakna buku ini boleh digunakan oleh murid-murid yang sederhana kebolehan membaca di awal tingkatan tiga. Untuk murid yang lemah dalam bacaan, campurkan 0.5 ke tahap kebolehbacaan buku itu. Ini bermakna bagi murid yang lemah, buku ini boleh dibaca dengan baik di pertengahan tahun tingkatan tiga. Bagi murid yang baik dalam

bacaan, tolakkan 0.5 dari tahap kebolehbacaan buku itu.

Bermakna murid-murid yang cergas akan dapat membaca buku ini di pertengahan tingkatan dua.

### Tahap Kebolehbacaan

#### Cerpen Kami yang Terlibat yang Dikehendaki

Kajian ini menetapkan tahap kebolehbacaan cerpen *Kami yang Terlibat* diturunkan ke tahap kebolehbacaan murid sekolah rendah tahap dua. Setelah melalui seluruh kaedah yang disenaraikan adalah diharapkan tahap kebolehbacaan cerpen *Kami yang Terlibat* akan dapat diturunkan sehingga ke tahap kebolehbacaan murid sekolah rendah tahap dua. Tahap kebolehbacaan murid sekolah rendah tahap dua tersebut adalah berdasarkan tahap kebolehbacaan yang diperoleh daripada formula Khadijah Rohani.

#### Proses Menurunkan Tahap Kebolehbacaan

##### Cerpen Kami yang Terlibat

Perenggan 1		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
1. Penjaga malam dengan kasarnya membangunkan kami yang sedang <u>lenyak</u> tidur <u>dan juga</u> dalam keadaan yang <u>begitu senang</u> dengan mimpi-mimpi yang indah <u>sebagai</u> hasil dari <u>bayangan</u> <u>angan-angan</u> sewaktu akan tidur.	Proses 1 Menggugurkan penerangan yang panjang: Frasa bergaris digugurkan dan tidak digantikan dengan apa-apa perkataan lain.	1. Penjaga malam dengan kasarnya membangunkan kami yang sedang tidur dengan mimpi-mimpi yang indah.

## Perenggan 2

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
2 Tempat <i>kediaman</i> kami merupakan sebuah bangsal panjang yang dibuat daripada kayu, berdingkan papan dan beratapkan genting.	Proses 2 Menukar perkataan abstrak kepada perkataan konkrit: Perkataan <i>kediaman</i> ditukar kepada perkataan <i>tinggal</i> .	2. Tempat <i>tinggal</i> kami merupakan sebuah bangsal panjang yang dibuat daripada kayu, berdingkan papan dan beratapkan genting.
3 Dalam bangsal <u>itulah</u> berderet-deret dua barisan <u>tempat tidur yang biasa digunakan oleh orang-orang Syaikah, iaitu</u> katil-katil kayu berkaki empat yang disirat dengan tali-tali keras dan kasar yang sebesar jari kelengkeng <u>selembar</u> .	Proses 3 Menggugurkan penerangan yang panjang lebar: Frasa bergaris ( <u>lah, tempat tidur yang biasa digunakan oleh orang-orang Syaikah, iaitu, selembar</u> ) digugurkan dan tidak digantikan dengan apa-apa perkataan lain.	3. Dalam bangsal itu berderet-deret dua barisan katil-katil kayu berkaki empat yang disirat dengan tali-tali keras dan kasar yang sebesar jari kelengkeng.

Perenggan 3		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
4 Di katil yang tegang berenjut- enjut itu kami bentang tikar mengkuang dan kemudian di situlah kami <i>membenamkan</i> diri <u>pada malam hari sewaktu menghilangkan</u> lelah sekembali dari <i>duty</i> (meronda dengan basikal atau berjalan kaki atau mengenderai jip ataupun mengembara di hutan-hutan dan di belukar-belukar tebal dan langsung memasuki perkampungan pekebun-pekebun sayur).	<p>Proses 4</p> <p>Menukar perkataan pinjaman kepada perkataan bahasa Melayu yang mempunyai maksud yang sama: Perkataan <i>duty</i> ditukarkan kepada <i>bertugas</i>.</p> <p>Proses 5</p> <p>Menukar perkataan jarang digunakan kepada yang perkataan lazim:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perkataan <i>membenamkan</i> ditukarkan dengan perkataan <i>membaringkan</i>.</li> <li>2. Perkataan <i>mengenderai</i> ditukarkan kepada <i>menaiki</i>.</li> </ol> <p>Proses 6</p> <p>Menggugurkan frasa yang lewah: Frasa bergaris digugurkan dan tidak digantikan dengan apa-apa perkataan.</p> <p>Proses 7</p> <p>Menukar ayat majmuk kepada tiga ayat gabungan dan satu ayat tunggal</p>	<p>4. Di katil kami bentang tikar mengkuang dan di situlah kami <i>membaringkan</i> diri sekembali dari <i>bertugas</i>.</p> <p>5. Tugas kami meronda dengan berbasikal atau berjalan kaki.</p> <p>6. Kadang kala kami mengenderai jip mengembara di hutan-hutan dan di belukar-belukar tebal.</p> <p>7. Ada kalanya kami memasuki perkampungan pekebun-pekebun sayur.</p>

<p>5 Katil-katil <u>yang berperutkan tali kasar itu</u> adalah tempat <i>kediaman</i> menyenangkan bagi pijat-pijat binatang penghisap darah <u>yang amat kami musuhi.</u></p>	<p>Proses 8 Menggugurkan frasa yang lewah: Frasa bergaris digugurkan tanpa menggantikan dengan perkataan lain.</p> <p>Proses 9 Menukar perkataan abstrak kepada perkataan konkrit: Perkataan <i>kediaman</i> ditukar kepada perkataan <i>tinggal</i>.</p> <p>Proses 10 Menyusun semula ayat majmuk.</p>	<p>8. Katil-katil yang bertali-tali kasar itu adalah tempat <i>tinggal</i> menyenangkan bagi pijat-pijat iaitu binatang penghisap darah.</p>
<p>6 Malah kadang-kadang ia akan menurut kami ke mana-mana dengan <u>diam-diam</u> bersembunyi di kelipat-kelipat baju kami.</p>	<p>Proses 11 Menggugurkan frasa yang lewah: Frasa bergaris digugurkan tanpa menggantikan dengan perkataan lain.</p>	<p>9. Malah kadang-kadang ia akan menurut kami ke mana-mana dengan bersembunyi di kelipat-kelipat baju kami.</p>
<p>7 <u>Dan</u> dalam keadaan yang tidak kami sedari ia menggigit kami, menghisap darah kami dengan lahapnya melalui mulutnya yang kecil dan tajam itu.</p>	<p>Proses 12 Menggugurkan kata hubung yang lewah: Perkataan bergaris digugurkan tanpa menggantikan dengan perkataan lain.</p> <p>Proses 13 Menukarkan ayat majmuk menggunakan tanda koma kepada ayat majmuk gabungan dengan menggunakan kata hubung 'dan'.</p>	<p>10. Dalam keadaan yang tidak kami sedari ia menggigit kami <i>dan</i> menghisap darah kami dengan lahapnya melalui mulutnya yang kecil dan tajam.</p>

---

8	Kemudian badannya akan besar dan merah, seperti biji saga, berisi darah kami.	Proses 14 Penambahan imbuhan mem: Perkataan <i>besar</i> ditukar kepada <i>membesar</i> .  Proses 15 Penambahan perkataan 'menjadi'	11.	Kemudi an badannya akan <i>membesar</i> dan <i>menjadi</i> merah, seperti biji saga, berisi darah kami.
9	Bila badan itu dapat ke tangan kami, dia akan pecah kami picit, lalu bau yang <i>memuakkan</i> dari tubuhnya kami cium dengan rasa yang kurang senang.	Proses 16 Perkataan abstrak ditukar kepada perkataan konkrit: Perkataan <i>memuakkan</i> bertukar kepada perkataan <i>busuk</i> .	12.	Bila badan itu dapat ke tangan kami, dia akan kami picit, lalu bau yang <i>busuk</i> dari tubuhnya kami cium dengan rasa yang kurang senang.

---

Perenggan 4		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
10 <u>Barisan katil-katil kami itu dan keadaan barrack</u> tempat kami tinggal itu, samalah seperti keadaan sebuah hospital.	<p>Proses 17</p> <p>Menggugurkan frasa yang lewah: Frasa bergaris digugurkan tanpa menggantikan dengan perkataan lain.</p> <p>Proses 18</p> <p>Menukar perkataan pinjaman kepada perkataan bahasa Melayu: Menukarkan perkataan pinjaman <i>barrack</i> kepada perkataan <i>berek</i>.</p>	13. Keadaan <i>berek</i> tempat kami tinggal itu, samalah seperti keadaan sebuah hospital.
11 Katil-katil beratur panjang dua baris dan di tengahnya kami jadikan jalan lalu-lalang.	<p>Proses 19</p> <p>Menyusun semula ayat.</p>	14. Katil-katil disusun panjang dua baris dan di tengahnya kami jadikan jalan lalu-lalang.
12 Bila malam hari keadaan itu sungguh-sungguh seperti sebuah <i>ward</i> hospital kelas tiga.	<p>Proses 20</p> <p>Menukar perkataan pinjaman kepada perkataan bahasa Melayu: Menukarkan perkataan pinjaman <i>ward</i> kepada perkataan <i>wad</i>.</p> <p>Proses 22</p> <p>Menukarkan perkataan itu kepada kata ganti diri ketiga, iaitu 'nya'</p>	15. Bila malam hari keadaannya sungguh-sungguh seperti sebuah <i>wad</i> hospital kelas tiga.

## Perenggan 5

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"		Proses	Hasil
13	Pengawal malam datang mengejutkan kami dengan <i>teriakan-teriakan</i> yang mengganggu.	Proses 23 Menukarkan perkataan yang jarang digunakan dengan perkataan yang lazim digunakan: Perkataan <i>teriakan-teriakan</i> ditukarkan kepada <i>jeritan</i> .	16. Pengawal malam datang mengejutkan kami dengan <i>jeritan-jeritan</i> yang mengganggu.
14	Kakinya yang berat dengan sepatu polis itu menendang-menendang kaki-kaki katil kami kalau sekiranya kami lambat juga <u>atau merasa malas untuk bangun</u> .	Proses 24 Menggugurkan frasa yang lewah: Perkataan bergaris digugurkan.	17. Kakinya yang berat dengan sepatu polis itu menendang-menendang kaki-kaki katil kami sekiranya lambat.

## Perenggan 6

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"		Proses	Hasil
15	"Bangun, bangun, oiiii...!" teriaknya, sambil memukul-mukulkan tongkatnya ke kaki katil-katil kami.	Proses 25  Tiada	18. "Bangun, bangun, oiiii...!" teriaknya, sambil memukul-mukulkan tongkatnya ke kaki katil-katil kami.

Perenggan 7		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
16 Mata kami yang hanya beberapa jam sahaja tadi terpejam itu merasa pedih sewaktu menentang silau lampu yang dinyalakan oleh pengawal malam itu, meskipun kekuatan lampu itu hanya dua puluh lima watt sahaja.	Proses 26 Menggugurkan frasa yang lewah: Menggugurkan teruskan frasa yang bergaris.  Proses 27 Menukarkan ayat majmuk menggunakan tanda koma kepada ayat majmuk relatif dan ayat tunggal yang berurutan menggunakan kata hubung pancangan keterangan 'meskipun'.	19. Mata kami yang terpejam beberapa jam itu merasa pedih semasa memandang lampu. 20. Meskipun kekuatan lampu itu hanya dua puluh lima watt.
17 <u>Dan dapatlah dirasakan betapa beratnya kami untuk membuka mata.</u>	Proses 28 Menggugurkan peristiwa-peristiwa sampingan: Menggugurkan semua perkataan bergaris	Tiada
18 Dahi-dahi kami berkerut dan rasa <i>tak senang</i> kepada pengawal itu meloncat-loncat dalam perasaan kami.	Proses 29 Menukar frasa abstrak kepada perkataan konkrit: Frasa <i>tak senang</i> ditukar kepada perkataan <i>marah</i> .  Proses 30 Menggugurkan frasa yang lewah. Frasa bergaris digugurkan.	21. Dahi-dahi kami berkerut dan rasa <i>marah</i> kepada pengawal.
19 Tetapi tidak seorang pun yang membantah perbuatan itu. <u>Tidak seorang pun!</u>	Proses 31 Menggugurkan frasa yang lewah. Frasa bergaris digugurkan.	22. Tetapi tidak seorang pun yang membantah perbuatan itu.

Perenggan 8		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
20 Siapakah yang akan membantah?	Proses 32  Tiada	23. Siapakah yang akan membantah?
21 Hal ini adalah biasa sahaja bagi kami - <u>kejadian biasa yang kami alami</u> semenjak menjadi anggota polis yang terlatih dengan disiplin-disiplin <i>kepolisian</i> .	Proses 34 Menggugurkan frasa yang lewah: Frasa bergaris digugurkan.  Proses 35 Menukarkan perkataan abstrak dengan perkataan konkrit: Perkataan <i>kepolisian</i> ditukarkan kepada <i>polis</i> .	24. Hal ini adalah biasa sahaja bagi kami semenjak menjadi anggota polis yang terlatih dengan disiplin-disiplin <i>polis</i> .
22 Malah kalau sampai giliran kami berkawal malam hari, akan kami lakukan demikian pula - <u>sama sahaja</u> .	Proses 36 Menggugurkan frasa yang lewah: Frasa bergaris digugurkan.	25. Malah kalau sampai giliran kami berkawal malam hari, akan kami lakukan demikian pula.

Perenggan 9		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
23 Di luar <i>berlegar- legar</i> udara sejuk.	Proses 37 Menggugurkan perkataan lewah.	26. Di luar udara sejuk.
24 Kemudian <i>berkinja- kinja</i> ia memasuki <i>barrack</i> kami <u>dan</u> <u>kemudian mencucuk- cucuk kulit kami</u> <u>dan langsung</u> <u>rasanya sampai ke</u> <u>tulang.</u>	Proses 38 Menukarkan perkataan yang jarang digunakan: Menukarkan perkataan <i>terkinja- kinja</i> kepada <i>melonjak-lonjak</i> .  Proses 39 Menukar perkataan pinjaman kepada perkataan bahasa Melayu: Menukarkan perkataan pinjaman <i>barrack</i> kepada perkataan <i>berek</i> .  Proses 40 Menggugurkan frasa yang lewah: Frasa bergaris digugurkan.	27. Kemudia n <i>melonjak- lonjak</i> ia memasuki <i>berek</i> kami.

Perenggan 10		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
25 Sewaktu <i>roll-call</i> malam tadi ( <u>kami roll-call setiap pukul sembilan malam</u> ) kami telah menerima perintah bahawa pukul dua pagi nanti kami dikehendaki berada di rumah <i>pasung</i> .	<p>Proses 41 Memberi penjelasan kepada perkataan pinjaman: Perkataan pinjaman <i>roll-call</i> diberi penjelasan sebagai memanggil nama mengikut daftar.</p> <p>Proses 42 Menyusun semula ayat: Frasa penerangan perkataan <i>roll-call</i> dijadikan ayat pertama dan frasa selebihnya menjadi ayat kedua.</p> <p>Proses 43 Menukarkan perkataan yang jarang digunakan dengan perkataan lazim: Perkataan <i>pasung</i> ditukarkan dengan perkataan <i>balai polis</i>.</p>	<p>28. Kami <i>diroll-call</i> (memanggil nama mengikut daftar) setiap pukul sembilan malam.</p> <p>29. Sewaktu <i>roll-call</i> tadi malam kami telah menerima perintah bahawa pada pukul dua pagi nanti kami dikehendaki berada di <i>balai polis</i>.</p>
26 Kami diperintahkan memakai pakaian hutan, dengan senjata masing-masing.	<p>Proses 44 Tiada</p>	30. Kami diperintahkan memakai pakaian hutan, dengan senjata masing-masing.
27 <u>Dan tentu sahaja dengan nyawa masing-masing pula.</u>	<p>Proses 45 Menggugurkan peristiwa sampingan.</p>	Tiada


## Perenggan 11

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
28 <u>Setelah habis roll-call saya memenuhi botol air saya dengan kopi 'O' - pekat dan manis - dan membeli beberapa bungkus rokok "Rough Rider".</u>	Proses 46 Menggugurkan tanda baca lewah: Tanda baca sempang sebelum perkataan 'manis' yang digunakan sebagai penyambung ayat digugur kerana bersifat lewah.  Proses 47 Menggugurkan peristiwa-peristiwa yang berunsur negatif.  Proses 48 Menukarkan perkataan yang jarang digunakan dengan perkataan lazim: Perkataan <i>memenuhi</i> ditukar kepada <i>mengisi</i> .	31. Setelah habis <i>roll-call</i> saya <i>mengisi</i> botol air saya dengan kopi 'O' pekat dan manis.
29 <u>Bukan tidak biasa kami keputusan rokok di hutan.</u>	Proses 49 Menggugurkan peristiwa-peristiwa yang berunsur negatif.	Tiada
30 <u>Dan waktu itu seluruh mata kami jadi layu.</u>	Proses 50 Menggugurkan peristiwa-peristiwa yang berunsur negatif.	Tiada
31 <u>Bila di antara kami ada kelihatan asap halus mengepul-gepul di udara, meruncing dan menghilang dibungkus angin, maka kami akan menyerbu ke arah asap itu datang.</u>	Proses 51 Menggugurkan peristiwa-peristiwa yang berunsur negatif.	Tiada

---

32 Penghisap rokok Proses 52  
yang selama ini Menggugurkan  
menjimatkan dan peristiwa-peristiwa Tiada  
menyembunyikan yang berunsur  
bekalannya itu negatif.  
terpaksa menyerah  
diri membiarkan  
bibir-bibir kami  
menyedut nikmat  
candu rokok itu  
dengan panjang dan  
lama.

---



Perenggan 12		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
33 Kami sudah berkumpul di rumah <i>pasung</i> .	Proses 53 Menukarkan perkataan yang jarang digunakan dengan perkataan lazim: Perkataan <i>pasung</i> ditukarkan dengan perkataan <i>balai polis</i> .	32. Kami sudah berkumpul di <i>balai polis</i> .
34 Berlonggok-longgoklah mereka yang berpakaian seragam warna hijau daun.	Proses 53 Tiada	33. Berlonggok-longgoklah mereka yang berpakaian seragam warna hijau daun.
35 <u>Berkepul-kepullah asap yang berbuai-buai berayun di keliling kepala mereka yang terbenam ke perut topi hijau yang lembut.</u>	Proses 55 Menggugurkan peristiwa-peristiwa yang berunsur negatif.	Tiada
36 Dan senjata-senjata mereka dipegang.	Proses 56 Menyusun semula ayat: Menukarkan ayat pasif kepada ayat aktif.	34. Mereka memegang senjata-senjata masing-masing.
37 <i>Bercerancangan</i> senjata-senjata itu condong tegak dengan mulutnya terdedah ke atas.	Proses 57 Menukar perkataan jarang digunakan dengan perkataan lazim: Perkataan <i>bercerancangan</i> kepada perkataan <i>menceracak</i> .	35. <i>Menceracak</i> senjata-senjata itu tegak dengan mucungnya terdedah ke atas.

---

 Perenggan 13
 

---

 Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"
 

---

Proses

Hasil

 38 Tidak seorang pun antara kami yang bercerita tentang *pemergian* kami subuh-subuh itu.

 Proses 58  
 Menukarkan perkataan abstrak kepada perkataan konkrit:  
 Perkataan *pemergian* ditukar kepada perkataan *perjalanan*.

 36. Tidak seorang pun antara kami yang bercerita tentang *perjalanan* tugas kami subuh-subuh itu.
 

---

 39 Malahan kami sendiri tidak mengetahui ke mana akan pergi, hutan mana yang akan dijelajah, belukar mana yang akan ditempuh dan orang mana yang akan ditangkap atau akan ditewaskan dengan senjata yang ada di tangan kami itu.

 Proses 59  
 Menukarkan ayat majmuk kepada ayat gabungan yang pendek.  
  
 Proses 60  
 Menggugurkan frasa yang lewah:  
 Frasa bergaris digugurkan.

 37. Kami sendiri tidak mengetahui ke mana akan pergi, hutan mana yang akan dijelajah, dan belukar mana yang akan ditempuh.  
 38. Malah kami tidak tahu orang mana yang akan ditangkap atau akan ditewaskan dengan senjata kami.
 

---

Perenggan 14		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
40 "Pukul berapa kau balik tadi Dol?"	Proses 61  Tiada	39. "Pukul berapa kau balik tadi Dol?"
41 <u>Seorang kawan yang bermata juling-juling air dengan hidungnya sedikit bongkok seakan-akan hidung orang Arab,</u> bertanya ramah kepada kawannya.	Proses 62 Menggugurkan penerangan yang panjang: Frasa bergaris digugurkan.	40. Seorang kawan bertanya ramah kepada kawannya.

Perenggan 15		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
42 "Pukul sebelas.	Proses 63 Tiada	41. "Pukul sebelas."
43 <u>Tak ada can baik semalam.</u>	Proses 64 Menggugurkan peristiwa- peristiwa yang berunsur negatif.	Tiada
44 <u>Duduk dalam park sahaja, tetapi orang ramai.</u>	Proses 65 Menggugurkan peristiwa- peristiwa yang berunsur negatif.	Tiada
45 Janda yang kita tengok malam kelmarin aku jumpa lagi?" kawannya menjawab.	Proses 66 Tiada	42. Janda yang kita tengok malam kelmarin aku jumpa lagi?" kawannya menjawab.
46 Kemudian ia menyandarkan kepalanya ke tiang batu yang <u>sepemeluk besarnya di belakangnya.</u>	Proses 67 Menggugurkan frasa yang lewah: Frasa bergaris digugurkan.	43. Kemudian ia menyandarkan kepalanya ke tiang batu.
47 Matanya memandang kosong jauh ke depan.	Proses 68 Tiada	44. Matanya memandang kosong jauh ke depan.
48 Barang-kali dia <u>mengulang-ulang</u> kembali wajah janda yang dilihatnya <u>ataupun</u> <u>mengenang kembali</u> <u>kejadian-kejadian</u> <u>yang dialaminya</u> <u>malam tadi.</u>	Proses 69 Menukarkan perkataan yang jarang digunakan dengan perkataan lazim: Perkataan <u>mengulang-ulang</u> dengan perkataan <u>mengingat.</u> Proses 70 Menggugurkan penerangan yang panjang: Frasa bergaris digugurkan.	45. Barang- kali dia <u>mengingat</u> kembali wajah janda yang dilihatnya.

## Perenggan 16

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
49 <u>"Habis...?" kawan yang bertanya itu melanjutkannya.</u>	Proses 71 Menggugurkan peristiwa-peristiwa yang berunsur negatif.	Tiada

## Perenggan 17

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
50 <u>"Ah, orang putih bawa dia.</u>	Proses 72 Menggugurkan peristiwa-peristiwa yang berunsur negatif.	Tiada
51 <u>Lagakunya pun bukan main lagi.</u>	Proses 73 Menggugurkan peristiwa-peristiwa yang berunsur negatif.	Tiada
52 <u>Tengok kita pun tak mahu.</u>	Proses 74 Menggugurkan peristiwa-peristiwa yang berunsur negatif.	Tiada
53 <u>Fikirnya dia sudah jadi mem."</u>	Proses 75 Menggugurkan peristiwa-peristiwa yang berunsur negatif.	Tiada

## Perenggan 18

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
54 <u>"Orang putih sojar, hah?"</u>	Proses 76 Menggugurkan peristiwa-peristiwa yang berunsur negatif.	Tiada

## Perenggan 19

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
55 <u>"Aku tak tahu.</u>	Proses 77 Menggugurkan peristiwa-peristiwa yang berunsur negatif.	Tiada
56 <u>Dia pakai preman. Hah, janda itu, bukan main.</u>	Proses 78 Menggugurkan peristiwa-peristiwa yang berunsur negatif.	Tiada
57 <u>Dia sudah pandai minum beer, tahu!"</u>	Proses 79 Menggugurkan peristiwa-peristiwa yang berunsur negatif.	Tiada

## Perenggan 20

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
58 "Janda yang mana, ni? suara baharu menyampuk perbualan itu.	Proses 80 Tiada	46. "Janda yang mana, ni? suara baharu menyampuk perbualan itu.

## Perenggan 21

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
59 "Si Yam ...lah!	Proses 81 Tiada	47. "Si Yam ...lah!
60 Janda Cik Mansor yang mati kena tembak dahulu itu!"	Proses 82 Tiada	48. Janda Cik Mansor yang mati kena tembak dahulu itu!"

## Perenggan 22

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
61 "Sarjan Mansor itu?"	Proses 83 Tiada	49. "Sarjan Mansor itu?"
62 Yang tukar dari depot Kuala Lumpur itu?"	Proses 84 Tiada	50. Yang tukar dari depot Kuala Lumpur itu?"

## Perenggan 23

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
63 "Yalahhh!"	Proses 85 Tiada	51. "Yalahhh!"

## Perenggan 24

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
64 <u>Dan saya teringat kepada nama itu, kepada orangnya juga.</u>	Proses 86 Menggugurkan perkataan dan frasa yang lewah: Perkataan dan frasa bergaris digugurkan.	52. Saya teringat kepada orangnya.

Perenggan 25		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
65 Sarjan Mansor bertukar ke rumah <i>pasung</i> kami kira-kira dua tahun yang lalu.	Proses 87 Menukarkan perkataan yang lama digunakan dengan perkataan lazim: Perkataan <i>pasung</i> ditukarkan dengan perkataan <i>balai polis</i> .	53. Sarjan Mansor bertukar ke <i>balai polis</i> kami kira-kira dua tahun yang lalu.
66 <u>Enam bulan yang lalu - setelah tahun 1948 - dia mati dalam suatu pertentangan senjata dengan orang-orang di hutan.</u>	Proses 88 Menyusun semula ayat: Ayat yang bergaris disusun semula.  Proses 89 Menukar perkataan yang jarang digunakan kepada perkataan yang lazim: Perkataan <i>orang-orang</i> ditukarkan kepada perkataan <i>pengganas</i> .	54. Enam bulan yang lalu dia telah terbunuh dalam suatu pertentangan senjata dengan <i>pengganas</i> di hutan.
67 <u>Isterinya yang muda dan bersumbi dua itu balik ke kampungnya di Sungai Udang, Melaka.</u>	Proses 90 Menggugurkan penerangan yang panjang: Perkataan dan frasa bergaris digugurkan.	55. Isteri mudanya balik ke kampungnya di Sungai Udang, Melaka.

<p>68 Tetapi beberapa bulan kemudian dia sering <i>kelihatan</i> di bandar dan sewaktu malam dia selalu berjalan-jalan di <u>City Park</u> (sebuah taman hiburan di Melaka).</p>	<p>Proses 91 Menukarkan perkataan abstrak kepada perkataan konkrit: Perkataan <i>kelihatan</i> ditukarkan kepada <i>dilihat</i>.</p> <p>Proses 92 Menggurkan kata hubung lewah: Kata hubung 'tetapi' digugurkan.</p> <p>Proses 93 Menukar ayat majmuk kepada ayat tunggal dan ayat gabungan: Ayat tunggal pertama ialah <i>City Park ialah sebuah taman hiburan di bandar Melaka</i>.</p> <p>Proses 94 Ayat gaungan ialah <i>Beberapa bulan kemudian dia sering dilihat di bandar dan waktu malam dia selalu berjalan-jalan di City Park</i>.</p>	<p>56. Beberapa bulan kemudian dia sering <i>dilihat</i> di bandar dan waktu malam pula dia selalu berjalan-jalan di City Park. City Park ialah sebuah taman hiburan di bandar Melaka.</p>
<p>69 Dia berjalan bersama seorang anak kecil tetapi bukan anaknya.</p>	<p>Proses 95 Tiada</p>	<p>57. Dia berjalan bersama seorang anak kecil tetapi bukan anaknya.</p>

70	Dia seorang isteri yang mandul.	Proses 96 Ayat ini digabungkan dengan ayat selepasnya dengan menggunakan kata hubung 'dan'.	58.	Dia seorang isteri yang mandul dan sudah dua kali dia kahwin.
71	Sudah dua kali dia kahwin.	Proses 97 Ayat ini digabungkan dengan ayat sebelumnya dengan menggunakan kata hubung 'dan'.	59.	Dia seorang isteri yang mandul dan sudah dua kali dia kahwin.
72	<u>Waktu kahwin dengan Sarjan Mansor, dia baharu sahaja lepas dari idahnya.</u>	Proses 98 Menggugurkan peristiwa sampingan: Seluruh ayat digugurkan	Tiada	
73	<u>Menurut cerita kawan-kawan kami, perkahwinannya dengan Sarjan Mansor ini didahului dengan perkenalan mesra dan rapat sekali.</u>	Proses 99 Menggugurkan peristiwa sampingan: Seluruh ayat digugurkan	Tiada	
74	Perhubungan yang erat <u>rapat ini</u> lalu membawa mereka ke <u>rumah Tuan Imam untuk diijabkabulkan.</u>	Proses 100 Memberi penerangan umum kepada penerangan yang panjang: Frasa bergaris diberi penerangan umum iaitu berkahwin.	60.	Perhubungan yang erat sebelum ini menyebabkan mereka berkahwin.

## Perenggan 26

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
75 Sarjan Mansor mempunyai dua anak dengan <u>isterinya yang pertama.</u>	Proses 101 Memasukan penjodoh bilangan: Penjodoh bilangan 'orang.'	61. Sarjan Mansor mempunyai dua orang anak dengan isteri pertamanya.
	Proses 102 Menggugurkan frasa yang lewah: Frasa bergaris digugurkan.	
76 Tetapi semenjak isterinya itu meninggal dunia <u>setelah sekian lama</u> menghidap penyakit batuk kering, kedua-dua orang anaknya itu <u>diambil</u> oleh neneknya (ibu Sarjan Mansor) <u>untuk dipelihara dan disekolahkan.</u>	Proses 103 Menggugurkan frasa kata hubung yang lewah: Perkataan <i>tetapi semenjak</i> dan <i>setelah sekian lama</i> digugurkan.  Proses 104 Menggantikan perkataan jarang digunakan dengan perkataan lazim: Perkataan <i>diambil</i> ditukarkan kepada perkataan <i>dijaga</i> .	62. Isterinya itu meninggal dunia kerana menghidap penyakit batuk kering. 63. Kedua-dua orang anaknya itu dijaga oleh nenek mereka iaitu ibu Sarjan Mansor.
	Proses 105 Menggugurkan penerangan yang panjang: Frasa bergaris digugurkan.	
	Proses 106 Menyusun semula ayat majmuk yang panjang kepada ayat-ayat yang lebih pendek.	

77	Kononnya ibunya itu tidak percaya Sarjan Mansor dapat mendidik anaknya dengan betul, apalagi kalau kelak dia sudah beristeri baharu, anak-anak itu akan beribu tiri tidak dapat dipercayai untuk mendidik dan mengurus anak-anak tirinya dengan baik dan sempurna sebagaimana ibu kandung yang sejati.	Proses 107 Menggugurkan penerangan yang panjang: Frasa bergaris digugurkan. Proses 108 Menyusun semula ayat gabungan yang panjang menjadi ayat-ayat yang lebih pendek.	64. Ibunya tidak percaya Sarjan Mansor dapat mendidik anaknya dengan betul, apalagi kalau sudah beristeri baharu. 65. Ditakuti ibu tiri tidak dapat mendidik dan mengurus anak-anak tirinya dengan baik.
----	--	--	---

---

Perenggan 27

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"

	Proses	Hasil
78	"Aku sudah bawa dia dahulu." Tiada	66. "Aku sudah bawa dia dahulu."
79	<u>Badannya bagus,</u> katanya dia mahu simpan duit banyak-banyaknya, kemudian akan membeli tanah sawah.	67. Katanya dia mahu menyimpan duit sebanyak-banyaknya, untuk membeli tanah sawah.
80	Bila dia tua kelak dia bekerja di sawah sendiri. Senang dan boleh hidup."	68. Bila dia tua kelak dia akan bekerja di sawah sendiri. Senang dan boleh hidup."

---

Perenggan 28		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
81 Demikian suara baharu tadi berkata tenang.	Proses 112  Tiada	69. Demikian suara baharu tadi berkata tenang.
82 Namanya Mahmud, berbadan gemuk pendek, <u>sehingga kerana itu dia</u> kami panggil "Mahmud Gemuk" sahaja, <u>kerana kawan-kawan kami banyak juga yang bernama Mahmud.</u>	Proses 113 Menggugurkan penerangan yang panjang: Frasa bergaris digugurkan. Frasa bergaris digugurkan.	70. Namanya Mahmud, berbadan gemuk pendek. 71. Kami memanggilnya "Mahmud Gemuk."
83 Selalunya dialah yang membawa <i>brenn-gun</i> bila kami mengembara ke hutan-hutan.	Proses 114 Menukarkan perkataan pinjaman kepada perkataan bahasa Melayu: Perkataan <i>brenn-gun</i> ditukarkan kepada <i>mesin-gan ringgan</i>	72. Selalunya dialah yang membawa <i>mesin-gan ringgan</i> bila kami bertugas ke hutan-hutan.

Perenggan 29		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
84 "Ayahnya dahulu ada sawah, tetapi sudah digadaikan kepada ceti.	Proses 115 Tiada	73. "Ayahnya dahulu ada sawah, tetapi sudah digadaikan kepada ceti.
85 Katanya masa itu musim meleset, kemarau dan sawah tak menjadi.	Proses 116 Tiada	74. Katanya masa itu musim meleset, kemarau dan sawah tak menjadi.
86 Sekarang sudah lesaplah sawah itu, pindah ke tangan ceti.	Proses 117 Tiada	75. Sekarang sudah lesaplah sawah itu, pindah ke tangan ceti.
87 Tetapi Si Yam itu memang manis ...lah!	Proses 118 Tiada	76. Tetapi Si Yam itu memang manis ...lah!
88 Kalau dia ketawa ada lesung pipit."	Proses 119 Tiada	77. Kalau dia ketawa ada lesung pipit."
Perenggan 30		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
89 Mahmud ketawa senang.	Proses 120 Tiada	78. Mahmud ketawa senang.

Perenggan 31		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
90 Dol yang mula-mula membawa cerita itu merasa kalah.	Proses 121 Tiada	79. Dol yang mula-mula membawa cerita itu merasa kalah.
91 Dia yang seharusnya mendahului Mahmud Gemuk.	Proses 122 Tiada	80. Dia yang seharusnya mendahului Mahmud Gemuk.
92 <u>Dia yang seharusnya "membawa Yam", apalagi dia lebih kanan daripada Mahmud, tentu gajinya lebih besar daripada Mahmud.</u>	Proses 123 Menggugurkan peristiwa-peristiwa yang berunsur negatif.	Tiada
93 Matanya terkebil-kebil dan <u>kemudian menghela nafas panjang, melepaskan sesuatu keluhan yang berat.</u>	Proses 124 Menggugurkan penerangan yang panjang: Frasa bergaris digugurkan.	81. Matanya terkebil-kebil dan melepaskan sesuatu keluhan yang berat.

Perenggan 32			
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"		Proses	Hasil
94	<u>'Suatu hari aku juga dapat,' bisik Dol sendirian.</u>	Proses 125 Menggugurkan peristiwa-peristiwa yang berunsur negatif.	Tiada
95	<u>Suaranya sedemikian perlahan sehingga mati di pertengahan jalan ke telinga orang-orang lain yang agak jauh sedikit duduknya.</u>	Proses 126 Menggugurkan peristiwa-peristiwa yang berunsur negatif.	Tiada
Perenggan 33			
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"		Proses	Hasil
96	Akhirnya suara perbualan itu hilang dan tenggelam dan hilang dengan tiba-tiba seperti terbenam ke bumi.	Proses 127 Menggugurkan contoh-contoh.	82. Akhirnya a suara perbualan itu hilang dengan tiba-tiba terhenti.

Perenggan 34		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
97 Ketua-ketua kami datang dan memerintahkan kami berkumpul menurut pasukan masing-masing.	Proses 129 Tiada	83. Ketua-ketua kami datang dan memerintahkan kami berkumpul menurut pasukan masing-masing.
98 Perintah itu begitu tajam dan berkesan sehingga kami menjadi seperti sebuah jentera yang apabila ditekan saja pesawatnya - <u>pesawat menurut kemahuan penekan pesawat itu, berjalan seperti biasa, tiada berubah-ubah dan langsung tidak berjiwa untuk memberikan sesuatu bentuk yang lain dari kemahuan penekan pesawat itu tadi.</u>	Proses 130 Menggugurkan penerangan yang panjang: Frasa bergaris digugurkan. Proses 131 Menyusun semula ayat majmuk menjadi ayat-ayat yang lebih pendek.	84. Perintah yang dikeluarkan sangat tegas. 85. Kami seolah-olah menjadi seperti sebuah mesin mengikut arahan apabila butangnya ditekan.

## Perenggan 35

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"

Proses

Hasil

99	Kami sendiri kurang mengerti mengapa <u>benar</u> kami begitu patuh, takut dan sentiasa hormat kepada perintah-perintah itu <u>dan kepada diri ketua-ketua itu sendiri.</u>	Proses 132 Menggugurkan frasa yang lewah: Frasa bergaris digugurkan.	86.	Kami sendiri kurang mengerti mengapa kami begitu patuh, takut dan sentiasa hormat kepada perintah-perintah itu.
100	Tetapi kadang-kadang ada juga terasa terselit suatu perasaan yang disebut benci yang <u>menampar-nampar hati dan perasaan kami sehingga ketua-ketua itu -</u> terutama yang selalu membentak-bentak kami - kami anggap sebagai musuh yang <u>tidak kami harapkan tinggal dan nampak</u> di hadapan kami.	Proses 133 Menggugurkan frasa lewah  Proses 134 Menyusun semula ayat majmuk menjadi ayat-ayat yang pendek.	87.	Kadang-kadang ada terasa perasaan benci terhadap ketua kami terutama yang selalu memarahi kami.
			88.	Kami anggap mereka sebagai musuh di hadapan kami.

Perenggan 36		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
101 <u>Keriuhan-keriuhan timbul semula, muncul seperti kapal raksasa yang besar menonjol dari permukaan bumi.</u>	Proses 135 Menggugurkan peristiwa-peristiwa kejadian alam yang digambarkan dalam bahasa puitis: Seluruh ayat bergaris digugurkan.	Tiada
102 Kami diperintah menaiki kenderaan yang kaku berdiri di perkarangan rumah <i>pasung</i> itu, tidak jauh dari <u>padang bola yang lebih selalu digunakan untuk berbaris dan berlatih secara ketenteraan daripada untuk sukan.</u>	Proses 136 Menggugurkan penerangan yang panjang: Frasa bergaris digugurkan.  Proses 137 Menukarkan perkataan yang jarang digunakan dengan perkataan lazim: Perkataan <i>pasung</i> ditukarkan dengan perkataan <i>balai polis</i> .	89. Kami diperintah menaiki kenderaan di perkarangan <i>balai polis</i> .

Perenggan 37		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
103 Masing-masing merebutkan kenderaan yang dianggap baik dan bagus.	Proses 138  Tiada	90. Masin g-masing berebut naik kenderaan yang dianggap baik dan bagus.
104 Van Ford yang bentuknya seakan-akan sebuah bas <u>kecil yang tercegat berdiri dengan empat kakinya itu dikerumuni dan kami masing-masing berebutan memanjatnya seperti kera dikejar manusia.</u>	Proses 139 Menggugurkan penerangan yang panjang: Frasa bergaris (kecil yang tercegat berdiri dengan empat kakinya itu) digugurkan.	91. Van Ford yang bentuknya seakan-akan sebuah bas dikerumuni dan kami masing-masing berebutan memanjatnya seperti kera dikejar manusia.
105 Demikian juga jip yang dua buah itu menjadi rebutan kami.	Proses 140  Tiada	92. Demikian juga jip yang dua buah itu menjadi rebutan kami.

106	<u>Hanya orang-orang yang ketinggalan dan juga orang-orang yang tidak begitu gemar berebutan sahajalah yang dengan tenang memeluk senapangnya menuju lori tiga tan yang besar dan <i>ternganga ke langit itu.</i></u>	Proses 141 Menggugurkan penerangan yang panjang: Frasa bergaris ( <u>Hanya orang-orang yang ketinggalan dan juga</u> ) digugurkan.  Proses 142 Memberi penerangan umum kepada penerangan yang panjang: Frasa <i>ternganga ke langit itu</i> ditukarkan kepada tidak berbumbung.	93.	Orang-orang yang tidak begitu gemar berebut sahajalah yang dengan tenang memeluk senapangnya menuju lori tiga tan yang besar dan tidak berbumbung.
-----	---	---	-----	--

## Perenggan 38

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
107 Beberapa saat kemudian kelihatanlah ketua-ketua kami termasuk seorang orang putih, O.C.P.D. <u>rumah pasung kami - berlenggang tenang</u> menuju kenderaan masing-masing.	Proses 143 Menggugurkan penerangan yang panjang lebar: Frasa bergaris ( <u>- berlenggang tenang</u> ) digugurkan.	94. Beberap a saat kemudian kelihatanlah ketua-ketua kami termasuk seorang orang putih, O.C.P.D. menuju kenderaan masing- masing.
108 <u>Dan mereka, seperti orang-orang yang sabar dan sopan, dengan tenang membuka pintu kenderaan masing-masing dan masuk dengan senyap membenamkan dirinya dalam perut kenderaannya.</u>	Proses 144 Menggugurkan peristiwa sampingan: Seluruh ayat bergaris digugurkan.	Tiada

---

 Perenggan 39
 

---

Ayat dalam cerpen

Proses

Hasil

"Kami yang Terlibat"

 109 Perjalanan kami  
mula-mula melalui  
jalan-jalan raya  
bandar yang  
sekarang sepi.

Proses 145

Tiada

 95. Perjela  
nan kami  
mula-mula  
melalui  
jalan-jalan  
raya bandar  
yang sepi.

 110 Seorang dua orang  
yang berpakaian  
kotor dan koyak  
rabak melintasi  
jalan raya dan  
membongkar-bongkar  
tong-tong sampah.

Proses 146

Tiada

 96. Seorang  
dua orang  
yang  
berpakaian  
kotor dan  
koyak rabak  
melintasi  
jalan raya  
dan  
membongkar-  
bongkar  
tong-tong  
sampah.

111	Mereka mengeluarkan semua isinya lalu mencari sesuatu.	Proses 147 Tiada	97.	Mereka mengeluarkan semua isinya lalu mencari sesuatu.
112	Jalan raya itu menjadi kotor dengan sampah bersepah-sepah yang dikeluarkannya dari tong-tong itu.	Proses 148 Tiada	98.	Jalan raya itu menjadi kotor dengan sampah bersepah-sepah yang dikeluarkannya dari tong-tong itu.
113	Beberapa ekor anjing kelihatan juga turut menyelongkar tong-tong sampah itu dan <i>menyondong-nyondongkan muncungnya</i> kepada longgokan-longgokan sampah yang sudah dikeluarkan oleh orang-orang itu.	Proses 149 Menukarkan perkataan yang jarang digunakan dengan perkataan lazim: Menukarkan perkataan <i>menyondong-nyondongkan muncungnya</i> kepada <i>menghidu</i> .	99.	Beberapa ekor anjing kelihatan juga turut menyelongkar tong-tong sampah itu dan <i>menghidu</i> kepada longgokan-longgokan sampah yang sudah dikeluarkan oleh orang-orang itu.
114	<u>Binatang-binatang itu begitu kurus sehingga tubuhnya kelihatan menjadi panjang.</u>	Proses 150 Menggugurkan peristiwa-peristiwa kejadian alam yang digambarkan dalam bahasa yang sangat puitis.	Tiada	

<p>115 <u>Dan antara orang-orang yang kurus-kurus dan berbaju kotor dan koyak-koyak dengan anjing-anjing itu seolah terikat suatu tali nasib yang sama - <u>senasib, sepenghidupan dan sekeluarga makhluk yang mencari nafkah dari satu sumber dan memakan makanan yang sejenis pula.</u></u></p>	<p>Proses 151 Menggugurkan kata hubung lewah: Kata hubung 'dan' digugurkan.</p> <p>Proses 152 Menggugurkan penerangan yang panjang: Frasa bergaris digugurkan.</p>	<p>100. Antara orang-orang berbaju kotor dan koyak-koyak dengan anjing-anjing itu seolah terikat suatu nasib yang sama.</p>
---	--	---

Perenggan 40

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
--	--------	-------

116 <i>Suara</i> kenderaan kami yang bertali-tali dan berdengung-dengung keluar dari <i>kepalanya</i> itu memecah sunyi dinihari dan cahaya lampunya membelah kegelapan yang menyerkup jalan raya yang memisahkan hutan-hutan belukar seberang-menyeberangnya.	Proses 153 Menukarkan perkataan yang jarang digunakan perkataan lazim: Perkataan <i>suara</i> ditukar kepada perkataan <i>bunyi</i> . Perkataan <i>kepalanya</i> ditukarkan kepada perkataan <i>enjin</i> .  Proses 154 Ayat majmuk dipisah-pisahkan menjadi ayat-ayat yang lebih pendek.	101. <i>Bunyi</i> kenderaan kami yang bertali arus itu berdengung-dengung keluar dari <i>enjinnya</i> . 102. <i>Bunyi</i> itu memecah sunyi dinihari dan cahaya lampunya menyinari kegelapan hutan belukar.
117 Udara yang amat sejuk <u>mencucuk tubuh kami hingga ke tulang-tulang</u> .	Proses 155 Menggugurkan penerangan yang panjang: Frasa bergaris digugurkan.	103. Udara yang amat sejuk.
118 Angin yang deras menampar-nampar muka kami <u>terus-menerus</u> .	Proses 156 Menggugurkan penerangan yang panjang: Frasa bergaris digugurkan.	104. Angin yang deras menampar-nampar muka kami.

<p>119 Hentakan-hentakan dan enjutan-enjutan kenderaan kami oleh jalan yang lekuk-lekuk itu, menyebabkan badan kami selalu berhantukkan, dan kerana itu terdengarlah <i>makian-makian dan sumpah yang kasar dan kurang sopan.</i></p>	<p>Proses 157 Memberi penerangan yang umum kepada penerangan yang panjang: <i>Frasa makian-makian dan sumpah yang kasar dan kurang sopan ditukarkan kepada perasaan marah.</i></p> <p>Proses 158 Menyusun semula ayat majmuk mejadi ayat-ayat pendek.</p>	<p>105. Enjutan-enjutan kenderaan kami kerana jalan yang berlekuk itu menyebabkan kami berhantukkan .</p> <p>106. Ini menyebabkan perasaan marah di kalangan kami.</p>
<p>120 <u>Tetapi suara-suara itu cepat disambar lalu ditelan oleh bunyi kenderaan yang bergemuruh itu dan tidaklah sempat mencari telinga para drebar.</u></p>	<p>Proses 159 Menggugurkan peristiwa sampingan: Seluruh ayat bergaris digugurkan.</p>	<p>Tiada</p>


## Perenggan 41

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"		Proses	Hasil
121	<i>Sewaktu terdengar kokok ayam di perkampungan pekebun-pekebun sayur Tionghoa di kaki sebuah bukit yang botak puncaknya, kami sudah berjalan membelah hutan kecil yang penuh bertatahkan embun.</i>	Proses 160 Menggugurkan penerangan yang panjang: Frasa bergaris ( <u>yang botak puncaknya, dan yang penuh bertatahkan</u> ) digugurkan.  Proses 161 Memberi penerangan umum kepada penerangan yang panjang: Frasa <i>Sewaktu terdengar kokok ayam di perkampungan pekebun-pekebun sayur Tionghoa di kaki sebuah bukit yang botak puncaknya</i> ditukar kepada <i>setelah subuh.</i>	107. Setelah subuh kami sudah berjalan membelah hutan kecil penuh embun.
122	Pada waktu itu - seperti selalu - kami bersenyap-senyap dan bersedia-sedia sahaja.	Proses 162 Menggugurkan tanda baca lewah: Menggugurkan tanda sempang panjang yang terdapat dalam ayat.	108. Pada waktu itu seperti selalu kami bersenyap-senyap dan bersedia-sedia sahaja.
123	Senjata sudah kami load.	Proses 163 Menukar perkataan pinjaman kepada perkataan bahasa Melayu: Perkataan <i>load</i> ditukarkan kepada <i>isi.</i>	109. Senjata sudah kami <i>isi.</i>

---

124	Hati kami berdedar-debar dan segala bunyi di sekeliling kami didengar dan diawasi dengan teliti.	Proses 164 Tiada	110.	Hati kami berdedar-debar dan segala bunyi di sekeliling kami didengar dan diawasi dengan teliti.
-----	--	---------------------	------	--

---



Perenggan 42		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
125 Kadang-kadang terasa kesayuan <u>yang amat jauh di sudut hati kami.</u>	Proses 165 Menggugurkan penerangan yang panjang lebar: Frasa bergaris ( <u>yang amat jauh di sudut</u> ) digugurkan.	111. Kadang-kadang terasa kesayuan di hati kami.
126 Kesayuan itu sungguh mendalam oleh kenangan dan ingatan kepada orang-orang yang selalu hidup di keliling kami dan yang kami kasihi.	Proses 167 Menyusun semula ayat majmuk kepada ayat-ayat pendek.	112. Kesayuaan itu sungguh mendalam apabila terkenangkan orang-orang yang selalu hidup di keliling kami dan yang kami kasihi.
127 Wajah <u>ibu yang waktu kami kecil dahulu mendendangkan kami, wajah abang-abang, adik-adik atau kakak-kakak kami yang selalu menjadi kawan bertengkar, tetapi antara kami tersimpul persaudaraan yang kasih, menonjol-nonjol dalam ingatan dan kenangan kami.</u>	Proses 168 Menggugurkan penerangan yang panjang: Frasa bergaris digugurkan.  Proses 169 Memberi penerangan umum kepada penerangan yang panjang. Contoh-contoh <i>ibu, abang-abang, adik-adik atau kakak-kakak kami</i> ditukarkan kepada <i>ahli keluarga.</i>	113. Wajah ahli keluarga kami timbul dalam ingatan.
128 Kebaikan-kebaikan merekalah yang terbayang di ruangan mata kami.	Proses 170  Tiada	114. Kebaikan-kebaikan merekalah yang terbayang di ruangan mata kami.

129	<u>Kerana itu pula kami memikir-mikirkan bagaimanakah kalau kami mati di tengah hutan ini, atau bagaimanakah mereka yang akan kami tinggalkan.</u>	Proses 171 Menggugurkan frasa yang lewah: Frasa bergaris digugurkan.  Proses 172 Menggugurkan frasa kata hubung yang lewah: Frasa <i>kerana itu pula</i> digugurkan.	115. Kami memikir-mikirkan bagaimanakah kalau kami mati di tengah hutan ini.
-----	--	--	--

Perenggan 43			
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"		Proses	Hasil
130	<u>Dan kerinduan mendakap rapat ke hati kami, memeluk seluruh perasaan kami dengan kesayuan-kesayuan yang mendalam.</u>	Proses 173 Menggugurkan peristiwa-peristiwa kejadian alam yang digambarkan dalam bahasa yang sangat puitis.	Tiada

Perenggan 44		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
131 'Kalau aku mati, anak-anakku menjadi yatim.	Proses 174  Tiada	116. 'Kalau aku mati, anak-anakku menjadi yatim.
132 <i>Biniku</i> jadi janda.	Proses 175 Menukarkan perkataan yang jarang digunakan dengan perkataan lazim: Perkataan <i>bini</i> ditukarkan kepada <i>isteri</i> .	117. <i>Isterik</i> u jadi janda.
133 Mereka harus menanggung beban hidup yang berat ini.	Proses 176  Tiada	118. Mereka harus menanggung beban hidup yang berat ini.
134 <i>Biniku</i> akan memikul bebannya yang berat dan besar.	Proses 177 Menukarkan perkataan yang jarang digunakan dengan perkataan lazim: Perkataan <i>bini</i> ditukarkan kepada <i>isteri</i> .	119. <i>Isterik</i> u akan memikul bebannya yang berat dan besar.
135 Ia mencari nafkah hidupnya, nafkah anak-anaknya.	Proses 178  Tiada	120. Ia mencari nafkah hidupnya, nafkah anak- anaknya.
136 Barang kali anak- anakku akan berjaja kuih.	Proses 179  Tiada	121. Barangk ali anak- anakku akan berjaja kuih.
137 Barang kali isteriku akan menangis teresak- esak.	Proses 180  Tiada	122. Barangk ali isteriku akan menangis teresak-esak.

138	<u>Ah, Tuhan, jauhkanlah dia dari godaan dunia, jauhkanlah dia dari lembah yang hina, menjual dirinya sendiri kepada orang lain.</u>	Proses 181 Proses menggugurkan peristiwa yang berunsur negatif: Seluruh ayat digugurkan.	Tiada
139	Oh, Tuhan Yang Maha Pengasih, selamatkanlah mereka...'	Proses 182 Tiada	123. Oh, Tuhan Yang Maha Pengasih, selamatkanlah mereka...'
140	Demikianlah barang kali fikiran dan doa yang sedang direka dan dibayangkan dalam kepala kawan-kawan kami yang sekarang mempertaruhkan jiwa, <u>memperjudikan nyawanya, yang hanya satu itu untuk kehidupan seluruh keluarganya, untuk keluarganya.</u>	Proses 183 Menggugurkan peristiwa sampingan. Seluruh frasa bergaris digugurkan.	124. Barang kali itulah doa yang direka dalam kepala kawan-kawan yang mempertaruhkan nyawa untuk kehidupan keluarganya.
141	Tidak ada yang lain lagi.	Proses 184 Tiada	125. Tidak ada yang lain lagi.
142	Dan apabila mereka mati, maka kematian itu semata-mata untuk isteri dan untuk anak-anaknya!	Proses 185 Tiada	126. Dan apabila mereka mati, maka kematian itu semata-mata untuk isteri dan untuk anak-anaknya!

## Perenggan 45

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
143 Meskipun orang menyatakan bahawa kami sedang berjuang untuk membela tanah air, ataupun apabila kami mati dikatakan pada saat seperti sekarang ini, sewaktu kami mempertaruhkan jiwa kami ini, fikiran kami, seluruh kenangan kami diisi oleh orang-orang yang paling dekat hidupnya dengan kami - ibu-ibu, saudara-mara ataupun isteri dan anak-anak.	Proses 186 Menyusun semula ayat majmuk yang panjang menjadi ayat-ayat pendek.	127. Orang menyatakan bahawa kami sedang berjuang untuk membela tanah air, dan apabila kami mati dikatakan "gugur sebagai bunga bangsa". 128. Sebenarnya pada saat ini, sewaktu kami mempertaruhkan jiwa, fikiran kami seluruh tertumpu kepada kenangan bersama keluarga.

Perenggan 46		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
144 <u>Ah, kami hanyalah jentera-jentera yang akan berjalan hanya apabila ditekan pesawat-pesawatnya sahaja.</u>	Proses 187 Menggugurkan peristiwa sampingan: Seluruh perkataan bergaris digugurkan.	Tiada
145 Kami sendiri tidak tahu siapalah orang-orang yang akan kami tentang, <u>yang akan kami tembak atau yang akan menembak kami nanti, kerana semuanya tidak pernah menjadi fikiran kami, tidak pernah kami kenang-kenang sebelumnya.</u>	Proses 188 Menggugurkan penerangan yang panjang: Frasa yang bergaris digugurkan.	129. Kami sendiri tidak tahu siapa musuh kami.
146 Kami dengan tiba-tiba sahaja bermusuh dengan mereka dan kemudian saling membunuh, saling tewas!	Proses 189  Tiada	130. Kami dengan tiba-tiba sahaja bermusuh dengan mereka dan kemudian saling membunuh, saling tewas!

Perenggan 47		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
147 <u>Malam merangkak-rangkak memanjat waktu.</u>	Proses 190 Menggugurkan peristiwa-peristiwa kejadian alam yang digambarkan dalam bahasa puitis.	Tiada
148 <u>Dinihari sudah berat oleh embun.</u>	Proses 191 Menggugurkan peristiwa-peristiwa kejadian alam yang digambarkan dalam bahasa puitis.	Tiada
149 Pasukan kami berjalan terus.	Proses 192 Tiada	131. Pasukan kami berjalan terus.

Perenggan 48		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
150 Tiba-tiba sahaja terdengar bunyi tembakan-tembakan yang hebat dari dua <i>jurusan</i> - dari kanan dan kiri kami.	Proses 193 Menukar perkataan yang abstrak digunakan dengan perkataan konkrit: Perkataan <i>jurusan</i> ditukarkan kepada perkataan <i>arah</i> . Menggugurkan tanda bacaan sempang panjang.	132. Tiba-tiba sahaja terdengar bunyi tembakan-tembakan yang hebat dari dua <i>arah</i> iaitu dari kanan dan kiri kami.
151 Serangan yang tiba-tiba itu menyebabkan kami gugup.	Proses 194 Tiada	133. Serangan yang tiba-tiba itu menyebabkan kami gugup.
152 Masing-masing merebahkan diri ke tanah dan menerkam ke <i>perdu-perdu</i> pohon mencari perlindungan.	Proses 195 Menukar perkataan yang jarang digunakan dengan perkataan lazim: Perkataan <i>perdu-perdu</i> ditukarkan kepada perkataan <i>pangkal</i> .	134. Masing-masing merebahkan diri ke tanah dan menerkam ke <i>pangkal</i> pohon mencari perlindungan.

Perenggan 49		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
153 Kemudian terjadilah peperangan kecil yang hebat.	Proses 196 Tiada	135. Kemudian terjadilah peperangan kecil yang hebat.
154 Dalam waktu yang genting itu tidak ada yang kami ingat; <i>tak tergambar wajah ibu, abang, adik, dan kakak.</i>	Proses 197 Memberi penerangan yang umum kepada penerangan yang panjang: Frasa <i>tak tergambar wajah ibu, abang, adik, dan kakak</i> ditukarkan kepada <i>ahli keluarga.</i>	136. Dalam waktu yang genting itu kami tidak ingat kepada ahli keluarga.
155 Tidak juga terbayang batu nisan atau jenazah kami sedang diusung dengan kebesaran, dialukan dengan tembakan beberapa das.	Proses 198 Tiada	137. Tidak juga terbayang batu nisan atau jenazah kami sedang diusung dengan kebesaran, dialukan dengan tembakan beberapa das.

156	Kami hanya menembak terus-menerus.	Proses 199 Tiada	138.	Kami hanya menembak terus-menerus.
157	Peluru-peluru terbang silang siur dengan senangnya menembus daun-daun kayu, membelah dahan-dahan atau membenamkan dirinya ke tanah.	Proses 200 Tiada	139.	Peluru-peluru terbang silang siur dengan senangnya menembus daun-daun kayu, membelah dahan-dahan atau membenamkan dirinya ke tanah.
158	Tak ada rasa takut pada hati kami.	Proses 201 Tiada	140.	Tak ada rasa takut pada hati kami.
Perenggan 50				
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"		Proses	Hasil	
159	Tiba-tiba tembakan-tembakan dari pihak lawan <i>mati - mati</i> dengan mengejut.	Prose 202 Menukarkan perkataan yang jarang digunakan dengan perkataan lazim: Perkata <i>mati-mati</i> ditukarkan kepada <i>berhenti</i> .  Proses 203 Menggugurkan tanda bacaan lewah: Tanda sempang panjang digugurkan.	141.	Tiba-tiba tembakan-tembakan daripada pihak lawan <i>berhenti</i> dengan mengejut.
160	Berikutnya kami pula mematikan tembakan.	Proses 204 Tiada	142.	Berikutnya kami pula mematikan tembakan.

Perenggan 51		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
161 <u>Di langit yang suram yang kelihatan sebahagian kerana diadangi oleh daun-daun kayu itu kelihatan bintang-bintang dinihari menjelang subuh yang pudar cahayanya.</u>	Proses 205 Menggugurkan peristiwa-peristiwa kejadian alam yang digambarkan dalam bahasa yang sangat puitis.	Tiada
162 <u>Bintang-bintang itu seperti tersenyum kepada kami yang bertembak-tembakan dan berbunuh-bunuhan di bawah lengkungan langit itu.</u>	Proses 206 Menggugurkan peristiwa-peristiwa kejadian alam yang digambarkan dalam bahasa yang sangat puitis.	Tiada
Perenggan 52		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
163 <u>Segumpalan awan kelihatan bergerak dengan malasnya.</u>	Proses 207 Menggugurkan peristiwa-peristiwa kejadian alam yang digambarkan dalam bahasa yang sangat puitis.	Tiada

Perenggan 53			
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"		Proses	Hasil
164	Lima ela dari tempat saya <i>mendakap tanah lembap</i> di pangkal sebatang pohon <u>yang sepemeluk besarnya</u> , kelihatanlah Dol tertiarap dengan tangan kanannya menekup rusuk kirinya.	Proses 208 Memberi penerangan umum kepada penerangan yang panjang: Frasa bergaris ( <i>mendakap tanah lembap</i> ) ditukarkan kepada perkataan <i>meniarap</i> .  Proses 209 Menggukurkan penerangan yang panjang: Frasa bergaris ( <u>yang sepemeluk besarnya</u> ) digukurkan.	143. Lima ela dari tempat saya <i>meniarap</i> di pangkal sebatang pohon kelihatanlah Dol tertiarap dengan tangan kanannya menekup rusuk kirinya.
165	Tidak jauh daripadanya kelihatan pula Wak Berahim terlentang.	Proses 210  Tiada	144. Tidak jauh daripadanya kelihatan pula Wak Berahim terlentang.
166	Senapangnya ikut terbaring di sebelahnya.	Proses 211  Tiada	145. Senapangnya ikut terbaring di sebelahnya.
167	Itulah yang <u>saya lihat - yang dapat</u> saya lihat dalam suasana yang samar-samar antara dinihari menjelang subuh.	Proses 212 Menggukurkan frasa yang lewah: Frasa bergaris ( <u>saya lihat - yang dapat</u> ) digukurkan.	146. Itulah yang saya lihat dalam suasana yang samar-samar antara dinihari menjelang subuh.

---

168	<u>Begitupun</u> belum ada di antara kami yang berani berdiri.	Proses 213 Menggugurkan perkataan lewah: Perkataan bergaris ( <u>Begitupun</u> ) digugurkan.	147.	Belum ada di antara kami yang berani berdiri.
169	Berdiri dalam keadaan yang demikian bererti mendedahkan tubuh kepada sasaran peluru.	Proses 214 Tiada	148.	Berdiri dalam keadaan yang demikian bererti mendedahkan tubuh kepada sasaran peluru.
170	Malah kami masih menahan nafas, seolah-olah takut kalau-kalau nafas kami itu didengar oleh orang lain.	Proses 215 Tiada	149.	Malah kami masih menahan nafas, seolah-olah takut kalau-kalau nafas kami itu didengar oleh orang lain.

---

Perenggan 54		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
171 <u>Kesayuan mulai terasa lagi.</u>	Proses 216 Menggugurkan peristiwa-peristiwa kejadian alam yang digambarkan dalam bahasa puitis: Seluruh ayat bergaris digugurkan.	Tiada
172 <u>Dia datang bersama embun tebal.</u>	Proses 217 Menggugurkan peristiwa-peristiwa kejadian alam yang digambarkan dalam bahasa puitis: Seluruh ayat bergaris digugurkan.	Tiada
173 <u>Tapi kali ini kesayuan itu berjengket-jengket di jantung kami yang berdebar.</u>	Proses 218 Menggugurkan peristiwa sampingan: Seluruh perkataan bergaris digugurkan.	Tiada

174	Betapa nasib Dol, anak muda yang kurus tinggi itu, <u>yang malam tadi masih bergerang-gerang menceritakan pengalamannya dengan membawa Si Yam dan berhasrat untuk "membawa" janda itu?</u>	Proses 219 Menggugur penerangan yang panjang: Frasa yang bergaris (yang malam tadi <u>masih bergerang-gerang menceritakan pengalamannya dengan membawa Si Yam dan berhasrat untuk "membawa" janda itu?</u> ) digugurkan.	150.	Malang nasib Dol, anak muda yang kurus tinggi itu.
-----	--	---	------	--

## Perenggan 55

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
175 Bagaimana pula nasib Wak Berahim yang terlentang itu?	Proses 220 Tiada	151. Bagaimana pula nasib Wak Berahim yang terlentang itu?
176 Dia sudah tua.	Proses 221 Tiada	152. Dia sudah tua.
177 Umurnya barang kali sebaya dengan ayahku.	Proses 222 Tiada	153. Umurnya barang kali sebaya dengan ayahku.
178 Sudah lama dia berkhidmat sebagai seorang mata-mata.	Proses 223 Tiada	154. Sudah lama dia berkhidmat sebagai seorang polis.

179 Mata-mata tua - itulah gelaran yang selalu <i>digiatkan</i> oleh kami-kami yang muda ini.	<p>Proses 224</p> <p>Menukarkan perkataan yang jarang digunakan dengan perkataan lazim:</p> <p>Perkataan <i>digiatkan</i> ditukarkan kepada <i>diejekkan</i>.</p> <p>Proses 225</p> <p>Menggugurkan tanda baca lewah:</p> <p>Tanda baca sempangan yang panjang digugurkan.</p>	155. Polis tua itulah gelaran yang selalu <i>diejekkan</i> oleh kami yang muda ini.
180 Orang-orang yang jauh lebih muda daripadanya, yang oleh kerana ilmunya dan persekolahannya mahir berbahasa Inggeris, setelah setahun sahaja berkhidmat sudah menjadi Inspektor.	Proses 226	156. Orang-orang muda yang bersekolah dan mahir berbahasa Inggeris, setelah setahun sahaja berkhidmat sudah naik pangkat.
181 <u>Dengan demikian</u> mereka selalu menengking-nengking Wak Berahim: "Mata-mata tua, tidak tahu kerja! Bodoh! Balik kampung lagi baik!	Proses 227	157. Merekalah yang selalu menengking-nengking Wak Berahim: "Mata-mata tua, tidak tahu kerja! Bodoh! Balik kampung lagi baik!

182	<u>Dan</u> kata-kata dengan bentakan yang kasar <u>keras</u> seperti itu sudah biasa benar bagi Wak Berahim.	Proses 228 Menggugurkan kata hubung yang lewah: Perkataan dan frasa bergaris ( <u>Dan</u> , <u>dengan</u> <u>bentakan</u> , dan <u>keras</u> ) digugurkan.	158. Wak	Kata-kata yang kasar seperti itu sudah biasa benar bagi Berahim.
183	Dia diam dan menundukkan kepalanya.	Proses 229 Tiada	159.	Dia diam dan menundukkan kepalanya.
184	<u>Dan</u> meskipun hatinya merasa amat sedih diperlakukan oleh orang-orang yang jauh lebih muda daripadanya, namun Wak Berahim tetap taat dalam pekerjaannya.	Proses 230 Menggugurkan kata gabungan: Perkataan 'dan' digugurkan.	160.	Meskipun hatinya merasa amat sedih diperlakukan oleh orang-orang yang jauh lebih muda daripadanya, namun Wak Berahim tetap taat dalam pekerjaannya.
185	Jika berkawal di pintu bangunan rumah Residen misalnya, Wak Berahim berkawal dengan baik dan taat, berdiri selama empat jam atau berjalan ulang-alik <i>memanggul</i> senapangnya dengan penuh disiplin seorang polis.	Proses 231 Menyusun semula ayat majmuk yang panjang kepada ayat-ayat yang lebih pendek. Proses 232 Menukarkan perkataan yang jarang digunakan kepada perkataan lazim: Perkataan <i>memanggul</i> ditikarkan kepada <i>memikul</i> .	161. 162.	Jika berkawal di pintu bangunan rumah Residen misalnya, Wak Berahim berkawal dengan baik dan taat. Dia akan berdiri selama empat jam atau berjalan ulang-alik <i>memikul</i> senapangnya dengan penuh disiplin seorang polis.

Perenggan 56			
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"		Proses	Hasil
186	<u>Dalam saat-saat seperti begini pun Wak Berahim masih berguna, masih boleh dikerah untuk memasuki perkampungan pekebun sayur, masuk ke hutan-hutan untuk membunuh ataupun dibunuh oleh orang-orang yang tidak pernah dimusuhi dalam seluruh hayatnya,</u> meskipun enam bulan lagi - menurut jangka biasa bagi khidmat seorang polis - dia akan bersara dan mendapat cuti panjang selama tiga bulan dengan gaji penuh.	<p>Proses 233 Menggugurkan penerangan yang panjang: Seluruh frasa bergaris digugurkan.</p> <p>Proses 234 Menyusun semula ayat majmuk: <i>Enam bulan dia akan bersara dan mendapat cuti panjang selama tiga bulan dengan gaji penuh.</i></p>	163. Enam bulan lagi dia akan bersara dan mendapat cuti panjang selama tiga bulan dengan gaji penuh.

Perenggan 57			
Ayat dalam cerpen	Proses	Hasil	
"Kami yang Terlibat"			
187	Bersara bagi seorang <i>mata-mata</i> tua seperti Wak Berahim adalah puncak kegembiraan dalam seluruh perkhidmatannya.	Proses 235 Menukarkan perkataan jarang digunakan kepada perkataan lazim. Perkataan <i>mata-mata</i> ditukarkan kepada <i>polis</i> .	164. Bersara bagi seorang <i>polis</i> tua seperti Wak Berahim adalah puncak kegembiraan dalam seluruh perkhidmatannya.
188	Dia akan pulang ke kampungnya bersawah padi ataupun berladang.	Proses 236 Tiada	165. Dia akan pulang ke kampungnya bersawah padi ataupun berladang.
189	Hasil gajinya setiap bulan dijimatkannya dan setelah bertahun-tahun dibelinya sebidang tanah ladang atau tanah bendang.	Proses 237 Tiada	166. Hasil gajinya setiap bulan dijimatkannya dan setelah bertahun-tahun dibelinya sebidang tanah ladang atau tanah bendang.

190	Kepada tanah inilah khidmatnya akan dicurahkan dalam usianya seperti sekarang ini.	Proses 238 Tiada	167.	Kepada tanah inilah khidmatnya akan dicurahkan-nya dalam usianya seperti sekarang ini.
191	Anak-anaknya pun sudah besar, <u> mungkin sudah bujang dan sudah lulus sekolah Melayu.</u>	Proses 239 Menggugurkan penerangan yang panjang: Frasa bergaris ( <u> mungkin sudah bujang dan sudah lulus sekolah Melayu</u> ) digugurkan.	168.	Anak-anaknya pun sudah besar.
192	Mereka akan mencari pekerjaannya sendiri <u> atau biasanya akan berkhidmat</u> sebagai askar ataupun sebagai <u> mata-mata pula -</u> mengambil warisan <u> melanjutkan sejarah hidup</u> ayahnya.	Proses 240 Menggugurkan frasa penerangan yang panjang: Frasa yang bergaris ( <u> atau biasanya akan berkhidmat, pula -</u> , dan <u> melanjutkan sejarah hidup</u> ) digugurkan.  Proses 241 Menukar perkataan yang jarang digunakan perkataan lazim: Perkataan <i>mata-mata</i> ditukarkan kepada <i>polis</i> .	169.	Mereka akan mencari pekerjaannya sendiri sebagai askar ataupun sebagai <i>polis</i> mengambil warisan ayahnya.

<p>193 <u>Dan jika anak itu perempuan, pastilah dia telah menjadi gadis, sudah pula berlepas sekolah, telah tahu <u>sekadarnya menulis membaca, sudah khatam mengaji Qur'an tiga puluh juz.</u></u></p>	<p>Proses 242 Menggugurkan frasa penerangan yang panjang: Frasa bergaris (<u>Dan jika anak itu, sekadarnya menulis membaca, dan tiga puluh juz</u>) digugurkan.</p>	<p>170. Anak perempuannya pula pastilah dia telah menjadi gadis, sudah lepas sekolah, dan sudah khatam mengaji <i>Qur'an</i>.</p>
<p>194 Tak lama lagi lepaslah dari tanggungan ayah bonda bila telah <u>sampai jodoh pertemuannya.</u></p>	<p>Proses 243 Menukarkan penerangan yang umum kepada penerangan yang panjang: Frasa bergaris ditukarkan kepada perkataan <i>berkahwin</i>.</p>	<p>171. Tak lama lagi lepaslah daripada tanggungan ayah bonda bila telah <i>berkahwin</i>.</p>

Perenggan 58		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
195 Begitu bahagia dan sederhana rancangan-rancangan hidup Wak Berahim yang kebetulan mempunyai anak tiga orang - yang tua lelaki sudah ikut dalam pemilihan calon mata-mata baharu.	Proses 244 Menyusun semula ayat majmuk gabungan yang panjang kepada ayat-ayat yang pendek: <i>Begitu bahagia dan sederhana rancangan-rancangan kehidupan Wak Berahim yang kebetulan mempunyai tiga orang anak. Anak yang pertama sudah terpilih sebagai calon polis.</i>	172. Begitu bahagia dan sederhana rancangan-rancangan kehidupan Wak Berahim yang kebetulan mempunyai tiga orang anak. 173. Anak yang pertama sudah menjadi polis.
196 <i>Yang tengah,</i> perempuan, sudah gadis remaja dan telah pun bertunangan dengan anak muda sekampungnya.	Proses 245 Menukarkan kata pangkal ayat: Kata pangkal ayat 'yang tengah' digantikan dengan 'anak keduanya'.	174. <i>Anak keduanya,</i> sudah gadis remaja dan telah pun bertunangan dengan anak muda sekampungnya.
197 Perkahwinan mereka dijangka setelah Wak Berahim bersara.	Proses 246 Tiada	175. Perkahwinan mereka dijangka setelah Wak Berahim bersara.

198	Yang bongsu seorang perempuan juga, kini sedang meningkat gadis sunti.	Proses 247 Menukarkan kata pangkal ayat: Kata pangkal ayat 'yang' digantikan dengan 'anak.'	176.	Anak bongsunya seorang perempuan juga, kini sedang meningkat gadis sunti.
-----	--	--	------	---

## Perenggan 59

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"

Proses

Hasil

199 Ah, saya pandang lagi tubuh Wak Berahim yang sudah kaku itu.

Proses 248  
Tiada

177. Ah, saya pandang lagi tubuh Wak Berahim yang sudah kaku itu.

## Perenggan 60

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"

Proses

Hasil

200 Fajar menjengah wajahnya dari tirai langit sebelah timur.Proses 249  
Menggugurkan peristiwa-peristiwa kejadian alam yang digambarkan dalam bahasa yang sangat puitis.

Tiada

201 Wajah-wajah yang kuning merah itu ditabiri awan yang berkelompok-kelompok.Proses 250  
Menggugurkan peristiwa-peristiwa kejadian alam yang digambarkan dalam bahasa yang sangat puitis.

Tiada

Perenggan 61		
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
202 <u>Hujung pucuk pohon-pohon di puncak bukit itu kelihatan seperti dicecah awan dan disaluti warna merah kuning.</u>	Proses 251 Menggugurkan peristiwa-peristiwa kejadian alam yang digambarkan dalam bahasa yang sangat puitis.	Tiada
203 <u>Angin mengembara perlahan-lahan dari puncak bukit dan turun bermain di daun-daun kayu dan kemudian merendah ke tanah mengusik-usik kami yang masih meniarap.</u>	Proses 252 Menggugurkan peristiwa-peristiwa kejadian alam yang digambarkan dalam bahasa yang sangat puitis.	Tiada

Perenggan 62			
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"		Proses	Hasil
204	Ketika itulah Sarjan Rais bersama Mahmud Gemuk - pembawa <i>bren-gun</i> dalam pasukan kami - datang menyusup-nyusup di <u>antara dahan-dahan, ranting-ranting, akar-akar, dan daun-daun kayu</u> di hutan itu.	<p>Proses 253 Menggugurkan tanda bacaan lewah: Menggugurkan tanda sempang panjang.</p> <p>Proses 254 Menggugurkan contoh-contoh: Frasa bergaris (<u>antara dahan-dahan, ranting-ranting, akar-akar, dan daun-daun kayu</u> di) digugurkan.</p> <p>Proses 255 Menukarkan perkataan pinjaman kepada perkataan bahasa Melayu. Perkataan <i>brenn-gun</i> ditukarkan kepada mesin-gan ringgan.</p>	178. Ketika itulah Sarjan Rais bersama Mahmud Gemuk pembawa <i>mesin-gan ringgan</i> dalam pasukan kami datang menyusup-nyusup di hutan itu.
205	Nafasnya turun naik.	<p>Proses 256 Tiada</p>	179. Nafasnya turun naik.

---

 Perenggan 63
 

---

 Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"
 

---

Proses

Hasil

206 Sambil berlutut dia memanggil kami yang bertebaran di pangkal-pangkal pohon itu untuk berkumpul.

Proses 256

180. Sambil berlutut dia memanggil kami yang bertebaran di pangkal-pangkal pohon itu untuk berkumpul.

Tiada

207 Kemudian dengan suara gugup dan putus-putus kerana lelahnya dia berkata:

Proses 257

181. Kemudian dengan suara gugup dan putus-putus kerana lelahnya dia berkata:

Tiada

Perenggan 64			
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses		Hasil
208 "Kita bertembak dengan <i>Jungle Squad</i> yang masuk dari sebelah atas.	Proses 258 Menukarkan perkataan pinjaman kepada perkataan bahasa Melayu. Perkataan <i>Jungle Squad</i> ditukarkan kepada <i>Pasukan Hutan</i> .		182. "Kita bertembak dengan <i>Pasukan Hutan</i> yang masuk dari sebelah atas.
209 Koperal Limat mati.	Proses 259 Tiada		183. Koperal Limat mati.
210 Dua lagi luka.	Proses 260 Tiada		184. Dua lagi luka.
211 Baik juga kita lekas dengar dari woki-toki."	Proses 261 Memberi penerangan kepada perkataan jarang digunakan: Perkataan woki-toki ditafsirkan sebagai telefon tanpa wayar.		185. Baik juga kita lekas dengar daripada woki-toki (telefon tanpa wayar)."
Perenggan 65			
Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses		Hasil

212	<u>(Woki-toki (walkie-talkie) ialah sejenis alat telefon yang tidak menggunakan tali.</u>	Proses 262 Menggugurkan penerangan yang panjang: Seluruh ayat bergaris digugurkan.	Tiada
Perenggan 66			
	Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
213	<u>Bentuknya empat segi, panjangnya kira-kira sekaki setengah dan mempunyai alat penerima dan penghantar.</u>	Proses 263 Menggugurkan peristiwa sampingan: Seluruh ayat bergaris digugurkan.	Tiada
Perenggan 64			
	Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
214	"Kita sama kita bertembak."	Proses 264  Tiada	186. "Kita sama kita bertembak."
215	Dan mengulang lagi dengan suara penuh kesal.	Proses 265 Menggugurkan kata hubung: Menggugurkan kata hubung 'dan' dan menggantikannya dengan perkataan 'dia'.	187. Dia mengulang lagi dengan suara penuh kesal.
216	Kemudian terdengar keluhnya yang berat.	Proses 266  Tiada	188. Kemudian terdengar keluhnya yang berat.

217	Kami ikut mengeluh dan menghela nafas dengan seribu perasaan yang berkecamuk di dada.	Proses 267 Tiada	189.	Kami ikut mengeluh dan menghela nafas dengan seribu perasaan yang berkecamuk di dada.
-----	---	---------------------	------	---

---

Perenggan 68

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"		Proses	Hasil
218	<u>Hujung malam sudah habis ditelan waktu yang berlalu dengan diam-diam.</u>	Proses 268 Menggugurkan peristiwa-peristiwa kejadian alam yang digambarkan dalam bahasa yang sangat puitis.	Tiada

---

Perenggan 69

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"		Proses	Hasil
219	<u>Kemudian pagi pun datanglah dengan megahnya, dengan indahnya.</u>	Proses 269 Menggugurkan peristiwa-peristiwa kejadian alam yang digambarkan dalam bahasa yang sangat puitis.	Tiada

---

Perenggan 70

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"		Proses	Hasil
--	--	--------	-------

220	Kami berangkat pulang membawa mayat-mayat <u>dengan luka-lukanya,</u> <u>membawa rakan-rakan yang cedera dengan darah-darahnya.</u>	Proses 270 Menggugurkan penerangan yang panjang: Frasa bergaris ( <u>dengan luka-lukanya,</u> <u>membawa dan dengan darah-darahnya</u> ) digugurkan.	190.	Kami berangkat pulang membawa mayat-mayat dan rakan-rakan yang cedera.
-----	---	--	------	--

## Perenggan 71

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
221 Semua kegembiraan yang kami bawa sewaktu datang tengah malam tadi telah hilang.	Proses 271  Tiada	191. Semua kegembiraan yang kami bawa sewaktu datang tengah malam tadi telah hilang.
222 Segala keriuhan yang mengikuti kami itu pun telah pun pergi <u>pula,</u> <u>pergi dan hilang</u> bersama roh sahabat-sahabat dan <u>rakan-rakan kami yang sekarang ini kami bawa jasadnya.</u>	Proses 272 Menggugurkan penerangan yang panjang: Frasa yang bergaris ( <u>rakan-rakan kami yang sekarang ini kami bawa jasadnya.</u> ) digugurkan.	192. Segala keriuhan yang mengikuti kami itu pun telah pun pergi bersama roh sahabat-sahabat.

<p>223 Mereka mati di tangan kami sendiri, oleh senjata peluru kami yang diberikan kepada kami untuk membunuh orang lain - orang-orang yang tidak kami kenali.</p>	<p>Proses 273 Menyusun semula ayat majmuk: Ayat 1 <i>Mereka mati di tangan kami sendiri.</i> Ayat 2 <i>Senjata dan peluru yang diberikan kepada kami untuk membunuh orang lain telah membunuh mereka.</i></p>	<p>193. Mereka a mati di tangan kami sendiri. 194. Senjata dan peluru yang diberikan kepada kami untuk membunuh orang lain telah membunuh mereka.</p>
--	---	---

Perenggan 72

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"

Proses

Hasil

<p>224 Apabila kejadian ini diberitakan, maka semua orang menyatakan sedihnya, orang-orang besar di negari kami akan menyampaikan pernyataan dukacitanya yang amat sangat.</p>	<p>Proses 274 Menyusun semula ayat majmuk: Ayat 1 <i>Apabila kejadian ini diberitakan, maka semua orang menyatakan sedihnya.</i> Ayat 2 <i>Orang-orang besar akan menyampaikan pernyataan dukacitanya yang amat sangat.</i></p> <p>Proses 276 Menukarkan perkataan yang jarang diunakan kepada perkataan lazim: 1. Perkataan <i>diberitakan</i> ditukarkan kepada <i>dihebahkan</i>. 2. Perkataan <i>sedihnya</i> ditukarkan kepada perkataan <i>sempati</i>. 3. Frasa <i>pernyataan dukacitanya yang amat sangat</i> ditukarkan kepada frasa <i>ucapan takziah</i>.</p>	<p>195. Apa bila kejadian ini diberitakan, maka semua orang menyatakan simpati.</p> <p>196. Orang-orang besar akan menyampaikan ucapan takziah.</p>
<p>225 Hanya itu sahaja.</p>	<p>Proses 277 Menggugurkan peristiwa sampingan: Seluruh ayat bergaris digugurkan.</p>	

---

Perenggan 73

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"	Proses	Hasil
--	--------	-------

---

226	<u>Dengan demikian pertentangan-pertentangan itu berjalan terus meragut seluruh kedamaian yang dicintai.</u>	Proses 279 Menukarkan frasa yang bergaris dengan frasa yang lebih lazim digunakan: <i>Oleh itu pertempuran-</i>	197.	Oleh itu pertempuran - pertempuran terus berlaku dan meragut seluruh kedamaian yang dicintai.
-----	--	---	------	---

## Perenggan 74

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"

Proses

Hasil

227 Dan kami yang terlibat ini?

Proses 280

Tiada

198. Dan kami yang terlibat ini?

## Perenggan 75

Ayat dalam cerpen "Kami yang Terlibat"

Proses

Hasil

228 Beracah-acah dengan maut ... hanya untuk hidup.

Proses 281

Tiada

199. Beracah-acah dengan maut ... hanya untuk hidup.

Perbincangan Berkaitan Proses Menurunkan

Tahap Kebolehbacaan Cerpen *Kami yang Terlibat*

Pemerhatian terhadap proses menurunkan tahap kebolehbacaan yang telah dijalankan oleh *Oxford University Press* kepada buku cerita *Robinson Cruoe*, didapati terdapat 11 aspek yang boleh digunakan dalam proses menurunkan tahap kebolehbacaan. Aspek-aspek tersebut adalah seperti berikut:

1. Pendekatan penulisan
2. Isi cerita
3. Pembahagian bab
4. Penggunaan tajuk-tajuk kecil
5. Panjang perenggan
6. Penggunaan ilustrasi
7. Mengehadkan jumlah perbendaharaan kata
8. Pemilihan kata
9. Panjang ayat
10. Tanda baca
11. Jenis ayat

Dalam kajian ini proses menurunkan tahap kebolehbacaan cerpen *Kami yang Terlibat* tidak menggunakan semua aspek yang diperhatikan. Penggunaan aspek-aspek seperti isi cerita, pemilihan kata, jenis ayat, panjang perenggan, dan tanda baca adalah berdasarkan keperluan dan kesesuaiannya dalam proses menurunkan tahap kebolehbacaan cerpen. Dalam kajian yang telah dijalankan aspek-aspek yang digunakan untuk menurunkan tahap kebolehbacaan cerpen ini boleh diperincikan seperti berikut:

### Isi cerita

- a. Menggugurkan peristiwa-peristiwa yang berunsur negatif,
- b. Menggugurkan peristiwa-peristiwa kejadian alam yang digambarkan dalam bahasa puitis,
- c. Menggugurkan peristiwa-peristiwa sampingan,
- d. Menggugurkan contoh-contoh,
- e. Menggugurkan penerangan yang panjang,
- f. Memberi penerangan umum kepada penerangan yang panjang; dan
- g. Menggugurkan penggunaan frasa yang lewah.

### Pemilihan kata

- a. Menukarkan perkataan pinjaman kepada perkataan bahasa Melayu,
- b. Memberi penerangan kepada perkataan pinjaman,
- c. Menukarkan perkataan yang jarang digunakan dengan perkataan lazim,
- d. Menukarkan perkataan abstrak dengan perkataan konkrit,
- f. Menukarkan perkataan lama dengan perkataan baru,
- g. Menggugurkan kata hubung yang lewah,
- h. Menggugurkan frasa kata hubung yang lewah, ; dan
- i. Mengurangkan jumlah penggunaan perkataan dalam cerpen.

Jenis ayat

- a. Menukar bentuk ayat; dan
- b. Mengawal purata jumlah perkataan dalam ayat, iaitu:  
Ayat tunggal (purata 8-12 patah perkataan dalam satu ayat) dan  
ayat gabungan (purata 15-20 patah perkataan dalam satu ayat).

Panjang Perenggan

Mengawal panjang perenggan iaitu di antara tujuh hingga sepuluh ayat dalam satu perenggan.

Tanda baca

Menggugurkan penggunaan tanda sempang yang lewah dan menukarkan tanda koma dengan kata hubung yang sesuai

Isi cerita

1. Menggugurkan peristiwa yang berunsur negatif.

Peristiwa-peristiwa yang digugurkan daripada cerpen ini mempunyai sebab yang tertentu, iaitu:

- a. Peristiwa-peristiwa yang dipaparkan tidak sesuai dengan peringkat umur pembaca sasaran, iaitu murid sekolah rendah tahap dua. Antara peristiwa-peristiwa tersebut ialah peristiwa menceritakan bagaimana asyiknya anggota polis merokok. Peristiwa ini perlu digugurkan kerana tidak ingin ia menjadi ikutan murid-murid kelak. (peristiwa-peristiwa tersebut boleh didapati di baris ayat ke- 28, 29, 30, 31, dan 32 dalam perenggan 11)

- b. Peristiwa yang boleh menimbulkan syak dari segi akidah

juga digugurkan. Peristiwa tersebut ialah peristiwa di mana seorang watak digambarkan sudah pandai meminum bir (peristiwa tersebut boleh didapati di baris ayat ke-57 dalam perenggan 19).

c. Peristiwa-peristiwa yang menggambarkan perhubungan bebas di antara pasangan lelaki dan perempuan juga digugurkan (peristiwa-peristiwa tersebut boleh didapati di baris ayat ke 49 dalam perenggan 16, ayat ke-50, 51, 52, 53 dalam perenggan 17, ayat ke-54 dalam perenggan 18, ayat ke-55, 56, 57 dalam perenggan 19, ayat ke-92 dan 94 dalam perenggan 32).

Pengguguran peristiwa-peristiwa tersebut dibuat kerana mengandungi unsur-unsur negatif yang bertentang dengan agama dan nilai moral. Selain itu, pihak Pusat Perkembangan Kurikulum menetapkan bahan bacaan untuk murid tidak boleh memasukkan unsur prejudis terhadap agama, bangsa, budaya, serta keselamatan negara (Pusat Perkembangan Kurikulum 25 Mac 1998). Peristiwa-peristiwa yang digugurkan boleh didapati dalam jadual 20.

Jadual 20

*Proses Menggugurkan Peristiwa yang Berunsur Negatif*

Bil.	Ayat	Perenggan	Peristiwa-peristiwa yang digugurkan	Halaman (H) / Proses (P)
1.	28	11	dan membeli beberapa bungkus rokok "Rough Rider".	H: 113 P:47
2.	29	11	Bukan tidak biasa kami keputusan rokok di hutan.	H: 113 P: 49
3.	30	11	Dan waktu itu seluruh mata kami jadi layu.	H: 113 P: 50

4.	31	11	Bila di antara kami ada kelihatan asap halus mengepul-ngepul di udara, meruncing dan menghilang dibungkus angin, maka kami akan menyerbu ke arah asap itu datang.	H: 113 P: 51
5.	32	11	Penghisap rokok yang selama ini menjimatkan dan menyembunyikan bekalannya itu terpaksa menyerah diri membiarkan bibir-bibir kami menyedut nikmat candu rokok itu dengan panjang dan lama.	H: 114 P: 52
6.	35	12	Berkepul-kepullah asap yang berbuai-buai berayun di keliling kepala mereka yang terbenam ke perut topi hijau yang lembut.	H: 115 P: 55
7.	43	15	Tak ada can baik semalam.	H: 118 P: 64
8.	44	15	Duduk dalam <i>park</i> sahaja, tetapi orang ramai.	H: 118 P: 65
9.	49	16	"Habis...?" kawan yang bertanya itu melanjutkan.	H: 119 P: 71
10.	50	17	"Ah, orang putih bawa dia.	H: 119 P: 72
11.	51	17	Lagaknya pun bukan main lagi.	H: 119 P: 73
12.	52	17	Tengok kita pun tak mahu.	H: 119 P: 74
13.	53	17	Fikirnya dia sudah jadi mem."	H: 119 P: 75
14.	54	18	"Orang putih sojar, hah?"	H: 119 P: 76
15.	55	19	"Aku tak tahu.	H: 120 P: 77
16.	56	19	Hah, janda itu, bukan main.	H: 120 P: 78
17.	57	19	Dia sudah pandai minum <i>beer</i> , tahu!"	H: 120 P: 79
18.	92	31	Dia yang seharusnya "membawa Yam", apalagi dia lebih kanan daripada Mahmud, tentu gajinya lebih besar daripada Mahmud.	H: 129 P: 123
19.	94	32	'Suatu hari aku juga dapat,' bisik Dol sendirian.	H: 130 P: 125

20.	95	32	Suaranya sedemikian perlahan sehingga mati di pertengahan jalan ke telinga orang-orang lain yang agak jauh sedikit duduknya.	H: 130 P: 126
21	138	44	Ah, Tuhan, jauhkanlah dia dari godaan dunia, jauhkanlah dia dari lembah yang hina, menjual dirinya sendiri kepada orang lain.	H: 145 P: 181

2. Menggugurkan peristiwa-peristiwa kejadian alam yang digambarkan dalam bahasa puitis. Peristiwa-peristiwa kejadian alam yang digambarkan dalam bahasa yang puitis juga digugurkan. Ini kerana bahasa yang terlampau puitis itu sukar difahami murid dan penggugurannya tidak menjejaskan perjalanan cerita. Pengguguran peristiwa-peristiwa tersebut boleh didapati dalam jadual 21.

Jadual 21

*Proses Menggugurkan Peristiwa-peristiwa dalam Bahasa Puitis*

Bil.	Ayat	Perenggan	Peristiwa-peristiwa yang digugurkan	Halaman (H) / Proses (P)
1.	101	36	Keriuhan-keriuhan timbul semula, muncul seperti kapal raksasa yang besar <i>menonjol</i> dari permukaan bumi.	H: 133 P: 135
2.	114	39	Binatang-binatang itu begitu kurus sehingga tubuhnya kelihatan menjadi panjang.	H: 137 P: 150
3.	130	43	Dan kerinduan mendakap rapat ke hati kami, memeluk seluruh perasaan kami dengan kesayuan-kesayuan yang mendalam.	H: 143 P: 173
4.	161	51	Di langit yang suram yang kelihatan sebahagian kerana diadangi oleh daun-daun kayu itu kelihatan bintang-bintang dinihari menjelang subuh yang pudar cahayanya.	H: 152 P: 205

5.	171	54	Kesayuan mulai terasa lagi.	H: 155 P: 216
6.	172	54	Dia datang bersama embun tebal.	H: 155 P: 217
7.	200	60	Fajar menjengah wajahnya dari tirai langit sebelah timur.	H: 164 P: 249
8.	201	60	Wajah-wajah yang kuning merah itu ditabiri awan yang berkelompok-kelompok.	H: 164 P: 250
9.	218	68	Hujung malam sudah habis ditelan waktu yang berlalu dengan diam-diam.	H: 155 P: 218
10.	219	69	Kemudian pagi pun datanglah dengan megahnya, dengan indahnya.	H: 170 P: 269

3. Mengugurkan peristiwa-peristiwa sampingan. Peristiwa-peristiwa sampingan ialah peristiwa tambahan yang menerangkan sesuatu keadaan dengan lebih lanjut. Penguguran peristiwa-peristiwa ini tidak menjejaskan perjalanan cerita. Penguguran peristiwa-peristiwa sampingan terdapat dalam jadual 22.

Jadual 22

*Proses Mengugurkan Peristiwa-peristiwa Sampingan*

Bil.	Ayat	Perenggan	Peristiwa-peristiwa yang digugurkan	Halaman (H) / Proses (P)
1.	17	7	Dan dapatlah dirasakan betapa beratnya kami untuk membuka mata.	H: 109 P: 28
2.	27	10	Dan tentu sahaja dengan nyawa masing-masing pula.	H: 112 P: 45
3.	72	25	Waktu <i>kahwin</i> dengan Sarjan Mansor, dia baharu sahaja lepas dari <i>idahnya</i> .	H: 124 P: 98
4.	73	25	Menurut cerita kawan-kawan kami, perkahwinannya dengan	H: 124 P: 99

			Sarjan Mansor ini didahului dengan perkenalan mesra dan rapat sekali.	
5.	95	32	Suaranya sedemikian perlahan sehingga mati di pertengahan jalan ke telinga orang-orang lain yang agak jauh sedikit duduknya.	H: 130 P: 126
6.	108	38	Dan mereka, seperti orang-orang yang sabar dan sopan, dengan tenang membuka pintu kenderaan masing-masing dan masuk dengan senyap membenamkan dirinya dalam perut kenderaannya.	H: 135 P: 144
7.	120	40	Tetapi suara-suara itu cepat disambar lalu ditelan oleh bunyi kenderaan yang bergemuruh itu dan tidaklah sempat mencari telinga para <i>drebar</i> .	H: 139 P: 159
8.	140	44	yang hanya satu itu untuk kehidupan seluruh keluarganya, untuk keluarganya.	H: 145 P: 183
9.	144	46	Ah, kami hanyalah jentera-jentera yang akan berjalan hanya apabila ditekan pesawat-pesawatnya sahaja.	H: 147 P: 187
10.	213	66	Bentuknya empat segi, panjangnya kira-kira sekaki setengah dan mempunyai alat penerima dan penghantar.	H: 169 P: 263
11.	225	72	Hanya itu sahaja	H: 172 P: 277

4. Menggugurkan contoh-contoh. Menggugurkan contoh-contoh yang terlampau rinci. Contoh-contoh yang terlampau rinci ini boleh menyebabkan rasa bosan untuk membaca. Contoh-contoh yang digugurkan boleh didapati dalam jadual 23 di halaman sebelah.

## Jadual 23

*Proses Menggugurkan Contoh-contoh*

Bil.	Ayat	Perenggan	Contoh-contoh yang digugurkan	Halaman (H) / Proses (P)
1.	96	33	dan tenggelam dan hilang, seperti terbenam ke bumi	H: 130 P: 127
2.	204	62	antara dahan-dahan, ranting-ranting, akar-akar, dan daun-daun kayu di	H: 166 P: 254

5. Menggugurkan penerangan yang panjang. Penerangan yang panjang ini mengelirukan lagi jalan cerita bagi pembaca muda. Selain itu, penerangan yang panjang mempunyai makna yang sama dengan frasa atau perkataan sebelumnya. Ini kerana tanpa kehadirannya tidak menjejaskan perjalanan cerita. Penerangan-penerangan yang digugurkan terdapat dalam jadual 24.

## Jadual 24

*Proses Menggugurkan Penerangan yang Panjang*

Bil.	Ayat	Perenggan	Penerangan-penerangan yang digugurkan	Halaman (H) / Proses (P)
1.	1	1	dan juga dalam keadaan yang begitu senang dengan mimpi-mimpi yang indah sebagai hasil dari bayangan angan-angan sewaktu akan tidur	H: 102 P: 1
2.	3	2	tempat tidur yang biasa digunakan oleh orang-orang Syaikhah	H: 103 P: 3
3.	41	14	yang bermata juling-juling air dengan hidungnya sedikit bongkok seakan-akan hidung orang Arab,	H: 117 P: 62
4.	48	15	ataupun mengenang kembali kejadian-kejadian yang	H: 118 P: 70

			dialaminya malam tadi	
5.	74	25	rumah Tuan Imam untuk diijabkabulkan.	H: 124 P: 100
6.	75	26	dan sempurna sebagaimana ibu kandung yang sejati.	H: 125 P: 101
7.	82	28	kerana kawan-kawan kami banyak juga yang bernama Mahmud.	H: 127 P: 113
8.	93	31	kemudian menghela nafas panjang,	H: 129 P: 124
9.	98	34	pesawat menurut kemahuan penekan pesawat itu, berjalan seperti bisa, tiada berubah-ubah dan langsung tidak berjiwa untuk memberikan sesuatu bentuk yang lain dari kemahuan penekan pesawat itu tadi.	H: 131 P: 130
10.	102	36	tidak jauh dari padang bola yang lebih selalu digunakan untuk berbaris dan berlatih secara ketenteraan daripada untuk sukan	H: 133 P: 136
11.	104	37	kecil yang tercegat berdiri dengan empat kakinya itu	H: 134 P: 139
12.	106	37	Hanya orang-orang yang ketinggalan dan juga	H: 134 P: 141
13.	107	38	rumah pasung kami - berlunggang tenang	H: 135 P: 143
14.	115	39	senasib, sepehidupan dan sekeluarga makhluk yang mencari nafkah dari satu sumber dan memakan makanan yang sejenis pula.	H: 137 P: 152
15.	117	40	mencucuk tubuh kami hingga ke tulang-tulang.	H: 138 P: 155
16.	118	40	terus-menerus	H: 138 P: 156
17.	121	41	yang botak puncaknya, dan yang penuh bertatahkan	H: 140 P: 160
18.	127	42	yang waktu kami kecil	H: 142

			dahulu mendendangkan kami, yang waktu kami kecil dahulu mendendangkan kami wajah dan kenangan kami.	P: 168
19.	145	46	yang akan kami tembak atau yang akan menembak kami nanti, kerana semuanya tidak pernah menjadi fikiran kami, tidak pernah kami kenang-kenang sebelumnya.	H: 147 P: 188
20.	186	56	Dalam saat-saat seperti begini pun Wak Berahim masih berguna, masih boleh dikerah untuk memasuki perkampungan pekebun sayur, masuk ke hutan-hutan untuk membunuh ataupun dibunuh oleh orang-orang yang tidak pernah dimusuhi dalam seluruh hayatnya,	H: 159 P: 233
21.	191	57	mungkin sudah bujang dan sudah lulus sekolah Melayu.	H: 161 P: 239
22.	192	57	atau biasanya akan berkhidmat, pula -, dan melanjutkan sejarah hidup	H: 161 P: 240
23.	193	57	Dan jika anak itu, sekadarnya menulis membaca, dan tiga puluh juz	H: 161 P: 242
24.	212	65	(Woki-toki (walkie-talkie) ialah sejenis alat telefon yang tidak menggunakan tali.	H: 168 P: 262
25.	220	70	dengan luka-lukanya, membawa dan dengan darah- darahnya	H: 170 P: 270

6. Memberi penerangan umum kepada penerangan yang panjang. Penerangan berkaitan sesuatu peristiwa yang panjang telah diberi penerangan secara umum sahaja. Contoh-contoh

penerangan panjang yang diberi penerangan umum boleh didapati dalam jadual 25.

Jadual 25

*Proses Memberi Penerangan Umum kepada Penerangan yang Panjang*

Bil.	Ayat	Perenggan	Penerangan yang panjang	Penerangan Umum	Halaman (H) / Proses (P)
1.	74	25	rumah Tuan Imam untuk dijabkabulkan.	berkahwin	H: 124 P: 100
2.	106	37	ternganga ke langit itu.	tidak berbumbung	H: 134 P: 142
3.	119	40	makian-makian dan sumpah yang kasar dan kurang sopan.	marah	H: 139 P: 157
4.	121	41	Sewaktu terdengar kokok ayam di perkampungan pekebun-pekebun sayur Tionghoa di kaki sebuah bukit yang botak puncaknya,	Setelah subuh	H: 140 P: 161
5.	154	49	ibu, abang, adik, dan kakak.	ahli keluarga	H: 150 P: 197
6.	194	57	Sampai jodoh pertemuannya	berkahwin	H: 162 P: 243
7.	224	72	Pernyataan dukacita yang amat sangat	Ucapan takziah	H: 172 P: 276

7. Menggugurkan penggunaan frasa yang lewah. Dalam cerpen ini terdapat banyak frasa yang lewah. Kehadiran frasa ini hanya sebagai penyedap bunyi, dan penggugurannya tidak

menjejaskan kandungan cerita. Frasa yang lewah tersebut terdapat dalam jadual 26.

Jadual 26

*Proses Menggugurkan Frasa yang Lewah*

Bil.	Ayat	Perenggan	Frasa-frasa lewah yang digugurkan	Halaman (H) / Proses (P)
1.	4	3	yang tegang berenjut-enjut itu dan pada malam hari sewaktu menghilangkan lelah	H: 104 P: 6
2.	5	3	yang berperutkan dan yang kami musuhi	H: 105 P: 8
3.	10	4	Barisan katil-katil kami itu dan	H: 107 P: 17
4.	14	5	atau merasa malas untuk bangun.	H: 108 P: 24
5.	16	6	yang dinyalakan oleh pengawal malam itu,	H: 109 P: 26
6.	18	7	itu meloncat-loncat dalam perasaan kami.	H: 109 P: 30
7.	19	7	Tidak seorang pun!	H: 109 P: 31
8.	24	9	dan kemudian mencucuk-cucuk kulit kami dan langsung rasanya sampai ke tulang.	H: 111 P: 40
3.	Derita Pertama	Suhaimi Haji Muhamad
4.	Jalan-jalan Raya Kotaku	Zam Ismail
5.	Manusia dan Kesejahteraan	Salmi Manja
6.	Pembeli Masa Sudah	T. Alias Taib

## Tingkatan 5

Bil.	Judul	Pengarang
1.	Tukang Gunting	T. Alias Taib
2.	Keindahan yang Hilang	Shamsuddin Jaapar
3.	Di Kota Kecilku	Baha Zain
4.	Sejarah Melayu	Muhammad Hj. Salleh
5.	Duhai Pentafsir	Zurinah Hassan
6.	Di Ruang Gemanya	Dharmawijaya

## Puisi Tradisional

## Tingkatan 1

Bil.	Judul
1.	Pantun Dua Kerat
2.	Pantun Budi
3.	Pantun Kanak-kanak
4.	Syair Badrul Zaman
5.	Syair Ken Tambuhan
6.	Syair Menyambut Pelajaran

## Tingkatan 2

Bil. Judul

1. Pantun Perpisahan
2. Pantun Joget Pahang
3. Pantun Teka-teki (Iladam)
4. Syair Pesanan Ibu
5. Syair Nur Alam Shah Lela Putra
6. Syair Mungkir Janji

## Tingkatan 3

Bil. Judul

1. Pantun Budi
2. Pantun Mengenang Nasib
3. Pantun Peribahasa
4. Syair Cnta Alam Sekitar
5. Syair Yatim Nestapa
6. Syair Tenaga Pemuda

## Tingkatan 4

Bil. Judul

1. Pantun Nasib
2. Pantun Kiasan
3. Syair Pembunuhan Angreni
4. Syair Dandan Setia dan Intan Terpilih
5. Gurindam Baris Hadapan
6. Seloka Pak Kadok

## Tingkatan 5

Bil. Judul

1. Pantun Enam Kerat
2. Pantun Lapan Kerat
3. Syair Jong Pecah
4. Syair Kelebihan Ilmu
5. Gurindam Memelihara Anggota dan Hati daripada Kejahatan
6. Seloka Pandai Pak Pandir

## Prosa Tradisional

## Tingkatan 1

Bil. Judul

1. Lebai Malang (Jenaka)
2. Tujuh Puteri Turun ke Dunia (Penglipur lara)
3. Susur Galur Asal-usul Negeri Melaka (Pensejarahan)
4. Keberanian Lima Bersaudara (Epik)

## Tingkatan 2

## Bil. Judul

1. Pak Kadok
2. Puteri Besar Lahir ke Dunia
3. Puteri Buluh Betung
4. Cerita Kera dengan Buaya

## Tingkatan 3

## Bil. Judul

1. Pak Belalang
2. Hang Tuah Mengalah Tamingsari
3. Raja Bersiung
4. Patung Kencana dari Kuripan

## Tingkatan 4

## Bil. Judul

1. Cerita Bayan Tiada Menurut Kata Ibu Bapanya
2. Peminangan Puteri Gunung Ledang
3. Pertarungan Jebat dan Tuah
4. Sikap Terburu-buru Akan Membawa Padah

## Tingkatan 5

## Bil. Judul

1. Sabor
2. Kezaliman Membawa Padah
3. Asal-usul Raja Kecil
4. Kepahlawanan Tun Berahim Bapa

Sumber: Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2000

SENARAI TEKS KOMPONEN SASTERA YANG  
DITULIS OLEH SASTERAWAN NEGARA

	Nama	Judul	Genre
1.	A. Samad Said	Di Hadapan Pulau	Novel
2.	Abdullah Hussain	Konserto Terakhir	Novel
3.	A. Samad Said	Di Sisi Rinda	Cerpen
4.	Usman Awang	Serunai Malam	Drama
5.	Kala Dewata	Titik-titik Perjuangan	Drama
6.	Noordin Hassan	Jangan Bunuh Rama-rama	Drama
7.	Usman Awang	Mata Ayah	Sajak
8.	A. Samad Said	Seuntai Kata Untuk Dirasa	Sajak



CERPEN *KAMI yang TERLIBAT*

Versi cerpen yang asal.

Penjaga malam dengan kasarnya membangunkan kami yang sedang lenyak tidur dan juga dalam keadaan yang begitu senang dengan mimpi-mimpi yang indah sebagai hasil dari bayangan angan-angan sewaktu akan tidur.

Tempat kediaman kami merupakan sebuah bangsal panjang yang dibuat daripada kayu, berdindingkan papan dan beratapkan genting. Dalam bangsal itulah berderet-deret dua barisan tempat tidur yang biasa digunakan oleh orang-orang Syaikah, iaitu katil-katil kayu berkaki empat yang disirat dengan tali-tali keras dan kasar yang sebesar jari kelengkeng selembur.

Di katil yang tegang berenjut-enjut itu kami bentang tikar mengkuang dan kemudian di situlah kami membenamkan diri pada malam hari sewaktu menghilangkan lelah sekembali dari *duty* (meronda dengan basikal atau berjalan kaki atau mengenderai jip ataupun mengembara di hutan-hutan dan di belukar-belukar tebal dan langsung memasuki perkampungan pekebun-pekebun sayur). Katil-katil yang berperutkan tali-tali kasar itu adalah tempat kediaman menyenangkan bagi pijat-pijat - binatang penghisap darah yang amat kami musuhi. Malah kadang-kadang ia akan menurut kami ke mana-mana dengan diam-diam bersembunyi di kelipat-kelipat baju kami. Dan dalam keadaan yang tidak kami sedari ia menggigit kami, menghisap darah kami dengan lahapnya melalui

mulutnya yang kecil dan tajam itu. Kemudian badannya akan besar dan merah, seperti biji saga, berisi darah kami. Bila badan itu dapat ke tangan kami, dia akan pecah kami picit, lalu bau yang memuakkan dari tubuhnya kami cium dengan rasa yang kurang senang.

Barisan katil-katil kami itu dan keadaan *barrack* tempat kami tinggal itu, samalah seperti keadaan sebuah hospital. Katil-katil beratur panjang dua baris dan di tengahnya kami jadikan jalan lalu-lalang. Bila malam hari keadaan itu sungguh-sungguh seperti sebuah *ward* hospital kelas tiga.

Pengawal malam datang mengejutkan kami dengan teriakan-teriakan yang mengganggu. Kakinya yang berat dengan sepatu polis itu menendang-menendang kaki-kaki katil kami kalau sekiranya kami lambat juga atau merasa malas untuk bangun.

"Bangun, bangun, oi...!" teriaknya, sambil memukul-mukulkan tongkatnya ke kaki katil-katil kami. Mata kami yang hanya beberapa jam sahaja tadi terpejam itu merasa pedih sewaktu menentang silau lampu yang dinyalakan oleh pengawal malam itu, meskipun kekuatan lampu itu hanya dua puluh lima watt sahaja. Dan dapatlah dirasakan betapa beratnya kami untuk membuka mata. Dahi-dahi kami berkerut dan rasa tak senang kepada pengawal itu meloncat-loncat dalam perasaan kami. Tetapi tidak seorang pun yang membantah perbuatan itu. Tidak seorang pun!

Siapakah yang akan membantah? Hal ini adalah biasa sahaja bagi kami - kejadian biasa yang kami alami semenjak menjadi anggota polis yang terlatih dengan disiplin-disiplin kepolisan.

Malah kalau sampai giliran kami berkawal malam hari, akan kami lakukan demikian pula - sama sahaja.

Di luar berlegar-legar udara sejuk. Kemudian berkinja-kinja ia memasuki *barrack* kami dan kemudian mencucuk-cucuk kulit kami dan langsung rasanya sampai ke tulang.

\* \* \*

Sewaktu *roll-call* malam tadi (kami *roll-call* setiap pukul sembilan malam) kami telah menerima perintah bahawa pukul dua pagi nanti kami dikehendaki berada di rumah pasung. Kami diperintahkan memakai pakaian hutan, dengan senjata masing-masing. Dan tentu sahaja dengan nyawa masing-masing pula.

Setelah habis *roll-call* saya memenuhi botol air saya dengan kopi 'O' - pekat dan manis - dan membeli beberapa bungkus rokok "Rough Rider". Bukan tidak biasa kami keputusan rokok di hutan. Dan waktu itu seluruh mata kami jadi layu. Bila di antara kami ada kelihatan asap halus mengepul-ngepul di udara, meruncing dan menghilang dibungkus angin, maka kami akan menyerbu ke arah asap itu datang. Penghisap rokok yang selama ini menjimatkan dan menyembunyikan bekalannya itu terpaksa menyerah diri membiarkan bibir-bibir kami menyedut nikmat candu rokok itu dengan panjang dan lama.

Kami sudah berkumpul di rumah pasung. Berlongok-longgoklah mereka yang berpakaian seragam warna hijau daun. Berkepul-kepullah asap yang berbuai-buai berayun di keliling kepala mereka yang terbenam ke perut topi hijau yang lembut. Dan senjata-senjata mereka dipegang. Bercerancangan senjata-senjata itu condong tegak dengan mulutnya terdedah ke atas.

Tidak seorang pun antara kami yang bercerita tentang pemergian kami subuh-subuh itu. Malahan kami sendiri tidak mengetahui ke mana akan pergi, hutan mana yang akan dijelajah, belukar mana yang akan ditempuh dan orang mana yang akan ditangkap atau akan ditewaskan dengan senjata yang ada di tangan kami itu.

"Pukul berapa kau balik tadi Dol?" Seorang kawan yang bermata juling-juling air dengan hidungnya sedikit bongkok seakan-akan hidung orang Arab, bertanya ramah kepada kawannya.

"Pukul sebelas. Tak ada can baik semalam. Duduk dalam *park* sahaja, tetapi orang ramai. Janda yang kita tengok malam kelmarin aku jumpa lagi?" kawannya menjawab. Kemudian ia menyandarkan kepalanya ke tiang batu yang sepemeluk besarnya di belakangnya. Matanya memandang kosong jauh ke depan. Barang-kali dia mengulang-ulang kembali wajah janda yang dilihatnya ataupun mengenang kembali kejadian-kejadian yang dialaminya malam tadi.

"Habis...?" kawan yang bertanya itu melanjutkan.

"Ah, orang putih bawa dia. Lagaknya pun bukan main lagi. Tengok kita pun tak mahu. Fikirnya dia sudah jadi mem."

"Orang putih sojar, hah?"

"Aku tak tahu. Dia pakai preman. Hah, janda itu, bukan main. Dia sudah pandai minum *beer*, tahu!"

"Janda yang mana, ni? Suara baharu menyampuk perbualan itu.

"Si Yam ...lah! Janda Cik Mansor yang mati kena tembak dahulu itu!"

"Sarjan Mansor itu? Yang tukar dari depot Kuala Lumpur itu?"

"Yalahhh!"

Dan saya teringat kepada nama itu, kepada orangnya juga.

Sarjan Mansor bertukar ke rumah pasung kami kira-kira dua tahun yang lalu. Enam bulan yang lalu - setelah tahun 1948 - dia mati dalam suatu pertentangan senjata dengan orang-orang di hutan. Isterinya yang muda dan bersumbi dua itu balik ke kampungnya di Sungai Udang, Melaka. Tetapi beberapa bulan kemudian dia sering kelihatan di bandar dan sewaktu malam dia selalu berjalan-jalan di City Park (sebuah taman hiburan di Melaka). Dia berjalan bersama seorang anak kecil tetapi bukan anaknya. Dia seorang isteri yang mandul. Sudah dua kali dia kahwin. Waktu kahwin dengan Sarjan Mansor, dia baharu sahaja lepas dari idahnya. Menurut cerita kawan-kawan kami, perkahwinannya dengan Sarjan Mansor ini didahului dengan perkenalan mesra dan rapat sekali. Perhubungan yang erat rapat ini lalu membawa mereka ke rumah Tuan Imam untuk diijabkabulkan.

Sarjan Mansor mempunyai dua anak dengan isterinya yang pertama. Tetapi semenjak isterinya itu meninggal dunia setelah sekian lama menghidap penyakit batuk kering, kedua-dua orang anaknya itu diambil oleh neneknya (ibu Sarjan Mansor) untuk dipelihara dan disekolahkan. Kononnya ibunya itu tidak percaya Sarjan Mansor dapat mendidik anaknya dengan betul, apalagi kalau kelak dia sudah beristeri baharu, anak-anak itu akan beribu tiri tidak dapat dipercayai untuk mendidik dan mengurus anak-anak

tirinya dengan baik dan sempurna sebagaimana ibu kandung yang sejati.

"Aku sudah bawa dia dahulu. Badannya bagus, katanya dia mahu simpan duit banyak-banyaknya, kemudian akan membeli tanah sawah. Bila dia tua kelak dia bekerja di sawah sendiri. Senang dan boleh hidup."

Demikian suara baharu tadi berkata tenang. Namanya Mahmud, berbadan gemuk pendek, sehingga kerana itu dia kami panggil "Mahmud Gemuk" sahaja, kerana kawan-kawan kami banyak juga yang bernama Mahmud. Selalunya dialah yang membawa *bren-gun* bila kami mengembara ke hutan-hutan.

"Ayahnya dahulu ada sawah, tetapi sudah digadaikan kepada ceti. Katanya masa itu musim meleset, kemarau dan sawah tak menjadi. Sekarang sudah lesaplah sawah itu, pindah ke tangan ceti. Tetapi Si Yam itu memang manis ...lah! Kalau dia ketawa ada lesung pipit."

Mahmud ketawa senang.

Dol yang mula-mula membawa cerita itu merasa kalah. Dia yang seharusnya mendahului Mahmud Gemuk. Dia yang seharusnya "membawa Yam", apalagi dia lebih kanan daripada Mahmud, tentu gajinya lebih besar daripada Mahmud. Matanya terkebil-kebil dan kemudian menghela nafas panjang, melepaskan sesuatu keluhan yang berat.

'Suatu hari aku juga dapat,' bisik Dol sendirian. Suaranya sedemikian perlahan sehingga mati di pertengahan jalan ke telinga orang-orang lain yang agak jauh sedikit duduknya.

Akhirnya suara perbualan itu hilang dan tenggelam dan hilang dengan tiba-tiba seperti terbenam ke bumi.

Ketua-ketua kami datang dan memerintahkan kami berkumpul menurut pasukan masing-masing. Perintah itu begitu tajam dan berkesan sehingga kami menjadi seperti sebuah jentera yang apabila ditekan saja pesawatnya - pesawat menurut kemahuan penekan pesawat itu, berjalan seperti biasa, tiada berubah-ubah dan langsung tidak berjiwa untuk memberikan sesuatu bentuk yang lain dari kemahuan penekan pesawat itu tadi.

Kami sendiri kurang mengerti mengapa benar kami begitu patuh, takut dan sentiasa hormat kepada perintah-perintah itu dan kepada diri ketua-ketua itu sendiri. Tetapi kadang-kadang ada juga terasa terselit suatu perasaan yang disebut benci yang menampar-nampar hati dan perasaan kami sehingga ketua-ketua itu - terutama yang selalu membentak-bentak kami - kami anggap sebagai musuh yang tidak kami harapkan tinggal dan nampak di hadapan kami.

Keriuhan-keriuhan timbul semula, muncul seperti kapal raksasa yang besar menonjol dari permukaan bumi. Kami diperintah menaiki kenderaan yang kaku berdiri di perkarangan rumah pasung itu, tidak jauh dari padang bola yang lebih selalu digunakan untuk berbaris dan berlatih secara ketenteraan daripada untuk sukan.

Masing-masing merebutkan kenderaan yang dianggap baik dan bagus. Van Ford yang bentuknya seakan-akan sebuah bas kecil yang tercegat berdiri dengan empat kakinya itu dikerumuni dan kami masing-masing berebutan memanjatnya seperti kera dikejar

manusia. Demikian juga jip yang dua buah itu menjadi rebutan kami. Hanya orang-orang yang ketinggalan dan juga orang-orang yang tidak begitu gemar berebutan sahajalah yang dengan tenang memeluk senapangnya menuju lori tiga tan yang besar dan ternganga ke langit itu.

Beberapa saat kemudian kelihatanlah ketua-ketua kami termasuk seorang orang putih, O.C.P.D. rumah pasung kami - berlenggang tenang menuju kenderaan masing-masing. Dan mereka, seperti orang-orang yang sabar dan sopan, dengan tenang membuka pintu kenderaan masing-masing dan masuk dengan senyap membenamkan dirinya dalam perut kenderaannya.

Perjalanan kami mula-mula melalui jalan-jalan raya bandar yang sekarang sepi. Seorang dua orang yang berpakaian kotor dan koyak rabak melintasi jalan raya dan membongkar-bongkar tong-tong sampah. Mereka mengeluarkan semua isinya lalu mencari sesuatu. Jalan raya itu menjadi kotor dengan sampah bersepah-sepah yang dikeluarkannya dari tong-tong itu. Beberapa ekor anjing kelihatan juga turut menyelongkar tong-tong sampah itu dan menyondong-nyondongkan muncungnya kepada longgokan-longgokan sampah yang sudah dikeluarkan oleh orang-orang itu. Binatang-binatang itu begitu kurus sehingga tubuhnya kelihatan menjadi panjang. Dan antara orang-orang yang kurus-kurus dan berbaju kotor dan koyak-koyak dengan anjing-anjing itu seolah terikat suatu tali nasib yang sama - senasib, sepehidupan dan sekeluarga makhluk yang mencari nafkah dari satu sumber dan memakan makanan yang sejenis pula.

Suara kenderaan kami yang bertali-tali dan berdengung-dengung keluar dari kepalanya itu memecah sunyi dinihari dan cahaya lampu-lampunya membelah kegelapan yang menyerkup jalan raya yang memisahkan hutan-hutan belukar seberang-menyeberangnya. Udara yang amat sejuk mencucuk tubuh kami hingga ke tulang-tulang. Angin yang deras menampar-nampar muka kami terus-menerus. Hentakan-hentakan dan enjutan-enjutan kenderaan kami oleh jalan yang lekuk-lekuk itu, menyebabkan badan kami selalu berhantukkan, dan kerana itu terdengarlah makian-makian dan sumpah yang kasar dan kurang sopan. Tetapi suara-suara itu cepat disambar lalu ditelan oleh bunyi kenderaan yang bergemuruh itu dan tidaklah sempat mencari telinga para drebar.

\* \* \*

Sewaktu terdengar kokok ayam di perkampungan pekebun-pekebun sayur Tionghoa di kaki sebuah bukit yang botak puncaknya, kami sudah berjalan membelah hutan kecil yang penuh bertatahkan embun. Pada waktu itu - seperti selalu - kami bersenyap-senyap dan bersedia-sedia sahaja. Senjata sudah kami *load*. Hati kami berdedar-debar dan segala bunyi di sekeliling kami didengar dan diawasi dengan teliti.

Kadang-kadang terasa kesayuan yang amat jauh di sudut hati kami. Kesayuan itu sungguh mendalam oleh kenangan dan ingatan kepada orang-orang yang selalu hidup di keliling kami dan yang kami kasihi. Wajah ibu yang waktu kami kecil dahulu mendendangkan kami, wajah abang-abang, adik-adik atau kakak-kakak kami yang selalu menjadi kawan bertengkar, tetapi antara kami tersimpul persaudaraan yang kasih, menonjol-nonjol dalam

ingatan dan kenangan kami. Kebaikan-kebaikan merekalah yang terbayang di ruangan mata kami. Kerana itu pula kami memikirkan bagaimanakah kalau kami mati di tengah hutan ini, atau bagaimanakah mereka yang akan kami tinggalkan.

Dan kerinduan mendakap rapat ke hati kami, memeluk seluruh perasaan kami dengan kesayuan-kesayuan yang mendalam.

'Kalau aku mati, anak-anakku menjadi yatim. Biniku jadi janda. Mereka harus menanggung beban hidup yang berat ini. Biniku akan memikul bebannya yang berat dan besar. Ia mencari nafkah hidupnya, nafkah anak-anaknya. Barangkali anak-anakku akan berjaja kuih. Barangkali isteriku akan menangis teresak-esak. Ah, Tuhan, jauhkanlah dia dari godaan dunia, jauhkanlah dia dari lembah yang hina, menjual dirinya sendiri kepada orang lain. Oh, Tuhan Yang Maha Pengasih, selamatkanlah mereka...'

Demikianlah barangkali fikiran dan doa yang sedang direka dan dibayangkan dalam kepala kawan-kawan kami yang sekarang mempertaruhkan jiwa, memperjudikan nyawanya, yang hanya satu itu untuk kehidupan seluruh keluarganya, untuk keluarganya. Tidak ada yang lain lagi. Dan apabila mereka mati, maka kematian itu semata-mata untuk isteri dan untuk anak-anaknya!

Meskipun orang menyatakan bahawa kami sedang berjuang untuk membela tanah air, ataupun apabila kami mati dikatakan kami "gugur sebagai bunga bangsa" tetapi pada saat seperti sekarang ini, sewaktu kami mempertaruhkan jiwa kami ini, fikiran kami, seluruh kenangan kami diisi oleh orang-orang yang paling dekat hidupnya dengan kami - ibu-ibu, saudara-mara ataupun isteri dan anak-anak.

Ah, kami hanyalah jentera-jentera yang akan berjalan hanya apabila ditekan pesawat-pesawatnya sahaja. Kami sendiri tidak tahu siapalah orang-orang yang akan kami tentang, yang akan kami tembak atau yang akan menembak kami nanti, kerana semuanya tidak pernah menjadi fikiran kami, tidak pernah kami kenang-kenang sebelumnya. Kami dengan tiba-tiba sahaja bermusuh dengan mereka dan kemudian saling membunuh, saling tewas!

Malam merangkak-rangkak memanjat waktu. Dinihari sudah berat oleh embun. Pasukan kami berjalan terus.

Tiba-tiba sahaja terdengar bunyi tembakan-tembakan yang hebat dari dua jurusan - dari kanan dan kiri kami. Serangan yang tiba-tiba itu menyebabkan kami gugup. Masing-masing merebahkan diri ke tanah dan menerkam ke perdu-perdu pohon mencari perlindungan.

Kemudian terjadilah peperangan kecil yang hebat. Dalam waktu yang genting itu tidak ada yang kami ingat; tak tergambar wajah ibu, abang, adik, dan kakak. Tidak juga terbayang batu nisan atau jenazah kami sedang diusung dengan kebesaran, dialukan dengan tembakan beberapa das. Kami hanya menembak terus-menerus. Peluru-peluru terbang silang siur dengan senangnya menembus daun-daun kayu, membelah dahan-dahan atau membenamkan dirinya ke tanah. Tak ada rasa takut pada hati kami.

Tiba-tiba tembakan-tembakan dari pihak lawan mati - mati dengan mengejut. Berikutnya kami pula mematikan tembakan.

Di langit yang suram yang kelihatan sebahagian kerana diadangi oleh daun-daun kayu itu kelihatan bintang-bintang dinihari menjelang subuh yang pudar cahayanya. Bintang-bintang

itu seperti tersenyum kepada kami yang bertembak-tembakan dan berbunuh-bunuhan di bawah lengkungan langit itu.

Segumpalan awan kelihatan bergerak dengan malasnya.

Lima ela dari tempat saya mendakap tanah lembap di pangkal sebatang pohon yang sepemeluk besarnya, kelihatanlah Dol tertiarap dengan tangan kanannya menekup rusuk kirinya. Tidak jauh daripadanya kelihatan pula Wak Berahim terlentang. Senapangnya ikut terbaring di sebelahnya. Itulah yang saya lihat - yang dapat saya lihat dalam suasana yang samar-samar antara dinihari menjelang subuh. Begitupun belum ada di antara kami yang berani berdiri. Berdiri dalam keadaan yang demikian bererti mendedahkan tubuh kepada sasaran peluru. Malah kami masih menahan nafas, seolah-olah takut kalau-kalau nafas kami itu didengar oleh orang lain.

Kesayuan mulai terasa lagi. Dia datang bersama embun tebal. Tapi kali ini kesayuan itu berjengket-jengket di jantung kami yang berdebar. Betapa nasib Dol, anak muda yang kurus tinggi itu, yang malam tadi masih bergerang-gerang menceritakan pengalamannya dengan membawa Si Yam dan berhasrat untuk "membawa" janda itu?

Bagaimana pula nasib Wak Berahim yang telentang itu? Dia sudah tua. Umurnya barangkali sebaya dengan ayahku. Sudah lama dia berkhidmat sebagai seorang mata-mata. Mata-mata tua - itulah gelaran yang selalu digiatkan oleh kami-kami yang muda ini. Orang-orang yang jauh lebih muda daripadanya, yang oleh kerana ilmunya dan persekolahannya mahir berbahasa Inggeris, setelah setahun sahaja berkhidmat sudah menjadi Inspektor. Dengan

demikian mereka selalu menengking-nengking Wak Berahim: "Mata-mata tua, tidak tahu kerja! Bodoh! Balik kampung lagi baik! Dan kata-kata dengan bentakan yang kasar keras seperti itu sudah biasa benar bagi Wak Berahim. Dia diam dan menundukkan kepalanya. Dan meskipun hatinya merasa amat sedih diperlakukan oleh orang-orang yang jauh lebih muda daripadanya, namun Wak Berahim tetap taat dalam pekerjaannya. Jika berkawal di pintu bangunan rumah Residen misalnya, Wak Berahim berkawal dengan baik dan taat, berdiri selama empat jam atau berjalan ulang-alik memanggul senapangnya dengan penuh disiplin seorang polis.

Dalam saat-saat seperti begini pun Wak Berahim masih berguna, masih boleh dikerah untuk memasuki perkampungan pekebun sayur, masuk ke hutan-hutan untuk membunuh ataupun dibunuh oleh orang-orang yang tidak pernah dimusuhi dalam seluruh hayatnya, meskipun enam bulan lagi - menurut jangka biasa bagi khidmat seorang polis - dia akan bersara dan mendapat cuti panjang selama tiga bulan dengan gaji penuh.

Bersara bagi seorang mata-mata tua seperti Wak Berahim adalah puncak kegembiraan dalam seluruh perkhidmatannya. Dia akan pulang ke kampungnya bersawah padi ataupun berladang. Hasil gajinya setiap bulan dijimati-jimatkannya dan setelah bertahun-tahun dibelinya sebidang tanah ladang atau tanah bendang. Kepada tanah inilah khidmatnya akan dicurahkan dalam usianya seperti sekarang ini. Anak-anaknya pun sudah besar, mungkin sudah bujang dan sudah lulus sekolah Melayu. Mereka akan mencari pekerjaannya sendiri atau biasanya akan berkhidmat sebagai askar ataupun sebagai mata-mata pula - mengambil warisan melanjutkan sejarah

hidup ayahnya. Dan jika anak itu perempuan, pastilah dia telah menjadi gadis, sudah pula berlepas sekolah, telah tahu sekadarnya menulis membaca, sudah khatam mengaji *Qur'an* tiga puluh juz. Tak lama lagi lepaslah dari tanggungan ayah bonda bila telah sampai jodoh pertemuannya.

Begitu bahagia dan sederhana rancangan-rancangan hidup Wak Berahim yang kebetulan mempunyai anak tiga orang - yang tua lelaki sudah ikut dalam pemilihan calon mata-mata baharu. Yang tengah, perempuan, sudah gadis remaja dan telah pun bertunangan dengan anak muda sekampungnya. Perkahwinan mereka dijangka setelah Wak Berahim bersara. Yang bongsu seorang perempuan juga, kini sedang meningkat gadis sunti.

Ah, saya pandang lagi tubuh Wak Berahim yang sudah kaku itu.

Fajar menjengah wajahnya dari tirai langit sebelah timur. Wajah-wajah yang kuning merah itu ditabiri awan yang berkelompok-kelompok.

Hujung pucuk pohon-pohon di puncak bukit itu kelihatan seperti dicecah awan dan disaluti warna merah kuning. Angin mengembara perlahan-lahan dari puncak bukit dan turun bermain di daun-daun kayu dan kemudian merendah ke tanah mengusik-usik kami yang masih meniarap.

Ketika itulah Sarjan Rais bersama Mahmud Gemuk - pembawa bren-gun dalam pasukan kami - datang menyusup-nyusup di antara dahan-dahan, ranting-ranting, akar-akar, dan daun-daun kayu di hutan itu. Nafasnya turun naik.

Sambil berlutut dia memanggil kami yang bertebaran di pangkal-pangkal pohon itu untuk berkumpul. Kemudian dengan suara gugup dan putus-putus kerana lelahnya dia berkata:

"Kita bertembak dengan *Jungle Squad* yang masuk dari sebelah atas. Koperal Limat mati. Dua lagi luka. Baik juga kita lekas dengar dari woki-toki."

(Woki-toki (walkie-talkie) ialah sejenis alat telefon yang tidak menggunakan tali. Bentuknya empat segi, panjangnya kira-kira sekaki setengah dan mempunyai alat penerima dan penghantar.

"Kita sama kita bertembak." Dan mengulang lagi dengan suara penuh kesal. Kemudian terdengar keluhnya yang berat. Kami ikut mengeluh dan menghela nafas dengan seribu perasaan yang berkecamuk di dada.

Hujung malam sudah habis ditelan waktu yang berlalu dengan diam-diam.

Kemudian pagi pun datanglah dengan megahnya, dengan indahnyanya.

Kami berangkat pulang membawa mayat-mayat dengan lukalukanya, membawa rakan-rakan yang cedera dengan darah-darahnya.


Semua kegembiraan yang kami bawa sewaktu datang tengah malam tadi telah hilang. Segala keriuhan yang mengikuti kami itu pun telah pun pergi pula, pergi dan hilang bersama roh sahabat-sahabat dan rakan-rakan kami yang sekarang ini kami bawa jasadnya. Mereka mati di tangan kami sendiri, oleh senjata peluru kami yang diberikan kepada kami untuk membunuh orang lain - orang-orang yang tidak kami kenali.

Apabila kejadian ini diberitakan, maka semua orang menyatakan sedihnya, orang-orang besar di negari kami akan menyampaikan pernyataan dukacitanya yang amat sangat. Hanya itu sahaja.

Dengan demikian pertentangan-pertentangan itu berjalan terus meragut seluruh kedamaian yang dicintai.

Dan kami yang terlibat ini?

Beracah-acah dengan maut ... hanya untuk hidup.



*CERPEN KAMI yang TERLIBAT*

Versi cerpen yang diturunkan tahap kebolehbacaannya.

Penjaga malam dengan kasarnya membangunkan kami yang sedang tidur dengan mimpi-mimpi yang indah. Tempat tinggal kami merupakan sebuah bangsal panjang yang dibuat daripada kayu, berdingkan papan dan beratapkan genting. Dalam bangsal itu berderet-deret dua barisan katil-katil kayu berkaki empat yang disirat dengan tali-tali keras dan kasar yang sebesar jari kelengking.

Di katil kami bentang tikar mengkuang dan di situlah kami membaringkan diri sekembali dari bertugas. Tugas kami meronda dengan berbasikal atau berjalan kaki. Kadang kala kami mengenderai jip mengembara di hutan-hutan dan di belukar-belukar tebal. Ada kalanya kami memasuki perkampungan pekebun-pekebun sayur. Katil-katil yang bertali-tali kasar itu adalah tempat tinggal menyenangkan bagi pijat-pijat iaitu binatang penghisap darah. Malah kadang-kadang ia akan menurut kami ke mana-mana dengan bersembunyi di kelipat-kelipat baju kami.

Dalam keadaan yang tidak kami sedari ia mengigit kami dan menghisap darah kami dengan lahapnya melalui mulutnya yang kecil dan tajam. Kemudian badannya akan membesar dan menjadi merah, seperti biji saga, berisi darah kami. Bila badan itu dapat ke tangan kami, dia akan kami picit, lalu bau yang busuk dari tubuhnya kami cium dengan rasa yang kurang senang.

Keadaan berek tempat kami tinggal itu, samalah seperti keadaan sebuah hospital. Katil-katil disusun panjang dua baris

dan di tengahnya kami jadikan jalan lalu-lalang. Bila malam hari keadaannya sungguh-sungguh seperti sebuah wad hospital kelas tiga.

Pengawal malam datang mengejutkan kami dengan jeritan-jeritan yang mengganggu. Kakinya yang berat dengan sepatu polis itu menendang-menendang kaki-kaki katil kami sekiranya lambat.

"Bangun, bangun, oi...!" teriaknya, sambil memukul-mukulkan tongkatnya ke kaki katil-katil kami.

Mata kami yang terpejam beberapa jam itu merasa pedih semasa memandangi lampu. Meskipun kekuatan lampu itu hanya dua puluh lima watt. Dahi-dahi kami berkerut dan rasa marah kepada pengawal. Tetapi tidak seorang pun yang membantah perbuatan itu.

Siapakah yang akan membantah? Hal ini adalah biasa sahaja bagi kami semenjak menjadi anggota polis yang terlatih dengan disiplin-disiplin polis. Malah kalau sampai giliran kami berkawal malam hari, akan kami lakukan demikian pula.

Di luar udara sejuk. Kemudian melonjak-lonjak ia memasuki berek kami.

Kami diroll-call (memanggil nama mengikut daftar) setiap pukul sembilan malam. Sewaktu roll-call tadi malam kami telah menerima perintah bahawa pada pukul dua pagi nanti kami dikehendaki berada di balai polis. Kami diperintahkan memakai pakaian hutan, dengan senjata masing-masing. Setelah habis roll-call saya mengisi botol air saya dengan kopi 'O' pekat dan manis.

Kami sudah berkumpul di balai polis. Berlonggok-longgoklah mereka yang berpakaian seragam warna hijau daun. Mereka memegang

senjata masing-masing. Menceracak senjata-senjata itu tegak dengan mucungnya terdedah ke atas.

Tidak seorang pun antara kami yang bercerita tentang perjalanan tugas kami subuh-subuh itu. Kami sendiri tidak mengetahui ke mana akan pergi, hutan mana yang akan dijelajah, dan belukar mana yang akan ditempuh. Malah kami tidak tahu orang mana yang akan ditangkap atau akan ditewaskan dengan senjata kami.

"Pukul berapa kau balik tadi Dol?" Seorang kawan bertanya ramah kepada kawannya.

"Pukul sebelas." Janda yang kita tengok malam kelmarin aku jumpa lagi?" kawannya menjawab. Kemudian ia menyandarkan kepalanya ke tiang batu. Matanya memandang kosong jauh ke depan. Barang-kali dia mengingati kembali wajah janda yang dilihatnya.

"Janda yang mana, ni? suara baharu menyampuk perbualan itu.

"Si Yam ...lah!

"Janda Cik Mansor yang mati kena tembak dahulu itu!"

"Sarjan Mansor itu? Yang tukar dari depot Kuala Lumpur itu?"

"Yalahhh!"

Saya teringat kepada orangnya. Saya teringat kepada orangnya. Sarjan Mansor bertukar ke balai polis kami kira-kira dua tahun yang lalu. Enam bulan yang lalu dia telah terbunuh dalam suatu pertentangan senjata dengan penganas di hutan. Isteri mudanya balik ke kampungnya di Sungai Udang, Melaka. Beberapa bulan kemudian dia sering dilihat di bandar dan waktu

malam pula dia selalu berjalan-jalan di City Park. City Park ialah sebuah taman hiburan di bandar Melaka. Dia berjalan bersama seorang anak kecil tetapi bukan anaknya.

Dia seorang isteri yang mandul dan sudah dua kali dia kahwin. Perhubungan yang erat sebelum ini menyebabkan mereka berkahwin. Sarjan Mansor mempunyai dua orang anak dengan isteri pertamanya. Isterinya itu meninggal dunia kerana menghidap penyakit batuk kering. Kedua-dua orang anaknya itu dijaga oleh nenek mereka iaitu ibu Sarjan Mansor. Ibunya tidak percaya Sarjan Mansor dapat mendidik anaknya dengan betul, apalagi kalau sudah beristeri baharu. Ditakuti ibu tiri tidak dapat mendidik dan mengurus anak-anak tirinya dengan baik.

"Aku sudah bawa dia dahulu. Katanya dia mahu menyimpan duit sebanyak-banyaknya, untuk membeli tanah sawah. Bila dia tua kelak dia akan bekerja di sawah sendiri. Senang dan boleh hidup."

Demikian suara baharu tadi berkata tenang. Namanya Mahmud, berbadan gemuk pendek. Kami memanggilnya "Mahmud Gemuk." Selalunya dialah yang membawa mesin-gan ringgan bila kami bertugas ke hutan-hutan.

"Ayahnya dahulu ada sawah, tetapi sudah digadaikan kepada ceti. Katanya masa itu musim meleset, kemarau dan sawah tak menjadi. Sekarang sudah lesaplah sawah itu, pindah ke tangan ceti. Tetapi Si Yam itu memang manis ...lah! Kalau dia ketawa ada lesung pipit." Mahmud ketawa senang.

Dol yang mula-mula membawa cerita itu merasa kalah. Dia yang seharusnya mendahului Mahmud Gemuk. Matanya terkebil-kebil

dan melepaskan sesuatu keluhan yang berat. Akhirnya suara perbualan itu hilang dengan tiba-tiba terhenti.

Ketua-ketua kami datang dan memerintahkan kami berkumpul menurut pasukan masing-masing. Perintah yang dikeluarkan sangat tegas. Kami seolah-olah menjadi seperti sebuah mesin mengikut arahan apabila butangnya ditekan.

Kami sendiri kurang mengerti mengapa kami begitu patuh, takut dan sentiasa hormat kepada perintah-perintah itu. Kadang-kadang ada terasa perasaan benci terhadap ketua kami terutama yang selalu memarahi kami. Kami anggap mereka sebagai musuh di hadapan kami.

Kami diperintah menaiki kenderaan di perkarangan balai polis. Masing-masing berebut naik kenderaan yang dianggap baik dan bagus. Van Ford yang bentuknya seakan-akan sebuah bas dikerumuni dan kami masing-masing berebutan memanjatnya seperti kera dikejar manusia. Demikian juga jip yang dua buah itu menjadi rebutan kami. Orang-orang yang tidak begitu gemar berebut sahajalah yang dengan tenang memeluk senapangnya menuju lori tiga tan yang besar dan tidak berbumbung.

Beberapa saat kemudian kelihatanlah ketua-ketua kami termasuk seorang orang putih, O.C.P.D. menuju kenderaan masing-masing.

Perjalanan kami mula-mula melalui jalan-jalan raya bandar yang sepi. Seorang dua orang yang berpakaian kotor dan koyak rabak melintasi jalan raya dan membongkar-bongkar tong-tong sampah. Mereka mengeluarkan semua isinya lalu mencari sesuatu.

Jalan raya itu menjadi kotor dengan sampah bersepah-sepah yang dikeluarkannya dari tong-tong itu.

Beberapa ekor anjing kelihatan juga turut menyelongkar tong-tong sampah itu dan menghidu kepada longgokan-longgokan sampah yang sudah dikeluarkan oleh orang-orang itu. Antara orang-orang berbaju kotor dan koyak-koyak dengan anjing-anjing itu seolah terikat suatu nasib yang sama.

Bunyi kenderaan kami yang bertali arus itu berdengung-dengung keluar dari enjinnya. Bunyinya itu memecah sunyi dinihari dan cahaya lampu-lampunya menyinari kegelapan hutan belukar. Udara yang amat sejuk. Angin yang deras menampar-nampar muka kami. Enjutan-enjutan kenderaan kami kerana jalan yang berlekuk itu menyebabkan kami berhantukan. Ini menyebabkan perasaan marah di kalangan kami.

Setelah subuh kami sudah berjalan membelah hutan kecil penuh embun. Pada waktu itu seperti selalu kami bersenyap-senyap dan bersiap-sedia sahaja. Senjata sudah kami isi. Hati kami berdedar-debar dan segala bunyi di sekeliling kami didengar dan diawasi dengan teliti.

Kadang-kadang terasa kesayuan di hati kami. Kesayuan itu sungguh mendalam apabila terkenangkan orang-orang yang selalu hidup di keliling kami dan yang kami kasihi. Wajah ahli keluarga kami timbul dalam ingatan. Kebaikan-kebaikan merekalah yang terbayang di ruangan mata kami. Kami memikir-mikirkan bagaimanakah kalau kami mati di tengah hutan ini.

'Kalau aku mati, anak-anakku menjadi yatim. Isteriku jadi janda. Mereka harus menanggung beban hidup yang berat ini.

Isteriku akan memikul bebannya yang berat dan besar. Ia mencari nafkah hidupnya, nafkah anak-anaknya. Barang kali anak-anakku akan berjaja kuih. Barang kali isteriku akan menangis teresak-esak. Oh, Tuhan Yang Maha Pengasih, selamatkanlah mereka...'

Barang kali itulah doa yang direka dalam kepala kawan-kawan yang mempertaruhkan nyawa untuk kehidupan keluarganya. Tidak ada yang lain lagi. Dan apabila mereka mati, maka kematian itu semata-mata untuk isteri dan untuk anak-anaknya!

Orang menyatakan bahawa kami sedang berjuang untuk membela tanah air, dan apabila kami mati dikatakan "gugur sebagai bunga bangsa". Sebenarnya pada saat ini, sewaktu kami mempertaruhkan jiwa, fikiran kami seluruh tertumpu kepada kenangan bersama keluarga.

Kami sendiri tidak tahu siapa musuh kami. Kami dengan tiba-tiba sahaja bermusuh dengan mereka dan kemudian saling membunuh, saling tewas!

Pasukan kami berjalan terus. Tiba-tiba sahaja terdengar bunyi tembakan-tembakan yang hebat dari dua arah iaitu dari kanan dan kiri kami. Serangan yang tiba-tiba itu menyebabkan kami gugup. Masing-masing merebahkan diri ke tanah dan menerkam ke pangkal pohon mencari perlindungan.

Kemudian terjadilah peperangan kecil yang hebat. Dalam waktu yang genting itu kami tidak ingat kepada ahli keluarga. Tidak juga terbayang batu nisan atau jenazah kami sedang diusung dengan kebesaran, dialu-alukan dengan tembakan beberapa das. Kami hanya menembak terus-menerus. Peluru-peluru terbang silang siur dengan senangnya menembus daun-daun kayu, membelah dahan-

dahan atau membenamkan dirinya ke tanah. Tak ada rasa takut pada hati kami.

Tiba-tiba tembakan-tembakan daripada pihak lawan berhenti dengan mengejut. Berikutnya kami pula mematikan tembakan. Lima ela dari tempat saya meniarap di pangkal sebatang pohon kelihatanlah Dol tertiarap dengan tangan kanannya menekup rusuk kirinya. Tidak jauh daripadanya kelihatan pula Wak Berahim terlentang. Senapangnya ikut terbaring di sebelahnya.

Itulah yang saya lihat dalam suasana yang samar-samar antara dinihari menjelang subuh. Belum ada di antara kami yang berani berdiri. Berdiri dalam keadaan yang demikian bererti mendedahkan tubuh kepada sasaran peluru. Malah kami masih menahan nafas, seolah-olah takut kalau-kalau nafas kami itu didengar oleh orang lain.

Malang nasib Dol, anak muda yang kurus tinggi itu. Bagaimana pula nasib Wak Berahim yang terlentang itu? Dia sudah tua. Umurnya barang kali sebaya dengan ayahku. Sudah lama dia berkhidmat sebagai seorang polis.

Polis tua itulah gelaran yang selalu diejekkan oleh kami yang muda ini. Orang-orang muda yang bersekolah dan mahir berbahasa Inggeris, setelah setahun sahaja berkhidmat sudah naik pangkat. Merekalah yang selalu menengking-nengking Wak Berahim: "Mata-mata tua, tidak tahu kerja! Bodoh! Balik kampung lagi baik! Kata-kata yang kasar seperti itu sudah biasa benar bagi Wak Berahim. Dia diam dan menundukkan kepalanya.

Meskipun hatinya merasa amat sedih diperlakukan oleh orang-orang yang jauh lebih muda daripadanya, namun Wak Berahim

tetap taat dalam pekerjaannya. Jika berkawal di pintu bangunan rumah Residen misalnya, Wak Berahim berkawal dengan baik dan taat. Dia akan berdiri selama empat jam atau berjalan ulang-alik memikul senapangnya dengan penuh disiplin seorang polis.

Enam bulan lagi dia akan bersara dan mendapat cuti panjang selama tiga bulan dengan gaji penuh. Bersara bagi seorang polis tua seperti Wak Berahim adalah puncak kegembiraan dalam seluruh perkhidmatannya. Dia akan pulang ke kampungnya bersawah padi ataupun berladang. Hasil gajinya setiap bulan dijimati-jimatkannya dan setelah bertahun-tahun dibelinya sebidang tanah ladang atau tanah bendang. Kepada tanah inilah khidmatnya akan dicurahkan dalam usianya seperti sekarang ini.

Anak-anaknya pun sudah besar. Mereka akan mencari pekerjaannya sendiri sebagai askar ataupun sebagai polis mengambil warisan ayahnya. Anak perempuannya pula pastilah dia telah menjadi gadis, sudah lepas sekolah, dan sudah khatam mengaji Qur'an. Tak lama lagi lepaslah daripada tanggungan ayah bonda bila telah berkhawin.

Begitu bahagia dan sederhana rancangan-rancangan kehidupan Wak Berahim yang kebetulan mempunyai tiga orang anak. Anak yang pertama sudah menjadi polis. Anak keduanya, sudah gadis remaja dan telah pun bertunangan dengan anak muda sekampungnya. Perkahwinan mereka dijangka setelah Wak Berahim bersara. Anak bongsunya seorang perempuan juga, kini sedang meningkat gadis sunti.

Ah, saya pandang lagi tubuh Wak Berahim yang sudah kaku itu.

Ketika itulah Sarjan Rais bersama Mahmud Gemuk membawa mesin-gan ringgan dalam pasukan kami datang menyusup-nyusup di hutan itu. Nafasnya turun naik. Sambil berlutut dia memanggil kami yang bertebaran di pangkal-pangkal pohon itu untuk berkumpul. Kemudian dengan suara gugup dan putus-putus kerana lelahnya dia berkata:

"Kita bertembak dengan Pasukan Hutan yang masuk dari sebelah atas. Koperal Limat mati. Dua lagi luka. Baik juga kita lekas dengar daripada woki-toki (telefon tanpa wayar)."

"Kita sama kita bertembak." Dia mengulang lagi dengan suara penuh kesal. Kemudian terdengar keluhnya yang berat. Kami ikut mengeluh dan menghela nafas dengan seribu perasaan yang berkecamuk di dada.

Kami berangkat pulang membawa mayat-mayat dan rakan-rakan yang cedera. Semua kegembiraan yang kami bawa sewaktu datang tengah malam tadi telah hilang. Segala keriuhan yang mengikuti kami itu pun telah pun pergi bersama roh sahabat-sahabat. Mereka mati di tangan kami sendiri.

Senjata dan peluru yang diberikan kepada kami untuk membunuh orang lain telah membunuh mereka. Apabila kejadian ini diberitakan, maka semua orang menyatakan simpati. Orang-orang besar akan menyampaikan ucapan takziah. Oleh itu pertempuran-pertempuran terus berlaku dan meragut seluruh kedamaian yang dicintai.

Dan kami yang terlibat ini?

Beracah-acah dengan maut ... hanya untuk hidup.